

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	(Halaman 14)
Jawatankuasa:	
Jadual –	
Maksud B.1 hingga B.13	(Halaman 16)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2000	
Jawatankuasa:	
Maksud P.7 dan P.8	(Halaman 16)
Usul Untuk Meminda Jadual Dalam Rang Undang-undang Perbekalan di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9)	
– Mengurangkan RM10 daripada Gaji YAB Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - <i>Y.B Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]</i>	(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramania m, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia,
Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan
(Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tajah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan
Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan
Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin
Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P.
(Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T.,
S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P.
(Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit
Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M.,
K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

- Yang Berhormat Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

- Yang Berhormat Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)

- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)

Yang Berhormat Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)

- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 20 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) jumlah kos untuk membina jalan susur ke Genting Highlands dan syarikat konsesi mana yang melaksanakan projek tersebut; dan
- (b) adakah kerajaan mempunyai rancangan yang rapi untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penyewa-penyewa gerai di Kompleks Rehat dan Rawat MTD, Genting Sempah akibat dari pembukaan jalan susur tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah kos untuk membina jalan susur ke Genting Highlands ialah sebanyak RM60 juta. Syarikat konsesi yang melaksanakan projek tersebut ialah MTD Prime Sdn. Bhd.
- (b) Kerajaan sedar dengan pembukaan jalan susur tersebut perniagaan penyewa-penyewa gerai di Kompleks Rehat dan Rawat, Genting Sempah telah merosot kerana pengunjung ke Genting Highlands tidak perlu melalui kawasan Kompleks Rehat dan Rawat tersebut.

Untuk membantu penyewa-penyewa gerai terbabit mengatasi masalah mereka, kerajaan telah dan sedang menimbang untuk melaksanakan beberapa langkah tertentu iaitu:-

- (i) membina '*direct access*', dengan izin, jalan susur masuk ke kawasan rehat dan rawat tersebut untuk kenderaan yang datang dari arah Karak menghala ke Kuala Lumpur. Ini boleh menarik pengguna-pengguna lebuhraya terutamanya dari arah timur untuk singgah di kawasan rehat dan rawat ini;
- (ii) memaparkan papan tanda yang lebih besar untuk menonjolkan kawasan rehat dan rawat ini; dan
- (iii) menimbang untuk memberi kebenaran kepada bas-bas ekspres lebuhraya dari timur dan dari Kuala Lumpur terutamanya untuk berhenti di kawasan rehat dan rawat ini untuk mengambil dan menurunkan penumpang.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan maklumat lanjut – soalan tambahan ini – berkenaan dengan menambahkan kos yang amat tinggi untuk membina jalan susur tersebut, adakah ini mengakibatkan tempoh konsesi MTD ini dipanjangkan. Saya juga hendak dapat tahu bahawa rancangan untuk menjadikan tempat kompleks rehat dan rawat MTD menjadikan satu perhentian bas ini agak bila ianya boleh dilaksanakan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, tolnya tidak dinaikkan juga dan tempohnya mengikut perjanjian dan ini sebagai satu kerja tambahan sahaja di mana kita ingat beberapa tahun dahulu ada tanah runtuh di Genting Highlands, ianya adalah satu kerja tambahan di mana kita akan memberikan keselamatan kepada pengguna khususnya untuk pelancong ke Genting Highlands dan khususnya juga mengelakkan kesesakan di terowong, mereka tidak perlu melalui terowong.

Untuk soalan kedua, setakat ini belum ada rancangan untuk membuatkan tempat kompleks ini sebagai satu perhentian bas, tetapi kita ada cadangan untuk yang saya jawab tadi untuk menurun atau mengambil penumpang di kompleks ini.

2. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan pelabur asing di Malaysia sepanjang tahun 1998 dan 1999 dari segi bilangan dan jumlah pelaburan dan jenis kegiatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang perlu dijawab pada 4 April tahun ini kerana kedua-dua soalan ini ada berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelabur asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan dengan lesen pengilang adalah RM13.1 bilion untuk tahun 1998 dan RM12.3 bilion untuk tahun 1999. Pada tahun 1998 pelabur asing tertumpu dalam industri kimia dan barangan kimia iaitu RM4.1 bilion, barangan petroleum dan petrochemical iaitu RM2.2 bilion, barangan elektronik/elektrikal iaitu RM1.9 bilion dan barangan logam asas iaitu RM900.3 juta. Keempat-empat industri tersebut menyumbang sebanyak RM8.2 bilion atau 70.2% daripada jumlah pelabur asing pada tahun 1998.

Pada tahun 1999 pelabur asing tertumpu dalam industri barangan elektronik dan elektrikal, iaitu RM5.9 bilion, barangan petroleum dan petrochemical iaitu RM3.1 bilion dan kertas percetakan dan penerbitan iaitu RM1.1 bilion. Ketiga-tiga industri berkenaan menyumbang sebanyak RM10.1 bilion atau 82.1% daripada jumlah pelabur asing pada tahun 1999.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh agensi MITI dan MIDA mengenai kemajuan pelaksanaan projek yang diluluskan setakat 30 Jun 1999, daripada 560 syarikat yang diluluskan dengan penyertaan asing pada tahun 1998, 509 syarikat atau 91% telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dalam tempoh 1996 hingga tahun 2000 pelabur asing dalam sektor perkilangan patut mencapai secara purata iaitu RM80.8 bilion setiap tahun. Berdasarkan trend pelabur asing yang diluluskan untuk tempoh tahun 1900 hingga 1999 Malaysia boleh mencapai sasaran pelabur asing yang ditetapkan untuk tahun 2000.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin bertanya dari jumlah itu bagaimanakah kedudukan pelaburan

baru yang terlibat dan berapa pula yang terpaksa menutup operasi, kesan dari krisis ekonomi dari tahun 1997 dan nyatakan sebab-sebab penutupan itu dan sejauh manakah usaha yang dibuat oleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun: Lagi satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup setakat ini.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diberi kepada saya penutupan syarikat-syarikat asing itu amatlah kecil, adalah satu-dua dalam sektor elektronik dan elektrik kerana taraf teknologi itu rendah, tidak berdaya saing (*competitive*) dengan negara-negara seperti China dan Vietnam. Syarikat-syarikat itu telah pindah ke sana dan tutup operasi di Malaysia. Ada satu-dua syarikat-syarikat juga tutup kerana bahan-bahan mentah yang dibekalkan daripada Malaysia itu pun tidak mencukupi. Itulah sahaja.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada maklumat-maklumat majalah *Investment* didapati bahawa pelabur asing di Malaysia adalah yang terendah, pertama berbanding dengan Indonesia, Korea Selatan dan Thailand. Kenapakah Malaysia yang terendah sekali berbanding dengan keempat-empat negara ini dari segi pelabur asing (FDI). Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia cuma mempunyai 22 juta orang sahaja, Indonesia ada melebihi 200 juta penduduknya, Thailand ada 70 juta orang. Kalau dibandingkan dengan purata, Malaysia memang lebih tinggi daripada Indonesia dan Thailand. Tetapi kita tidak menyoal perkara ini. Yang kita menumpukan perhatian iaitu kita ada satu sasaran yang mesti 'mencapai' dalam Rancangan Malaysia Kelima dan tahun-tahun yang kemudian. Jadi, purata yang ditetapkan iaitu RM8.8 bilion setahun. Mengikut angka-angka yang diberi, tiap-tiap tahun kita sudah meluluskan pelaburan asing yang melebihi RM10 bilion. Ini menunjukkan Malaysia masih mempunyai persekitaran yang menarik untuk pelabur-pelabur asing.

[Soalan No. 3 – Y.B. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau) tidak hadir]

4. **Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Penerangan menyatakan prinsip-prinsip utama etika pengiklanan yang diguna pakai di negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, kod iklan Kementerian Penerangan dirangka atas dasar kepentingan melindungi orang awam, negara dan kerajaan daripada anasir-anasir yang boleh mengancam perpaduan dan pertumbuhan negara yang disebarkan melalui media penyiaran. Kod ini juga diwujudkan atas rasa tanggungjawab dan kepekaan kerajaan terhadap kehendak masyarakat, tatanilai dan sosio-budaya negara serta hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa yang bertamadun, berdaya maju dan bermoral tinggi. Kandungan terperinci mengenai kod iklan boleh diperolehi melalui laman web Kementerian Penerangan menerusi alamat; www.kempen.gov.my.

Sebagai makluman kod ini adalah terpakai bagi RTM sahaja, manakala bagi stesen swasta adalah tertakluk di bawah panduan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya ada naskhah yang dipanggil *Advertising Code for Television and Radio, Ministry of Information, effective*

1.10.1990. Dalam *Code Ethic* ini dinyatakan misalnya Perkara 3 di atas tajuk *Sensibilities*

(a) political religion - Advertisement, dengan izin, may not be inserted by or on behalf of anybody the object of which are wholly or mainly of a religious or political nature.

Kedua, Perkara 13, *denigration, superstition, fear* – dengan izin, sekali lagi, *advertisement must not discredit or attack unfairly other product services of advertisement directly or by implication.* Bermakna, di dalam kod ini dinyatakan dengan jelas bahawa iklan-iklan yang berbentuk politik, iklan-iklan yang memburukkan produk-produk lain tidak diizinkan. Tetapi dalam masa kempen pilihan raya yang lalu kita dapati iklan-iklan yang dikeluarkan dalam radio, televisyen dan akhbar, misalnya dengan izin, sekali lagi: *“Vote opposition and you will vote the country into chaos, vote opposition and you will vote away your religious freedom, vote opposition and you will vote away your cultural freedom.”* Ini adalah sudah tentu amat bercanggah dengan kod etika yang ditentukan sendiri oleh Kementerian Penerangan.

Jadi, saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri jika kementerian bercadang untuk mengambil tindakan terhadap Barisan Nasional di atas iklan-iklan yang jelas bercanggah dengan dasar kod etika ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, itu iklan yang dimasukkan oleh pihak-pihak tertentu, bukan Barisan Nasional. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri selain daripada olahraga, lain perkara tidak begitu wajarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan tambahan?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan memang banyak. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, adakah – memang banyak kerana tongkat membawa rebah tadi, Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat boleh mencari helah dan *excuse* dan alasan yang banyak. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa iklan-iklan yang kononnya diadakan oleh pihak swasta ataupun pihak individu itu telah merosakkan maruah, merosakkan integrity bukan sahaja parti Barisan Nasional bahkan juga rakyat jelata. Dan adakah Yang Berhormat akan semak, mengkaji semula dan menggubalkan etika yang lebih berkesan untuk menjaga martabat negara.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, semak itu mungkin boleh, tinggal lagi tafsiran untuk Yang Berhormatlah.

5. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pegawai-pegawai pendaftaran pertubuhan betul-betul menyemak atau memeriksa akaun pertubuhan sukarela yang telah dikemukakan setiap tahun untuk mengelakkan sumbangan wang daripada orang awam disalahgunakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, semua pertubuhan berdaftar adalah diwajibkan menghantar penyata kewangan setiap tahun mengikut Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1996. Penyata ini perlu diluluskan dalam mesyuarat agung pertubuhan sebelum dihantar kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Dengan yang demikian, ahli-ahli setiap pertubuhan adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap perkara yang diluluskan adalah betul dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan sememangnya menyemak penyata kewangan setiap pertubuhan berdaftar. Apabila terdapat sebarang perbelanjaan atau penerimaan yang tidak selaras dengan undang-undang berdaftar, Jabatan Pendaftar Pertubuhan akan membuat pemeriksaan ke atas akaun itu. Sekiranya terdapat aduan

penyelewengan kewangan terhadap sesuatu pertubuhan, siasatan lanjut ke atas pertubuhan dengan memeriksa buku-buku rekod kewangan pertubuhan berkenaan akan turut dijalankan.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Dalam sesuatu program yang dianjurkan oleh pertubuhan sukarela untuk mendapatkan sumbangan daripada orang awam, adakah pihak kerajaan ingin menentukan tempoh masa program kutipan itu seperti tiga bulankah, empat bulankah dan memastikan akaun itu ada sempurna. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pertubuhan-pertubuhan begini akan mengemukakan cadangan mereka dan tujuan mereka memungut sumbangan-sumbangan yang berkenaan dan pihak Pendaftar Pertubuhan sekiranya mahu meluluskan ini adalah berasaskan kepada permintaan-permintaan yang ditetapkan ataupun yang dicadangkan oleh pertubuhan itu sendiri dan semua surat ini akan menjadi satu tanda kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan untuk menyemak apabila akaun pertubuhan itu dikemukakan setelah selesai mesyuarat agung pertubuhan yang berkenaan.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Pertubuhan untuk menyediakan mereka benar-benar berwibawa dalam pengendalian kerja atau tugas semakan dan pemeriksaan ke atas laporan-laporan tahunan yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita ada sistem yang tersendiri. Pegawai-pegawai kita yang kita tetapkan kepada jabatan yang berkenaan adalah pegawai-pegawai yang sudah diberi tanggungjawab dan diberi taklimat, ditentukan tugas-tugas yang perlu dijalankan mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan. Dari segi penyiasatan bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, saya yakin dan daripada Kementerian kita bahawa kita sangat berpegang kuat dengan kepercayaan kita berikan kepada pegawai kita untuk menjalankan tugas mereka dan sekiranya pegawai yang berkenaan melakukan kesalahan, biasanya kita akan memberi kursus/latihan kepada mereka yang berkenaan dalam jangka masa bekerja dalam latihan.

6. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan siasatan yang dijanjikan berhubung tindakan pekerja Suruhanjaya Pilihan Raya menanda nombor siri kertas-kertas pengundi di bahagian yang dipegang oleh pekerja setelah kertas undi dipisah dan diserahkan kepada pengundi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihan Raya dalam siasatannya mendapati tidak terdapat pekerja SPR mencatatkan nombor siri kertas-kertas pengundi di keratan yang dipegang oleh pekerja SPR memandangkan nombor siri kertas undi sememangnya sudah tertera di keratan kertas undi (*counter foil*). Kenyataan Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menanya, dengan adanya tindakan baru-baru ini daripada Ketua Menteri Melaka, bagaimana ini boleh digunakan sebagai satu hukuman terhadap pengundi-pengundi yang dikatakan tidak mengundi pihak berkuasa. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan, terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu memang terkeluar daripada soalan asal. Apa yang saya katakan tadi ialah siasatan telah dijalankan oleh pihak SPR dan apa yang didakwakan oleh Yang Berhormat ini tidak benar. Jadi, itu satu keputusan daripada siasatan yang telah dijalankan oleh pihak SPR dan saya ingat kenyataan akhbar Ketua Menteri Melaka ataupun sesiapa itu tidak berkenaan dengan apa yang kita bincangkan dalam Dewan pada hari ini.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mula-mulanya saya ingin merakamkan bahawa Menteri yang berkenaan tidak faham apa maksud soalan ini. Sebenarnya apabila seseorang pengundi apabila dia masuk ke satu bilik pengundi, betul juga keratan dan kertas undi memang sudah ada nombor siri tetapi apabila pekerja-pekerja SPR menyemak pengundi itu dalam senarai pengundi itu ada nombor siri. Misalannya, dalam satu muka senarai itu memang dari 1 hingga 25 dan pekerja-pekerja itu akan mencatat nombor mengikut senarai pengundi itu di atas *counter foil* yang dipegang oleh SPR itu, itulah maksudnya, jangan kata selepas siasat dia tak ada hal ini.

Okay, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang ada asasnya soalan ini ditanya kerana orang ramai khasnya kakitangan-kakitangan awam terutama sekali mereka yang masih bekerja, mereka takut bahawa siapa mereka undi itu dibocorkan dan mereka akan diambil tindakan seperti apa yang berlaku pada masa sekarang. Apakah SPR tidak mengambil satu usaha untuk mempergiatkan publisiti bahawa mengundi adalah rahsia seperti proses membakar kertas undi selepas enam bulan, mempamerkan ini dalam TV di kertas, di surat khabar bahawa selepas enam bulan diundi orang ramai dijemput untuk menyaksikan pembukaan peti yang dikunci itu dan lepas dibakar supaya orang ramai ada keyakinan undi adalah rahsia.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, komen awal daripada Yang Berhormat itu mengatakan saya tidak faham tentang soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tetapi bentuk soalan itu memang menuduh bahawa SPR ini telah menuliskan siri nombor counter foil dalam keratan yang disimpan oleh SPR tetapi mungkin maksud Yang Berhormat tadi itu ialah dalam satu kertas undi. [*Menunjukkan kertas undi*] Ini hanya contoh ya, ini contoh, bukan diambil dari mana-mana, satu contoh, iaitu ada satu ruang untuk nombor pemilih dalam daftar pemilih, ini saya akui berlaku oleh kerana peraturan-peraturan pilihan raya meminta supaya SPR menentukan mereka itu sudah mengundi iaitu seandainya mereka didakwa bahawa seseorang pengundi itu tidak dibenarkan untuk mengundi, SPR mempunyai satu bukti bahawa dia sudah mengundi, jadi saya fikir itulah dimaksudkan dalam soalan ini.

Tentang pengendalian pengundian di negara kita ini, saya fikir ini semua pun satu gerakan yang dilihat sebagai terbuka, di setiap daerah mengundi orang ramai ataupun pengundi-pengundi memang melihat pengiraan undi dari peti undi-peti undi berkenaan. Saya fikir pihak parti-parti iaitu dari parti pembangkang, daripada parti kerajaan mempunyai tugas untuk membantu SPR supaya pengundi-pengundi itu dapat tahu bahawa semua ini adalah rahsia dan saya tidak setuju kertas undi ini dibakar selepas sahaja dikira oleh kerana apabila ada kes rayuan di mahkamah, kita tidak akan dapat membuktikan dalam mahkamah nanti.

7. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab kementerian menolak permohonan pendaftaran Parti Sosialis Malaysia tanpa memberi alasan manakala meluluskan pendaftaran permohonan Malaysian Democratic Party dalam tempoh yang begitu singkat sebelum Pilihanraya 1999.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran Parti Sosialis Malaysia telah ditolak kerana tidak memenuhi peruntukan-peruntukan yang diwajibkan di bawah Akta Pertubuhan 1996 dan juga Peraturan-Peraturan Jabatan Pendaftar Pertubuhan. Dalam kes ini penolakan pendaftaran Parti Sosialis Malaysia tidak dilakukan setelah jawatankuasa penaja gagal memenuhi kehendak kementerian serta tidak menjawab surat bertempoh yang dihantar kepada mereka. Sementara itu, permohonan untuk mendaftar *Malaysian Democratic Party* diterima pada 30 Jun 1999 dan didaftarkan pada 13 Oktober 1999. Permohonan parti ini diluluskan setelah ianya memenuhi semua syarat yang dikenakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelum nama kawasan disebut tidak boleh buat apa-apa pertanyaan, tunggu saya....tunggu Pengerusi sebutkan.....

Paun Teresa Kok Suh Sim: Oh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya, sekiranya pemimpin parti, 'protem' Committee Parti Sosialis Malaysia ini menghantar permohonan mereka sekali lagi dan memenuhi kesemua syarat yang ditentukan dalam borang permohonan itu, adakah pihak kerajaan akan menimbangkan permohonan mereka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Seputeh, bolehkah saya menganggap bahawa Seputeh mewakili Sosialis Rakyat Malaysia ini *[Yang Berhormat bagi Seputeh menggelengkan kepala]* ataupun Seputeh bersama dengan Parti Sosialis Rakyat Malaysia untuk mengemukakan permohonan ini? Seputeh tidak mahu, tidak apa. Sebagai menjawab soalan ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan menimbang semua permohonan dan kita akan menolak semua permohonan yang tidak mengikut syarat dan tidak mencukupi kehendak-kehendak peraturan Pendaftar Pertubuhan seperti yang diwajibkan kepada semua pertubuhan dalam negara kita.

8. **Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad [Jeli]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan daripada lawatan misi perdagangan ke luar negara, berapa kalikah (bilangan) yang dihadiri oleh YB. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan ke negara mana. Daripada lawatan yang dihadiri YB. Menteri tersebut, berapa kalikah wakil daripada Kerajaan Negeri Kelantan atau anak-anak syarikat negeri Kelantan dijemput sama.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pihak MITI bersama MATRADE dan MIDA telah mengadakan lapan rombongan gerakan perdagangan dan pelaburan bagi tahun 1999. Dari jumlah itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengetuai lima rombongan, manakala tiga rombongan lagi masing-masing diketuai oleh Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Pengerusi MIDA. Negara-negara serta bandar-bandar yang telah dilawati dalam tahun 1999 adalah seperti berikut:

- (i) MITI mengadakan dua rombongan ke Amerika Syarikat termasuk bandar-bandar Phoenix, Salt Lake City, San Francisco, Cleveland, Minneapolis dan Atlanta.
- (ii) Satu rombongan ke Emiriah Arab Bersatu, Syria dan Mesir termasuk bandar Abu Dhabi, 'Dhamas Coast' dan Kaherah;
- (iii) Satu rombongan ke Jepun dan Taiwan termasuk bandar-bandar Tokyo, Osaka, Taipei dan 'Chaotung';
- (iv) Satu rombongan ke Myanmar, Laos PDR, Vietnam dan Cambodia termasuk bandar-bandar Yanggun, Vientiane, Ho Chi Minh dan 'Nom Phien';
- (v) Satu rombongan ke Australia termasuk bandar-bandar Sydney, Melbourne dan Perth;
- (vi) Satu rombongan ke China termasuk bandar-bandar Beijing, 'Dhalian' dan Shanghai;
- (vii) Satu rombongan ke Eropah termasuk bandar-bandar 'Dusseldorf', Brazil, Vienna dan Manchester.

Tuan Yang di-Pertua, semua kerajaan negeri termasuk Kerajaan Negeri Kelantan, anak-anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat-syarikat swasta telah dijemput untuk menyertai rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ini. Untuk makluman, seramai 36 orang wakil kerajaan negeri dan 245 wakil pihak swasta telah menyertai rombongan-rombongan tersebut. Dari jumlah ini seorang wakil dari pusat pelaburan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengikuti rombongan ke Emiriah Arab Bersatu, Syria dan Mesir yang telah diadakan pada 23 Mei hingga 1 Jun 1999.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau diperhatikan daripada lawatan-lawatan yang dibuat ini, dan mengikut maklumat yang saya terima daripada Kerajaan Negeri Kelantan, Kelantan hanya dijemput dan seperti mana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada ke Amerika Syarikat dua kali, ke Jepun sekali, Myanmar dan sebagainya, hanya dijemput ke UAE, Syria dan Egypt. Kenapa tidak dijemput ke tempat-tempat lain seperti Amerika Syarikat, Myanmar, Australia, China dan Eropah? Sekian, terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, itulah keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Jemputan dibuat tiap-tiap awal tahun. Jadi, ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk membuat keputusan sama ada dia hendak menyertai rombongan ke mana-mana negeri. Saya, daripada keputusan Kerajaan Negeri Kelantan saya tahu sebab Emiriah Arab Bersatu, Syria, Mesir ini adalah negara-negara Islam. Oleh sebab itu dia membuat keputusan begitu. Saya di sini mengalu-alukan bagi pihak MITI supaya Kerajaan Negeri Kelantan atau mana-mana kerajaan-kerajaan negeri, menyertai rombongan itu beramai-ramai pada bila-bila masa yang akan datang.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah asasnya ataupun pihak kementerian mempunyai asas yang kukuh menyatakan bahawa pelabur-pelabur asing besar kemungkinan tidak akan datang ke Terengganu dan Kelantan berdasarkan kepada ucapan ataupun keratan akhbar yang dibuat oleh Menteri menyatakan besar kemungkinan pelabur-pelabur asing di Kelantan dan Terengganu akan keluar daripada kedua-dua negeri tersebut. Apakah Yang Berhormat sedar dan apakah asas kepada kenyataan tersebut. Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengalu-alukan pelaburan dibuat di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan mana-mana negeri di Pantai Timur termasuk Sarawak dan Sabah tetapi tiap-tiap kerajaan negeri tersebut mesti menyediakan suasana persekitaran yang menggalakan supaya pelabur-pelabur asing akan pergi. Mengikut maklumat yang kita ada cuma tiga syarikat bercadang melabur di negeri Kelantan pada dua, tiga tahun yang lepas. Ketiga-tiga itu berjumlah lebih kurang RM4 juta sahaja dan semua datang dari negeri Singapura sahaja. Ini adalah satu asas untuk kita mendapat satu kesimpulan pelabur-pelabur daripada negara asing takut pergi melabur di kerajaan negeri seperti Kelantan.

9. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapakah KWSP, atas sifatnya sebagai tabung pekerja yang sepatutnya memanfaatkan para pekerja, diboraskan kepada pelaburan-pelaburan tidak berhemah yang tidak ada kena mengena dengan kepentingan pekerja seperti menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu, pembinaan KLIA dan lain-lain.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali wang KWSP diboraskan kepada pelaburan-pelaburan yang tidak berhemah atau digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu yang bermasalah. KWSP merupakan pemberi pinjaman yang mana ia perlu dibayar balik oleh peminjam ataupun penjamin. Syarat bagi pemberian pinjaman meliputi

kriteria yang ketat seperti keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman, jaminan oleh kerajaan atau bank atau cagaran lain.

Pelaburan ekuiti pula dilakukan selepas kajian *viability* yang terperinci dibuat manakala pembelian saham adalah berdasarkan *fundamental* dan potensi pulangan. KWSP tidak sama sekali menggunakan wang sama ada dalam bentuk pinjaman atau pelaburan secara yang tidak berhemah atau secara boros. Malah setiap pinjaman dan pelaburan terlebih dahulu diteliti dan dihalusi supaya memberi pulangan yang memuaskan sama ada dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang. Dalam masa yang sama, kepentingan pencarum tidak terjejas dan KWSP dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Setakat 31 Januari 2000, KWSP telah memberi pinjaman yang dijamin oleh kerajaan kepada 8 syarikat termasuklah kepada KLIA Berhad, Khazanah Nasional Berhad dan *Sarawak Electricity Supply Cooperation*. Pinjaman yang diberi dengan jaminan bank atau cagaran lain termasuklah kepada Tenaga Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad dan *Malaysia Building Society* Berhad. Kadar faedah yang dikenakan adalah di antara 7.25% hingga 12% setahun dan tempoh pinjaman di antara 3 hingga 20 tahun. Pinjaman tersebut telah memberikan pulangan yang baik kepada pihak KWSP.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri memberi penjelasan yang agak panjang lebar tentang pelaburan KWSP. Saya hendak tanya sedikit dari segi pelaburan dalam pasaran saham atau pelaburan dalam sektor swasta yang tiada jaminan kerajaan, berapa peratus daripada – pertama, adakah dilabur tiada *guarantee* kerajaan, jaminan kerajaan. Yang kedua, kalau ada berapa peratus, 5% kah, 10%, sebab di sebelah sana, cuba hendak menggambarkan kononnya kita lelong harta KWSP ini. Ini memang tidak ada cara lain lah ni. Soalan ini saya rasa bukannya Kuala Kedah buat, mungkin yang belah Kelantan, suruh dia tanya ni. [Disampuk]

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pelaburan yang dilakukan oleh pihak KWSP adalah diberikan jaminan oleh sama ada kerajaan ataupun bank ataupun dengan cagaran yang lain. Dan, untuk pelaburan dalam saham, setakat ini cuma 19% daripada pelaburan KWSP adalah dilaburkan dalam pasaran saham dan segala pelaburan yang dibuat adalah diteliti secara ketat sekali oleh pihak Jawatankuasa ataupun Panel Pelaburan supaya apa jua saham yang dibeli ini adalah berdasarkan kepada potensi pulangan yang baik dan juga berdasarkan kepada fundamental sesebuah syarikat di KLSE ini dan setakat ini pulangan yang didapatkan oleh KWSP dalam semua pelaburan khususnya dalam pelaburan saham memang mendatangkan pulangan yang amat memuaskan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan pihak Kementerian Kewangan tadi bahawa syarikat-syarikat yang diberi pinjaman itu mampu membayar balik. Saya tidak pertikaikan soal mereka mampu membayar balik, sama ada 7% atau 15%, yang kita tekankan di sini ialah KWSP untuk masa depan pekerja. Kenapa pihak kerajaan, pihak KWSP tidak menumpukan misalnya dalam membina rumah, sedangkan rumah ini betul-betul kehendak pekerja. Duit KWSP lebih RM100 bilion, kenapa tidak diperuntukan RM20/RM30 bilion untuk pembinaan rumah? Ini betul-betul masa depan pekerja daripada KLIA dan khazanah yang lain-lain memang untuk negara tetapi khusus untuk pekerja ialah perumahan. Adakah pihak kerajaan, pihak Kementerian Kewangan bercadang untuk membuat satu tabung yang besar untuk membina rumah kos rendah kepada pekerja pada masa akan datang supaya mereka yang menyimpan itu rasa nikmat iaitu wang itu untuk masa depan mereka. Minta penjelasan dan huraian pihak Kementerian Kewangan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun setakat ini, pihak KWSP tidak mengadakan pelaburan terus kepada projek-projek perumahan tetapi KWSP

secara tidak langsung mengadakan pelaburan dalam institusi-institusi seperti *Malaysia Building Society* Berhad dan juga beberapa buah syarikat yang berkaitan dengan memberikan pinjaman dengan faedah yang rendah kepada – khususnya pegawai-pegawai kerajaan dan mereka yang berkenaan untuk membeli rumah. Ini adalah secara tidak langsung kita memang memainkan peranan dalam bidang ini.

10. **Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kementerianya bercadang untuk memastikan supaya harga barangan yang dijual di Pasaraya PERNAMA adalah lebih murah daripada pasaraya-pasaraya biasa.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadan Perwira Niaga Malaysia atau PERNAMA menjalankan aktiviti perniagaan peruncitan, pemborongan dan memberi khidmat pengedaran dan sewa beli barangan kepada anggota-anggota tentera melalui peruntukan Seksyen 23, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. PERNAMA telah beroperasi sejak 7 Julai 1983 dengan rangkaian sejumlah 65 buah kedai di seluruh negara. Sebagai peruncit nasional, PERNAMA mengamalkan konsep harga setara atau harga yang sama di seluruh negara. Penentuan harga dilakukan melalui kajian, penyelidikan pasaran atau *market survey*, dengan izin, dari masa ke semasa. Pada keseluruhannya, tawaran harga PERNAMA adalah berpatutan dan *competitive*, dengan izin.

Bagi menangani perbezaan tawaran harga yang terlalu ketara, dengan pasaran sekitaran PERNAMA sentiasa membuat jualan promosi tempatan bagi memastikan tawaran harga barangan PERNAMA sentiasa terkawal dan berpatutan. Buat masa ini, PERNAMA sedang berusaha untuk menawarkan harga barangan yang lebih murah daripada pasaran sekitaran, walaupun pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais yang diberikan kepada PERNAMA telah dimansuhkan.

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit penjelasan dan soalan tambahan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Konsep Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang mana PERNAMA menjadi syarikat rakan penuh, bermula dengan kutipan wang caruman daripada gaji anggota angkatan tentera. Di dalam skim persaraan, pencaruman wajib sebanyak 10% daripada gaji bulanan disalurkan kepada LTAT, dan kerajaan akan mencarum 15% sebagai majikan. LTAT selepas itu melaburkan wang pencaruman ini dan dapat keuntungan sebagai dividen atau faedah. Saya juga difahamkan bahawa kutipan daripada keuntungan perniagaan PERNAMA iaitu sebanyak RM100 ribu disalurkan kepada LTAT tiap-tiap tahun sebagai bantuan.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, patutkah LTAT menerima bantuan atau keuntungan daripada PERNAMA atau dengan cara soal yang berlainan, patutkah PERNAMA membuat keuntungan untuk LTAT. LTAT patut menyalurkan bantuan subsidi kepada PERNAMA supaya barangan di PERNAMA dapat diturunkan untuk dinikmati oleh semua anggota dan bekas angkatan tentera. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju. Sebetulnya hasil yang kelak akan diperolehi daripada jualan barangan yang dijalankan oleh PERNAMA ini sedikit sebanyak akan dilaburkan balik kepada LTAT kerana kita tahu bahawa LTAT mempunyai usaha-usaha yang baik dan murni untuk membantu pesara-pesara tentera dan juga bakal-bakal pesara untuk mereka menyiapkan diri mereka agar kelak akan dapat sedikit sebanyak penyelesaian dalam kehidupan di masa hadapan. Dan cadangan mengenai dengan perkara untuk memperbaiki PERNAMA ini sebetulnya pihak kementerian baru-baru ini telah mengarahkan pihak badan yang bertanggungjawab untuk mengkaji, buat satu kajian yang begitu mendalam agar barangan-barangan yang kelak akan dijual di masa yang mendatang ini akan lebih *competitive*, dengan izin, dengan harga yang agak baik untuk memudahkan para tentera mendapat

barangan bukan hanya daripada luar tetapi dalam – yang mungkin barangan yang *competitive*, barangan-barangan keperluan seharian keluarga-keluarga tentera.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan barang-barangan yang dijual di pasaraya PERNAMA ini boleh didapati di pasaraya swasta dengan senang dan kadang-kadang lebih murah lagi adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula kewujudan pasaraya PERNAMA ini dan digantikan dengan satu elaun operasi kepada anggota tentera.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong. Seperti yang saya sebutkan tadi, kementerian baru-baru ini telah pun mengarahkan pihak yang bertanggungjawab untuk membuat kajian tetapi untuk hendak mengalih bahawa elaun diberikan kepada tentera-tentera yang beroperasi, saya rasa pihak kementerian tidak akan mengambil langkah yang sedemikian kerana ada usaha-usaha untuk hendak menokok tambah kemudahan elaun-elaun, bagaimana pihak tentera ini – kita boleh bantu mereka dalam beroperasi kelak.

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungei Benut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) bilangan remaiser yang telah digantung perkhidmatan mereka dan berikan pecahan bilangan bumiputera dan bukan bumiputera sehingga kini; dan
- (b) adakah bentuk salahlaku yang telah dilakukan dan tindakan yang telah dikenakan dan sejauhmanakah berkesannya peraturan yang sedia ada bagi mencegah salahlaku remaiser terhadap pelabur-pelabur kecil di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 29 Februari 2000 terdapat 7,331 wakil peniaga yang mana 2,345 adalah bumiputera, manakala bakinya 4,986 adalah bukan bumiputera. Jumlah wakil peniaga yang digantung daripada menjalankan perkhidmatan ialah 632 di mana 295 adalah bumiputera, manakala bakinya 357 adalah bukan bumiputera.
- (b) Peruntukan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan peraturan-peraturan BSKL sedia ada adalah mencukupi untuk mencegah salahlaku wakil peniaga dan untuk melindungi kepentingan semua pelabur-pelabur termasuk pelabur-pelabur kecil. Dalam keadaan biasa, syarikat-syarikat broker saham akan menggantung atau mengehendkan aktiviti-aktiviti wakil peniaga yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah. Mereka juga akan menghadapi tindakan daripada Suruhanjaya Sekuriti ataupun AC dan Bursa Saham Kuala Lumpur atau BSKL sekiranya melakukan kesalahan-kesalahan di bawah akta perindustrian sekuriti 1983 dan peraturan-peraturan BSKL termasuklah membuat kenyataan palsu mengenai pembelian sekuriti, jualan singkat, muslihat untuk menipu dalam pembelian sekuriti, membenarkan orang yang tidak mempunyai lesen untuk menjalankan fungsi wakil peniaga dan membuat kenyataan palsu dalam permohonan pembaharuan lesen.

Selain daripada digantung perkhidmatan mereka yang melakukan kesalahan akan didakwa di mahkamah, dikenakan

teguran, amaran, denda dan dikeluarkan daripada senarai wakil peniaga. Tindakan-tindakan tegas ini diharap dapat memberi peringatan kepada yang lain bahawa tidak ada kompromi dalam usaha kita melindungi kepentingan para pelabur.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang hasrat kerajaan untuk hendak menggalakkan supaya orang lebih ramai lagi melabur di pasaran di BSKL jadi saya ingin tahu, adakah cadangan atau adakah rancangan yang telah disusun oleh pihak kementerian, memandangkan kos transaksi saham ini begitu agak tinggi berbanding dengan – saya pun tidak tahu dengan negara-negara lain – jadi saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk hendak mengkaji semula ataupun hendak membuat satu sistem yang lebih baik dan lebih murah kosnya di dalam urusan transaksi saham. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, transaksi kos ataupun *cost transaction*, selain daripada kos membeli atau menjual, pelanggan kena bayar perkara-perkara berikut:

- i. *brokerage fee* atau bayaran *brokerage* yang dibayar oleh kedua-dua pihak, pembeli dan penjual dan ini termasuk harga atau nilai kontrak dan kadarnya sekali. Kalau kurang daripada 50 sen, kadarnya ialah ½ sen setiap saham;
- ii. di antara 51 sen tetapi rendah daripada RM1.00, kadarnya ialah RM1.00 setiap sesaham; dan
- iii. RM5,000 pertama - 1%, RM5,000 hingga RM5 juta - 0.75% dan lebih dari RM2 juta - 0.5%. Selain dari itu bayaran penyelesaian ataupun *clearing fee* iaitu 0.05% nilai transaksi yakni dibayar oleh kedua-dua pembeli dan penjual dan yang ketiganya cukai stem ataupun *stamp fee* RM1.00 untuk RM1,000 atau sebahagian daripada nilai sekuriti yang dibayar oleh pembeli dan juga penjual.

Satu lagi ialah taksiran ataupun *contract transaction* atau transaksi kontrak – ini serupa juga peraturannya seperti dulu cuma perbezaannya ialah apabila pelanggan membayar broker atau broker membayar pelanggan, jika terdapat perbezaan harga di antara harga membeli dengan transaksi menjual. Mengenai *cost transaction* yang semua-semua ini yang disebutkan tadi kerajaan sekarang sedang mengkaji sama ada boleh atau tidak kita kurangkan lagi kos transaksi supaya dapat BSKL ini disemarakkan lagi berbanding dengan di negeri-negeri jiran. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai peristiwa yang berlaku dua tahun yang lalu di mana apabila keadaan pasaran saham begitu menjunam, maka ramai di kalangan remaisers yang telah tutup kedai, gulung tikar. Soalan saya, apa akan jadi dan apa telah jadi pada mereka ini yang kebanyakannya mempunyai pengalaman, mempunyai kelulusan, mempunyai kelayakan berniaga, berurus niaga dalam pasaran saham jika satu ketika nanti apabila transaksi urusniaga pasaran saham ini tidak lagi menggunakan remaiser sebaliknya akan dibuat cara *on-line* sebagaimana yang telah dilakukan di setengah-setengah syarikat broker saham sekarang. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Apabila kita dilanda kegawatan ekonomi tempoh hari, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat ramai remaiser-remaiser terutamanya orang-orang Melayu telah tutup kedai. Jadi, apa yang dibuat sekarang ialah remaiser ini satu pengusahaan dan persatuan remaiser-remaiser bumiputera telah pun menghantar memorandum kepada Kementerian Pembangunan Usahawan tahun

lepas dan Kementerian Pembangunan Usahawan akan menggunakan tabung-tabung yang ada untuk membantu usahawan-usahawan ini dan apabila transaksi *on-line* maka inilah yang dicadangkan oleh kerajaan supaya bayaran *brokerage* itu akan dikurangkan. Terima kasih.

12. **Tan Sri Dato' Dr. K.S Nijhar [Subang]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan rancangan kementerian mengenai Skim Pelaburan Ladang Kelapa Sawit di luar negara.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat perladangan kita untuk melabur dalam perladangan kelapa sawit di negara-negara yang mempunyai tanah dan iklim yang bersesuaian serta bekalan buruh yang mencukupi. Ini adalah memandangkan negara kita kini menghadapi masalah kekurangan tanah yang sesuai khususnya di Semenanjung Malaysia serta kekurangan tenaga buruh yang mengakibatkan kos pengeluaran meningkat.

Melalui usaha tersebut kita juga berpeluang untuk menggunakan kelebihan kepakaran dan pengalaman kita dalam sektor perladangan bagi membangunkan industri perladangan sawit di negara-negara berkenaan. Sehingga kini, beberapa syarikat perladangan tempatan telah menubuhkan syarikat usahasama bagi membangunkan projek perladangan sawit sebahagian besarnya adalah di Indonesia.

Sebagai satu insentif kerajaan memberi pengecualian kepada syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan di luar negeri untuk menghantar biji benih kelapa sawit Malaysia yang pada dasarnya tidak dibenarkan, khususnya bagi tujuan komersial dan bijih timah misalnya telah diekport kepada syarikat Malaysia di Indonesia, Filipina dan Cambodia. Secara tidak langsung, kelonggaran untuk mengeksport biji benih dapat memastikan bahawa pelaburan syarikat Malaysia mencapai hasil yang memuaskan bagi faedah bersama.

Di samping itu, Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia atau PORIM juga menjalankan beberapa kajian teknikal bagi menilai kesesuaian penanaman kelapa sawit di negara-negara berpotensi dan hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan oleh syarikat-syarikat Malaysia yang berminat untuk melabur di negara-negara berkenaan. Sehingga kini, kajian-kajian teknikal telah dijalankan bagi beberapa buah negara di Amerika Syarikat Selatan termasuk Columbia, Guyana, Surinam dan Peru serta Afrika Barat termasuk Cameroon, Gabon dan New Guinea.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kenyataannya sekarang bahawa memang banyak pelabur Malaysia melabur dalam industri kelapa sawit di Indonesia dan dari segi kos pengeluaran tentu sekali ini akan merangsang pertumbuhan industri ini di Indonesia.

Saya ingin tahu pendirian kementerian terhadap persaingan yang wujud antara sawit Malaysia dengan sawit Indonesia ini yang diwujudkan sendiri oleh pelabur-pelabur kita di Indonesia, dan apakah ini tidak akan menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar minyak sawit dunia?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, dalam strategi untuk menggalakkan pelabur-pelabur kita pergi ke negara-negara ketiga untuk melabur di dalam perladangan sawit, kita tahu barangkali negara itu akan bersaing dengan kita tetapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ialah minyak sawit adalah hanya 19% dari jumlah penggunaan minyak dan lelemak di seluruh dunia dan minyak sawit adalah *advantage*, dengan izin, dalam *techno* ekonomi yang mana boleh bersaing dengan apa-apa minyak sayuran yang ada di pasaran minyak dan lelemak. Dengan itu, kita tidak takut pengeluar minyak sawit akan bersaing dengan pengeluar minyak sawit.

Sebenarnya, pengeluar minyak sawit walau di Malaysia atau di Indonesia atau di mana-mana negara lain patut bersaing dengan minyak-minyak sayuran yang lain seperti minyak kacang soya, minyak *red seeds*, dengan izin, dan minyak bunga matahari dan dengan itulah, walau pada masa dua tahun yang lalu atau tahun yang lalu pengeluaran minyak sawit telah bertambah dengan pesat. Ini bukan oleh sebab pengeluaran ditambah, sebab atas cuaca El-Nino dan masalah mata wang di beberapa negara pengeluar tetapi sekarang pasarannya sudah stabil dan patutlah kita sebagai pengeluar minyak sawit di Malaysia atau di Indonesia cuba membuka lebih pasaran bagi minyak sawit, yang pertama.

Kedua, untuk meluaskan kegunaan minyak kelapa sawit yang mana kebanyakan sekarang hanya digunakan sebagai minyak makanan tetapi potensi adalah tinggi di mana minyak sawit akan boleh digunakan sebagai bahan di dalam oleokimia dan barangkali pada masa akan datang minyak sawit boleh digunakan sebagai bahan api, dengan banyak dan berbagai kegunaan yang boleh dijalankan oleh minyak sawit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya ingat Yang Berhormat jangan takut jika Indonesia atau negara-negara yang ada potensi untuk menanam kelapa sawit akan masuk di dalam bidang perladangan itu tetapi lebih baik jangan biarkan mereka hanya masuk dalam bidang itu tetapi pelabur-pelabur Malaysia patut pergi ke negara-negara yang berpotensi untuk melabur bersama-sama dengan mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3 dan 13 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini

pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan.” [14 Mac 2000]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

11.09 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM36,858,851,900 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2000 di bawah Maksud Bekalan B.1 hingga B.51 bagi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM24,674,292,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16 hingga P.28, P.31, P.33 hingga P.37, P.39, P.40 dan P.42 hingga P.52 bagi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan seperti yang ditunjukkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999, dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini kerana penghuraian, tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan anggaran perbelanjaan yang dicadangkan itu telah pun dibuat dalam ucapan Belanjawan pada 25 Februari 2000 yang lalu.

Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2000, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 1999.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Saya mohon menyokong.

**Maksud B.1 hingga B.13 [Jadual] –
Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

USUL UNTUK MEMINDA JADUAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)

Mengurangkan RM10 daripada gaji YAB Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

11.11 pagi

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa Perbekalan 2000 bagi Jabatan Perdana Menteri.

Saya Haji Mahfuz bin Haji Omar, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Pokok Sena mencadangkan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 masing-masing daripada belanja yang diperuntukkan kepada gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Maksud Bekalan B.7, B.10 dan B.11 Butiran 01000 Program dan Aktiviti. 010100 Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, saya membawa usul ini dengan hasrat dan tujuan untuk melaksanakan satu tugas dan tanggungjawab bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran negara kita khususnya tanggungjawab yang dijalankan oleh Perdana Menteri dan Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri dapat dilaksanakan secara yang sebaik-baiknya.

Saya mencadangkan usul ini kerana berdasarkan kepada pengamatan saya bahawa Perdana Menteri telah gagal untuk menunaikan tugas dan tanggungjawab beliau sebagai seorang Ketua Pentadbir kepada kerajaan yang memerintah dalam negara kita.

Pertama sekali, Tuan Pengerusi, alasan saya ialah kegagalan Perdana Menteri sendiri untuk menghadirkan diri ke Parlimen ini. Ini bagi saya adalah suatu perkara yang sangat memalukan apabila kegagalan Yang Amat Berhormat untuk hadir ke Dewan yang mulia ini, satu Dewan yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan kita sebagai badan perundangan yang paling tinggi dalam negara kita, tempat kita menggubal undang-undang dan dasar serta polisi pentadbiran negara kita.

Bagi saya kegagalan kehadiran Perdana Menteri untuk menjawab dan memperjelaskan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

adalah suatu yang sangat tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh Perdana Menteri. Apatah lagi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam anggota Dewan kita ini, khususnya soalan-soalan kepada Jabatan Perdana Menteri dikemukakan atas nama Perdana Menteri tetapi sayangnya, sepanjang saya berada di Dewan yang mulia ini Perdana Menteri tidak pernah datang untuk memperjelas dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan atas nama Perdana Menteri.

Walaupun ada peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh peraturan mesyuarat kita bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Setiausaha Parlimen boleh menjawab bagi pihak Perdana Menteri tetapi adalah tidak wajar, sebagai seorang Perdana Menteri yang memikul amanah, tugas dan amanah yang diberikan oleh rakyat dan negara kita ini tidak datang untuk menghadirkan diri menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Alternatif.

Jadi, oleh sebab itu saya kira bahawa kegagalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghadirkan diri ke sidang ini adalah satu perkara yang sangat memalukan negara kita dan mencemar Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya usul ini dipertimbangkan untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini ialah seperti yang saya katakan tadi bahawa kegagalan untuk kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun ada alasan mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, ini usulkah atau buat ucapankah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Usul, usul.

Tuan Moktar bin Radin: Usul, kena usul sahaja, tidak payah buat *elaboration*. [Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan duduk.

Seorang Ahli: Duduklah. [Disampuk]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Walaupun ada alasan yang diberikan di sini bahawa Perdana Menteri ada urusan yang dilaksanakan di peringkat negara tetapi bagi saya sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan pengurusan yang cekap, *management by objective*, dengan izin, adalah sewajarnya bagi sebuah kerajaan yang cekap, yang mengamalkan pengurusan yang cekap, mereka sepatutnya telah menguruskan lebih daripada awal supaya mengurangkan program-program yang lain pada musim-musim persidangan Parlimen.

Ini untuk membolehkan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke dalam sidang Parlimen untuk menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang ada di dalam Dewan yang mulia ini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan usul ini untuk dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini adalah kerana apabila Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri sendiri dan diberikan tanggungjawab untuk menjamin soal pembangunan, agama yang mulia di sisi Allah s.w.t iaitu agama Islam ini, sehingga kini, pada pengamatan saya, saya melihat bahawa kerajaan telah gagal untuk mempertahankan, Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri telah gagal untuk mempertahankan maruah dan kesucian Islam yang sepatutnya dimartabatkan di dalam negara kita.

Ini dapat kita lihat bagaimana ada unsur-unsur, serangan-serangan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terhadap kesucian agama Islam Jabatan Perdana Menteri,

khususnya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri gagal untuk mempertahankan dan mengambil tindakan kepada mereka yang bertindak sedemikian rupa.

Umpamanya, baru-baru ini telah pun saya sebut di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, apabila ada akhbar-akhbar media dalam negara kita menyerang dan menghina peraturan-peraturan Islam, artikel yang dikeluarkan di dalam *New Straits Times* yang ditulis oleh Nora Marzuki, yang ditulis oleh Kassim Ahmad, yang mencemar kesucian Islam tetapi Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri sendiri, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam gagal untuk bertindak terhadap mereka yang menghina dan mencemar kesucian Islam.

Bagi saya tindakan ini adalah suatu tindakan yang sangat bertentangan dengan tugas dan amanah yang diberikan oleh rakyat kepada Perdana Menteri dan juga kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjaga dan mengawal keharmonian dan kemurniaan dan martabat Islam di negara kita.

Kemudian, saya melihat juga kerajaan sampai hari ini masih gagal walaupun telah dicanang sejak daripada penggal yang lalu. Perdana Menteri sendiri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menyebut, menjanjikan bahawa suatu rang undang-undang akta mencegah pencegahan kepada berlakunya murtad dalam negara kita. Sehingga hari ini, saya tidak pernah mendengar bahawa akta itu ataupun undang-undang itu dibentangkan untuk dibahas ke dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara ini dibangkitkan ekoran daripada timbulnya isu kemurtadan, murtad yang berlaku dalam negara kita yang sangat dahsyat. Walaupun jumlahnya mungkin setengah daripada kita mengatakan masih kecil tetapi bagi saya murtad walaupun seorang, ianya perkara yang sangat besar dalam menjaga martabat dan mempertahankan maruah Islam.

Ini dapat kita lihat bahawa isu murtad sehingga sekarang masih berjalan dan berlaku di dalam negara kita. Mengikut statistik yang diberikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara berdasarkan kepada permohonan pertukaran nama daripada nama Islam kepada nama bukan Islam dan Jabatan Pendaftaran Negara mengakui bahawa pertukaran nama daripada Islam kepada nama bukan Islam ini adalah diistilahkan sebagai orang itu telah keluar daripada agama Islam.

Sehingga sekarang, sehingga tahun 1998, mengikut Jabatan Pendaftaran Negara jumlah yang memohon untuk menukar daripada nama Islam kepada nama bukan Islam sebanyak 795 orang. Ini adalah satu angka yang sangat mencemaskan masa depan masyarakat dan rakyat khususnya orang-orang Islam dalam negara kita.

Mengikut pecahannya:

<u>Negeri</u>		<u>Bil.</u>
◆ Johor	-	33
◆ Melaka	-	14
◆ Negeri Sembilan	-	57
◆ Selangor	-	215
◆ Wilayah Persekutuan	-	208
◆ Perak	-	51
◆ Kedah	-	39
◆ Pulau Pinang	-	108
◆ Perlis	-	2
◆ Pahang	-	12
◆ Terengganu	-	1
◆ Kelantan	-	1
◆ Sarawak	-	45
◆ Sabah	-	9

Ini adalah suatu angka yang sangat menggerun dan mencemaskan, masa depan pembangunan Islam, masa depan akhlak dan akidah Islam dan umat Islam yang terdapat dalam negara kita.

Oleh sebab itu, saya merasakan bahawa kegagalan ini saya kira bahawa apabila wujudnya bilangan yang makin bertambah daripada semasa ke semasa iaitu bilangan pertukaran nama daripada Islam kepada bukan Islam ini menunjukkan bagaimana gagalnya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri untuk menunaikan tanggungjawab bagi mempertahankan maruah Islam dan sebagainya. Apatah lagi dalam belanjawan yang sedang kita bahaskan ini bahawa peruntukan kepada JAKIM sendiri pun sudah berkurangan daripada peruntukan yang dibentangkan di dalam belanjawan yang lalu. Saya bimbang bahawa perkara ini akan berterusan dan akan menyebabkan JAKIM sendiri tidak berupaya dengan apa nama, kuasa yang ada yang terhad kepada mereka itu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi, soal murtad ini juga merupakan perkara yang sangat penting apabila dilihat satu perakuan yang disebut apabila ditimbul dalam isu pertukaran nama Islam kepada nama bukan Islam. Mengikut peraturan yang dibuat dalam soal pertukaran nama ini bahawa semua laporan permohonan pertukaran nama ini mengikut Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Islam Negeri di mana pemohon tinggal dan juga kepada Pusat Islam, rujukan kepada Jabatan Agama Islam Negeri dan Pusat Islam akan diuruskan oleh ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya ataupun Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah Sarawak mengikut nama berkenaan.

Jabatan Agama Islam Negeri dan Pusat Islam akan diberikan tempoh mengikut Jabatan Pendaftaran Negara selama tiga bulan mulai tarikh sesuatu permohonan pertukaran atau alasan murtad dirujukkan kepada mereka untuk memberikan maklum balas berkaitan kepada Jabatan Pendaftaran Negara. Proses pertukaran nama boleh diteruskan selepas tempoh tiga bulan yang diberikan itu tamat. Apa yang saya hendak sebut di sini bahawa perakuan daripada Jabatan Pendaftaran Negara walaupun mereka dengan berat hati untuk meluluskan permohonan tersebut, tetapi mereka terpaksa bergantung kepada recommendation ataupun apa-apa maklum balas daripada Jabatan Agama Islam Negeri ataupun Pusat Islam yang diberi tempoh selama tiga bulan. Perakuan yang diberikan oleh Jabatan Peguam Negara bahawa peraturan dan prosedur yang dinyatakan di atas seperti yang saya sebutkan tadi masih lagi diikuti sehingga sekarang, walaupun berlaku kelewatan yang disebabkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan Pusat Islam yang dan mengambil sikap kata mereka, tidak memberikan apa-apa jawapan, berdiam diri dan menolak permohonan tanpa alasan dan tindakan susulan.

Ini menunjukkan satu kelemahan di peringkat Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri khususnya di peringkat Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) yang sepatutnya memberikan respon ke atas permintaan permohonan yang dimajukan kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang kemudian diangkat mengikut peraturan yang diberikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kepada Jabatan Agama Islam Negeri ataupun kepada Pusat Islam.

Oleh sebab itu, saya kira bahawa ini semua hendak menggambarkan bagaimana Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah gagal untuk menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap mempertahankan maruah dan keharmonian Islam khususnya mempertahankan akidah umat Islam di dalam negara kita.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya membentangkan Usul ini untuk dipertimbangkan supaya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, apabila Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah gagal untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan wujudnya krisis kepercayaan terhadap

pelaksanaan undang-undang di dalam negara kita. Apabila terdapat di mata pandangan masyarakat dan rakyat pada hari ini bahawa seolah-olah wujudnya pendakwaan terpilih yang berlaku dalam negara kita. Ini tidak boleh dinafikan apabila melihat kepada senario yang berlaku sejak beberapa tahun mutakhir ini, kita melihat bagaimana kes bekas Ketua Menteri Melaka sehingga sekarang kita tidak tahu apa kesudahannya apabila berlakunya kes ke atas Datuk Jeffrey Kitingan yang sepatutnya satu ketika dahulu sudah pun ada pendakwaan ke atasnya, sudah pun disebut kesnya tetapi ditarik balik setelah Datuk Jeffrey Kitingan mengumumkan kemasukan semula beliau ke dalam Barisan Nasional pada waktu itu di negeri Sabah. Dan akhirnya kes pendakwaan beliau terhadap Datuk Jeffrey Kitingan ditarik balik sedangkan kes itu merupakan kes penyalahgunaan kuasa, rasuah yang melibatkan yayasan di negeri Sabah.

Begitu juga dengan kes bekas Ketua Menteri Melaka apabila wujudnya pindaan ataupun pindaan daripada

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, saya hendak bawa point of order. Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini satu Usul spesifik tetapi telah beralih jauh Tuan Pengerusi. Saya minta ruling, adakah spesifik kepada apa yang dibawa dalam Jawatankuasa atau Usul ini boleh berbincang semua perkara, itu yang pertama.

Yang kedua, adakah had masa untuk membentang Usul. Sebab saya lihat dalam point of order 38(5) itu, ia mesti khusus kepada perkara yang diusulkan, itu yang pertama. Yang keduanya, adakah dihadkan masa. Saya minta *ruling*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, saya akan hadkan masa, dalam Jawatankuasa ini lazimnya kita tidak berucap panjang-panjang, berkenaan dengan perkara yang khusus, saya mintalah Yang Berhormat khususkan kepada sesuatu perkara, janganlah diulangkan perkara-perkara yang telah lampau. Ya, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sedikit lagi Tuan Pengerusi, ada dua point sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih rakan saya daripada Rompin memperingatkan saya.

Tuan Pengerusi, saya sebutkan tadi bahawa apabila wujudnya kegagalan sehingga menimbulkan rasa cemas di kalangan masyarakat dan rakyat, apabila dilihat bahawa wujudnya pendakwaan terpilih seperti mana yang saya sebutkan tadi. Kes Yang Berhormat daripada Sabah, bekas Ketua Menteri Melaka juga ditukar pendakwaannya walaupun ini untuk membolehkan menyelamatkan beliau daripada hilang kelayakan beliau sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat pada waktu itu yang menyebabkan hilang kelayakan untuk beliau menjawat jawatan Ketua Menteri pada waktu itu.

Begitu juga kita melihat bahawa kes yang terbaru, yang baru diumumkan oleh rakan saya, yang masuk daripada pintu belakang, Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu kes yang berkaitan dengan Yang Berhormat dari Kuala Kangsar iaitu Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu apabila diumumkan di Dewan yang mulia ini, baru-baru ini mengatakan bahawa kes ini sudah ditutup, walaupun saya membangkitkan bahawa timbulnya isu adanya perkara-perkara yang ditunjukkan deh siasatan yang dibuat oleh BPR, cadangan yang dibuat oleh BPR bahawa wujudnya prima facie, wujudnya kes sehingga ada cadangan empat ataupun lima pertuduhan ke atas Yang

Berhormat dari Kuala Kangsar tetapi malang dan sayangnya, yang amat mengejutkan saya apabila Yang Berhormat di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan bahawa kes itu sudah pun ditutup dan Jabatan Peguam Negara berpuas hati bahawa tidak wujudnya kes. Sayangnya, malangnya bagi saya apabila saya melihat bahawa pengumuman yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini seperti

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(6) ini, ini sangkaan jahat ini. Adakah Yang Berhormat mengatakan tadi ada laporan BPR, Yang Berhormat menuduh pula ada kes prima facie dan laporan dikatakan Yang Berhormat dapat laporan BPR, ini bahaya Yang Berhormat, hal ini sulit selalunya. Adakah Yang Berhormat mempunyai *proof* ini? Ataupun Yang Berhormat dapat daripada Internet, Internet itu tidak boleh dikatakan daripada BPR, adakah Yang Berhormat dapat pengesahan daripada BPR bahawa kes itu ada prima facienya – jelas!

Ini tuduhan ini dalam Dewan yang mulia ini, kita bukan berceramah di luar ini, boleh menuduh begitu sahaja, saya ingat mintalah ruling Tuan Pengerusi, pergilah kepada yang spesifik yang dalam buku ini! [*Sambil menunjukkan buku Belanjawan 2000*].

Yang Berhormat berhak berbahas di sini, ini sudah jauh benar perginya Yang Berhormat, saya pun berhak juga Yang Berhormat, saya hari itu saya *sporting* sahaja, bila saya tuduh saya kata ada 60% dapat kutipan, saya kata saya tarik 60%, tetapi saya masih lagi tetap mengatakan bahawa memang PAS mengutip, ada bukti mengutip. Tetapi Yang Berhormat ini kita berbalik kepada perkara ini Yang Berhormat, tidak baiklah Yang Berhormat sebagai Ketua Pemuda PAS membawa ini cara kita sebagai katakana Parti Islam, sebagai parti PAS, ini jauh benar larinya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Hm, Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sebenarnya berkenaan dengan hendak membawa satu kes ke dalam mahkamah atau tidak itu di bawah Perlembagaan adalah hak khusus kepada Attorney General, Peguam Negara. Jadi, yang demikian kita tidak bolehlah mengaitkan hak itu kepada orang lain. Kalau sekiranya ada proofnya yang sesungguhnya yang betul-betul, yang saheh mengatakan ada campur tangan itu perkara lain, tetapi mengikut Perlembagaan hak itu adalah hak Peguam Negara. Dengan itu saya haraplah pihak yang berucap itu, berucaplah.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, yang membuat satu ruling bahawa itu adalah hak Peguam Negara mengikut Fasal 145. Perlembagaan Persekutuan, saya pun membawa Tuan Pengerusi. Yang saya persoalkan memang itu adalah hak Peguam Negara tetapi sehingga hari ini Peguam Negara tidak membuat apa-apa kenyataan rasmi daripada Peguam Negara yang mendakwa dan mengatakan bahawa kes ke atas cadangan dan penyiasatan yang dibuat oleh BPR bahawa ke atas Yang Berhormat dari Kuala Kangsar itu telah pun ditutup, tetapi kenyataan itu hanya dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sehingga sekarang kita melihat bahawa apakah Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudah mengambil alih tugas daripada Jabatan Peguam Negara ataupun di sini wujudnya suatu konspirasi untuk membersihkan nama-nama orang yang sedang menghadapi proses pencalonan dan pertandingan dalam Ketua Wanita UMNO di dalam negara kita yang akan datang ini. Ini persoalan yang saya bangkitkan, itu sahaja Tuan Pengerusi, bukan saya menyentuh soal penafian hak ke atas Jabatan Peguam Negara, saya akui bahawa itu adalah hak bidang kuasa yang diberikan dalam Perkara 145 di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Oleh sebab itulah, Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa perkara ini sangat membimbangkan saya dan membimbangkan masyarakat dan rakyat dalam negara kita. Dan perkara-perkara yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu sangat meragukan apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan di Dewan yang mulia ini, bagaimana bahawa setelah penyiasatan bebas di bawah Seksyen 8 dilakukan oleh pihak

BPR telah mengemukakan hasil siasatan tersebut kepada pihak Pendakwaraya untuk mengambil tindakan selanjutnya selaras dengan kehendak peruntukan di bawah Seksyen 26 Akta Pencegah Rasuah dan Seksyen 50 Akta Pencegah Rasuah 1997 dan setelah meneliti hasil siasatan kes tersebut, pihak Pendakwaraya berpendapat dan berpuas hati bahawa tidak ada keterangan dan bukti bahawa Menteri yang berkenaan harus perlu didakwa di mahkamah di bawah peruntukan Akta Pencegah Rasuah 1997. Sedangkan kes ini berlaku pada tahun 1995, bagaimana perlu didakwa di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997, sedang kes itu kertas pendakwaan yang saya difahamkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim bekas Timbalan Perdana Menteri dalam reportnya kepada polis bahawa kertas tersebut dicadangkan dan ditandatangani oleh Dato' Abdul Ghani Patail yang mengetuai Jabatan Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara pada waktu itu pada tahun 1995.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, silalah berucap kepada perkara yang lain-lain, ada lagi?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa ini adalah suatu tindakan yang sangat mencemarkan kedaulatan undang-undang di dalam negara yang akan menyebabkan krisis yang berterusan terhadap soal politik dan ekonomi negara kita dan akan menyebabkan dunia luar khususnya pelabur-pelabur akan berasa bimbang terhadap ketelusan undang-undang di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya ialah berkenaan dengan ialah kegagalan BPR dalam mencegah rasuah di dalam negara kita, apabila kita melihat bahawa BPR masih gagal sehingga sekarang ini untuk memastikan pencegahan rasuah dan pembasmian terhadap kes-kes rasuah yang berlaku dalam negara kita, walaupun ada siasatan yang dibuat tetapi kadang-kadang siasatan itu dibuat dan dilihat oleh masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini seperti ada sesuatu yang mahu disembunyikan oleh pihak BPR dan sebagainya. Apatah lagi sehingga sekarang rakyat tertanya-tanya bagaimana kegagalan BPR untuk menyelesaikan kes Perwaja sehingga sekarang sudah memakan masa beberapa tahun masih belum selesai dan bagi saya bahawa apabila kes yang berlarutan sehingga satu tempoh yang tersangat panjang yang tidak ada tempoh bila, ia tidak ada milestone nya, tidak ada dead line nya bila akan selesai, ini suatu keadaan yang sangat mencemar ketelusan dan perjalanan undang-undang dalam negara kita.

Oleh sebab itu, saya mohon mencadang daripada Usul untuk dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

11.35 pagi

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Usul yang telah dibawa oleh rakan saya daripada Pokok Sena

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta hadkan dalam masa sepuluh minit. Kerana dalam Jawatankuasa, kita tidak berucap panjang-panjang ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Saya menyokong Usul ini atas tujuan untuk menyedarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap tugas-tugas dan tanggungjawab yang beliau seharusnya laksanakan dan juga untuk membawa perjalanan negara kembali kepada paksinya yang sebenar, dan salah satu daripada tanggungjawab mana-mana kerajaan ialah untuk menjaga integriti negara tersebut. Di bawah sistem demokrasi, mana-mana kerajaan adalah, dengan izin, *to satisfy the public and maintain the public trust in their government*, iaitu untuk menjaga keyakinan dan kepercayaan rakyat dan juga masyarakat luar dan dalam negara kepada kerajaan mereka dan pada masa yang sama mengekalkan keyakinan itu. Pada masa yang sama sesebuah kerajaan itu mesti memenuhi tiga fungsi iaitu dengan izin, *responsive government*, yang kedua, *rational government*, yang ketiga ialah *accountable government*.

Oleh kerana itu, dalam sistem demokrasi berparlimen negara kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya sebagai ketua eksekutif bertanggungjawab kepada Parlimen ini untuk menerangkan dengan sendirinya dengan meyakinkan perkara-perkara yang dibahas dan dibangkitkan, dan dalam isu yang telah dibawa oleh rakan saya daripada Pokok Sena, ada dua isu yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Peguam Negara dan juga Badan Pencegah Rasuah yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri isu-isu yang telah dibangkitkan.

Pada hemat saya, jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ialah *under instruction* ataupun, dengan izin, di bawah arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pada masa yang sama dengan persetujuan dan persefahaman di antara menteri tersebut dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya merujuk kepada jawapan yang telah diberikan, iaitu '*kes ini telah pun ditutup oleh Jabatan Peguam Negara pada tahun 1997*' itulah jawapan yang telah diberikan dalam Dewan ini. Kes Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah pun dibawa kepada pertimbangan Peguam Negara dan telah pun ditutup pada tahun 1997 seperti yang disebut oleh menteri tersebut di Dewan ini pada 9 Mac yang lalu yang telah pun disiarkan oleh akhbar-akhbar utama.

Sehubungan dengan ini saya ingin memetik beberapa kenyataan akhbar yang telah pun disiarkan oleh surat-surat khabar yang saheh, seperti *Utusan Malaysia, Berita Harian, The New Straits Times*. Kenyataan-kenyataan oleh Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah yang dengan sendirinya meletakkan satu kontradiksi di antara apa yang telah disebut oleh Ketua Pengarah BPR dalam kenyataan-kenyataan akhbar tersebut dengan apa yang dijawab oleh menteri bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini. Umpamanya, satu kenyataan akhbar *Utusan Malaysia* muka depan pada 1 Oktober 1999, '*Laporan kes Rafidah ke Peguam Negara*', izinkan saya baca sebahagian daripada petikannya: "*Badan Pencegah Rasuah telah menghantar laporan siasatan dakwaan rasuah oleh pihak tertentu terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada Jabatan Peguam Negara, Ketua Pengarahnya Dato' Ahmad Zaki bin Hussein berkata, pihaknya telah lama menghantar laporan dan kini menunggu keputusan Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.*"

Saya ingin menafikan tuduhan kononnya BPR sudah menutup kes berkenaan. Sejak saya memegang jawatan Ketua Pengarah pada 24 Mac yang lalu iaitu 24 Mac 1999, tidak ada satu kes pun yang sedang disiasat ditutup termasuklah kes dakwaan terhadap Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin dan kes Perwaja Steel", katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan ulang tahun ke-32 BPR di sini hari ini."

Saya harap menteri dapat mencatat yang saya baca tadi. Kata-kata, "*kini menunggu keputusan Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya*", yang disebut tadi, membawa beberapa makna: pertama, sehingga Oktober 1999 iaitu tarikh kenyataan ini dibuat, Jabatan Peguam Negara tidak pernah memaklumkan kepada BPR bahawa kes ini telah ditutup. Kalau dia tahu sudah ditutup, dia cakap tutup.

Kedua, ada kes sehingga BPR terpaksa menunggu untuk tindakan lanjut. Kalau tidak ada kes tunggu buat apa?

Dari segi yang lain bagaimana mungkin Jabatan Peguam Negara membuat keputusan tidak mendakwa Yang Berhormat Menteri Perdagangan sejak 1997 sedang ia hanya baru menerima laporan siasatan hasil laporan polis Anwar pada Oktober 1999. Peguam Negara menerima laporan BPR yang terakhir Oktober 1999. Dia tutup kes sebelum daripada laporan sampai.

Jabatan Peguam Negara telah membuat keputusan dua tahun mendahului laporan BPR. Jika benar Jabatan Peguam Negara telah memutuskan untuk tidak mendakwa Yang Berhormat menteri berkenaan sejak 1997 lagi, mengapakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan disiksa sedemikian rupa sehingga tidak ada sesiapa sama ada dari Jabatan Peguam Negara atau Perdana Menteri sendiri tampil ke depan menyatakan keputusan ini dua tahun lalu dan bukannya dua tahun kemudian. Tidak mungkin Jabatan Peguam Negara begitu lembab. Bagi saya Perdana Menteri lah yang bertanggungjawab terhadap perkara ini.

Sesuatu yang tidak kena telah berlaku terhadap keputusan tidak mendakwa menteri berkenaan. Keputusannya - berubah, fakta kes - tidak berubah. Ini yang kita sebut tidak telus, ini yang dikatakan '*selective prosecution*', ini yang diminta iaitu polis menyiasat kedudukan perjalanan Jabatan Peguam Negara di bawah kelolaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Begitu juga dengan siasatan ke atas Perwaja, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada hari yang sama memberitahu Dewan ini bahawa siasatan ke atas Perwaja belum selesai. Benarkah ia belum selesai? Kalau Perdana Menteri sendiri datang lain cerita, kita boleh tanya dia, kita dapat penjelasan daripada mulut dia sendiri kerana dia lebih mengetahui keadaan yang sebenar.

Saya hendak merujuk kepada dua laporan akhbar bertarikh masing-masing 5 Disember 1997 dan 29 Mac 1998 untuk memberitahu Dewan bahawa sesuatu yang tidak kena telah berlaku terhadap kedua-dua isu ini. Laporan pertama, menyebut Ketua Pengarah BPR Datuk Shafie Yahya pada waktu itu berkata bahawa BPR telah 95% selesai dalam tugasnya menyiasat Perwaja, biar saya bacakan laporan sekali lagi muka depan *Utusan Malaysia* itu.

“Kuala Lumpur - 4 Disember 1990, siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap kes penyelewengan Perwaja Steel yang membabitkan kerugian terkumpul sebanyak RM2.5 bilion, hampir selesai dan hanya menunggu proses pembentangan fakta kes sebelum diserahkan kepada Peguam Negara. Ketua Pengarah BPR Datuk Shafie Yahya berkata beliau akan membuat pengumuman terperinci mengenai hasil siasatan kes itu selewat-lewatnya Januari depan iaitu Januari 1998.”

Sudah berapa tahun kita lalu? Sudah dua tahun lebih.

Apa yang boleh saya cakap sekarang ini siasatan - ini masih lagi Datuk Shafie bukan saya ini, *“Apa yang boleh saya cakap sekarang ini siasatan kes ini sudah selesai 95% dan 5% lagi hanya menunggu proses pembentangan fakta kes sebelum ia diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut”, jelas beliau.*

Seterusnya pada 29 Mac 1998 iaitu beberapa bulan kemudian, empat bulan kemudian. Akhbar melaporkan Ketua Pengarah BPR memberitahu media bahawa laporan awal iaitu *prelim report*, dengan izin, telah pun diserahkan oleh BPR kepada Peguam Negara. Telah serah laporan itu Yang Berhormat kepada Peguam Negara, tahun 1998. Maknanya laporan itu sudah siap, katanya BPR menunggu tindakan selanjutnya dari Jabatan Peguam Negara, sekali lagi BPR, BPR bagus, kita puji BPR, yang tidak bagus ialah Perdana Menteri.

Laporan sebenarnya sudah siap, tindakan belum ada. Kalau kita kata laporan langsung belum siap, ia adalah bohong. Jabatan Peguam Negara mungkin mengarahkan BPR melanjutkan siasatan ke atas *prelim report* tadi. Jikalau benar andaian saya ini ia sudah menjangkau dua tahun dari tarikh penyerahan laporan awal. Sudah tentu ada perkembangan, saya sendiri yakin bahawa BPR adalah profesional dalam tugasnya, fakta kes yang ditemuinya untuk laporan awal tersebut dibuat secara profesional sehingga Peguam Negara tidak perlu mendapatkan tokok-tambah yang begitu sukar selepas daripada laporan awal itu siap. Tidak mungkin BPR menyerahkan laporan awal yang tempang.

Kedudukan inilah pada hemat saya yang mencatatkan integriti negara kita dan ini adalah secara langsung berkait dengan tugas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam kes BPR, dalam kes Perwaja kita telah ditipu oleh orang asing sekali lagi. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri memberitahu salah satu alasan siasatan itu belum siap ialah kerana ada orang asing terlibat. Maknanya kita sekali lagi kena tipu pada orang asing. Berapa kali kita kena tipu pada orang asing? Tiap-tiap kali orang asing tipu, habis tutup kes. Macam mana hendak jadi Perdana Menteri? Bekas Ketua Polis Negara seperti disiarkan oleh *Utusan Malaysia* dan lain-lain akhbar pada 9 Januari 1998 lagi, ini Tan Sri Rahim punya kenyataan, katanya, "*Siasatan Polis ke atas seorang tokoh*" - yang saya tidak perlu sebutkan di sini apa yang telah disebutkan oleh beliau, "*yang pernah mengendalikan Perwaja sudah di peringkat akhir*". Tanda tanya inilah yang melingkungi Jabatan Peguam Negara dan dengan sendirinya Jabatan Perdana Menteri. Mana dia punya sambungan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta gulung ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oleh kerana saya pun tidak jumpa dia punya sambungan Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk menyokong usul ini dengan penuh prihatin dan seperti yang telah saya jelaskan untuk membawa balik Perdana Menteri sedar terhadap tanggungjawab dan isu yang melingkungi negara kita iaitu kehilangan integriti negara kita. Dengan itu saya menyokong usul ini. [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Pokok Sena tadi terbuka untuk dibahas. Rompin.

11.47 pagi

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membantah usul daripada Pokok Sena yang disokong oleh Kubang Kerian, ini macam diarah untuk sepak mula pilihan raya kecil Sanggang nampaknya, itu dia, bukan hendak bercakap di sini, hendak bercakap di sana, ini sepak mula, isunya lama. Saya membantah usul potong RM10 ini kerana kerajaan khususnya Perdana Menteri kita telah menguruskan ekonomi kita dengan baik.

Saya yang mana baru ini pergi ke Indonesia melihat sendiri bagaimana kegawatan ekonomi di Indonesia masih lagi berterusan, itu pun ada orang putih yang tolong, kawan Yang Berhormat juga sebelah sana, yang mempertahankan Amerika Barat. Siapa belakang IMF ialah Amerika Barat yang penyokongnya sebelah sana. Itu pun ekonomi Indonesia belum boleh diselamatkan, Gus Dur sendiri Presiden Indonesia berkata, "*Abang-abang dari Malaysia, tolonglah bantulah kami*", Tumpat dia tahu, betul. Selalunya di Indonesia dia menganggap mereka itu abang, kita ini adik tetapi sekarang dia sanggup menerima kejayaan Malaysia, kejayaan kerajaan Barisan Nasional di bawah Perdana Menteri memulihkan ekonomi dengan baik. Ini yang kita mesti menerima hakikat ini. Tetapi pada hari ini kita melihat bahawa pembangkang, memang tugas membangkanglah, ala cara ini PAS bawa ala cara DAP dahulu, ini bawa usul RM10 ini.

Dahulu potong gaji Presiden MCA, potong gaji orang itu, ini tok gurunya DAP, betul, belajar dari DAPlah ini. Tetapi isu yang DAP tidak setuju dia bawa juga, isu murtad, DAP setuju atau tidak, dia lari, dia tidak setuju. Yang ini perbincangan pre-council dia tidak beritahu DAP hendak bawa isu murtad, dia tidak beritahu DAP tetapi untuk Sanggang dia bawa juga untuk membelakangkan partner dia sendiri, kawan dia sendiri dalam pasukan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenar kita sudah berjaya memulihkan ekonomi kita dan kita sudah berjaya juga meletakkan ekonomi kita pulih seperti biasa, tengok di Thailand, kita tahu pengusaha-pengusahanya masih susah, ekonominya masih teruk. Di Indonesia seperti yang dikatakan tadi, kita bersama dengan Korea Selatan sudah pulih,

Alhamdulillah dan banyak daripada Yang Berhormat di sana pengusaha-pengusaha juga, mana ini juruukur sudah balik, dia hendak balik ke syarikatnya, mana Jeli, tidak ada dah sebab dia hendak urus dengan syarikat juruukurnya. Dia pun ada manfaat juga, banyak kerja-kerja baru dia sudah dapat, ini juga manfaat daripada pembelaan kerajaan, pembelaan Perdana Menteri kita untuk memulihkan ekonomi negara kita.

Tetapi oleh kerana pandang kepada Sanggang dan itu pilihan raya ini, kalau hendak beritahu kepada Pokok Senalah, dia penamaan calon hari Selasa, takut lupa, masuk dalam diari, boleh jumpa di sana, besok. Ini sebenarnya di sana, ini sebenarnya Tun, dari segi katalah tadi Yang Berhormat Pokok Sena mengatakan bahawa pengurusan Perdana Menteri tidak menguruskan negara ini dengan baik, saya hendak tanya dia, Kelantan ini macam mana? Tengok contoh Kelantan sudah dua penggal masuk tiga penggal, adakah kita uruskan kerajaan PAS negeri Kelantan menguruskan ekonomi kerajaan Kelantan dengan baik, menguruskan anak syarikat Kelantan dengan baik, tidak, lapan persebelas rugi, apa baiknya, betul. Labur RM10 juta beli saham tinggal RM2 juta sahaja. Apakah pengurusan yang baikkah ini? Inilah tengok diri sendiri, orang Melayu kata tunjuk satu tiga kepada diri sendiri, satu ke sana tiga diri sendiri.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berilah saya habis tadi saya tidak ganggu Yang Berhormat, berilah saya teruskan dahulu, saya hendak katakan bahawa tidak benar, minta maaf beri saya teruskan dahulu, terima kasih saya akan beri kemudian. Saya beri peluang kepada kedua Yang Berhormat tadi cukup hendak dengar. Bahawa ini sahaja kononnya hendak dipotong RM10 gaji ini kerana tidak hadir, gagal hadir dalam Dewan, tidak hadir kerana tidak menjawab soalan. Ini ada bapa-bapa Menteri Jabatan Perdana Menteri, begitu juga Yang Berhormat sendiri, kita tidak buat isu.....

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kinabantangan berilah ya.

Tuan Moktar bin Radin: Saya ingat Yang Berhormat bagi Rompin tidak perlulah kita banyak buang masa soal RM10 ini. Ini Ketua Pembangkang pun tidak ada hadir jadi kenapa tidak potong RM10. Kalau RM10 jadi isu, saya berilah dengan Yang Berhormat Rompin berilah sama Pokok Sena RM10 itu. Tidak payah kita buang masa Dewan ini banyak perkara yang lebih penting lagi. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, inilah kita hendak Sabah ini, ada pemimpin Sabah macam ini kita guarantee PAS tidak berani masuk Sabah, saya rasa. Tidak berani, ada pernah Yang Berhormat, PAS masuk Sabah?

Tuan Moktar bin Radin: Dia tidak beranilah, kalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta maaf Tun, ini yang sebenarnya saya bangun bagi pihak Ahli Parlimen Barisan Nasional, kita rasa bahawa usul ini kita minta ditolak kerana apa kita yang sebenarnya kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato Seri Dr. Mahathir telah menguruskan negara ini dengan baik. Kalau tidak kerana mereka seluruh negara kita tidak akan menjadi satu negara yang dihormati di dunia. Orang Melayu sendiri pun, seluruh bangsa Malaysia mendapat nikmat daripada pembangunan yang dibawa oleh Barisan Nasional termasuk orang Melayu juga.

Maknanya kemiskinan boleh dikatakan amat kurang sekali tetapi sekarang ini sebelah sana cuba hendak curi, dia kata ini sebenarnya pembangunan di dunia ini tidak penting dia kata, yang Barisan Nasional yang di dunia pun penting, yang di akhirknya penting tetapi depa pandai, dia kata dunia tidak penting maknanya tidak adalah manfaat

orang tidak bersyukur apa yang kita buat, dikatanya di akhirat sahaja penting. Barisan Nasional kita tahu bahawa kedua-duanya penting, inilah tuduhan di sana Sanggang sudah bermula, saya pergi semalam,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Beri saya habis dahulu, kita sambung di Sanggang.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bila yang kita katakan dunia tidak penting. Itu satu tuduhan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita sambung di Sanggang...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bila yang PAS mengatakan pembangunan tidak penting? Ini satu tuduhan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bercakap tidak ada.... lemahlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Siapa yang lemah?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Semalam saya baru berdialog dengan JKK kampung saya, JKK kampung saya lebih baik daripada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Yang Berhormat, kalau standard itu Yang Berhormat bukan standard anak orang kampung, tidak payahlah JKK. Maknanya Yang Berhormat sendiri katakan demokratik, bila giliran saya menuduh, bercakap telinga sudah merah, apa ini demokrat ini...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peluang saya bercakap inilah yang dikatakan ala demokrasi....

Tuan Pengerusi: Beri jalan atau tidak.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak beri.

Tuan Pengerusi: Tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau tidak beri Yang Berhormat jangan membuat dakwaan-dakwaannya....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini hak saya, tadi Yang Berhormat buat dakwaan, [*Disampuk*] ini peraturan mesyuarat pun tidak tahu, ini apa ini.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat. Sila teruskan Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, inilah telinga sudah merah.

Saya bangga Tuan Pengerusi bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah menguruskan negara ini dengan baik. Banyak mereka mahu belajar daripada kita. Sekali lagi juga kita telah buktikan *track record* kita yang amat baik sekali dalam kegawatan baru-baru ini. Banyak negara sudah merudum dari segi ekonominya, tengok di Rusia, di Amerika Selatan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi. Saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Seperti mana Yang Berhormat Rompin nyatakan bahawa banyak negara meniru apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan itu menjelaskan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun dapat menyempurnakan tugasnya sebagai seorang pemimpin. Sebagai satu contoh, bagaimana Perdana Menteri mengambil tanggungjawab dan tugas, jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Rompin, untuk meninggikan syiar Islam untuk menentukan bahawa syiar Islam di negara ini benar-benar dapat dirasai dan dinikmati oleh orang-orang Islam dan dengan sebab itu banyak negara Islam menjadikan Kuala Lumpur ini tempat persidangan muktamar antarabangsa peringkat Islam dan soal murtad ini – kalau soal murtad yang dibangkitkan oleh Pokok Sena menjadi satu gundah gulana, sebenarnya kita pun gundah gulana tentang kemurtadan orang-orang Islam kerana kita pun tidak mengizinkan orang Islam menjadi murtad.

Tetapi kalau kes 700 ataupun lebih nama bertukaran katakan murtad dan kalau ada kes seorang Islam murtad itu hendak diletakkan seluruh kesalahan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin pula bertanya kepada Yang Berhormat Rompin, apakah tidak boleh diberi kepujian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana di negara Malaysia tercinta ini, ribuan orang kafir masuk Islam, [*Tepuk*] ribuan! Ini menunjukkan bahawa jabatan-jabatan agama Islam telah pun menjalankan tugasnya termasuk JAKIM untuk menyebarkan dakwah untuk menarik orang menjadi Islam dan soal murtad ini satu isu yang memang diberikan perkara yang penting untuk ditarik balik dan saya difahamkan bahawa jabatan-jabatan Islam termasuk jabatan-jabatan Islam negeri-negeri berjaya menarik balik orang-orang yang murtad dan kalau soal menarik balik orang murtad itu telah pun dapat kejayaannya dan juga mendakwah orang bukan Islam masuk Islam itu ribuan jumlahnya di negara ini menjadi satu kenyataan, apakah itu tidak boleh kita katakan sebagai satu kejayaan seorang Perdana Menteri Islam untuk menentukan Islam di negara ini benar-benar dapat dihayati. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Sri Gading. Saya amat bersetuju benar apa pandangan Yang Berhormat tadi bahawa kita Kerajaan Barisan Nasional telah banyak melaksanakan usaha-usaha untuk meningkatkan maruah dan kesucian agama Islam. Di negara kita misal contohnya, kita punya sistem pendidikan, kita ada Universiti Islam, banyak pengajian-pengajian Islam diletakkan dalam kurikulum sekolah itu sendiri. Kita juga ada Universiti Islam, dalam sistem kewangan kita ada Bank Islam. Satu negara di dunia, majoriti 95 peratusnya orang Islam tetapi di negara itu kerajaan tidak membina masjid. Kita di sini kerajaan bertanggungjawab untuk membina masjid. Saya sebenarnya....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya?

Tuan Pengerusi: Minta gulung, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, saya gulung. Saya hendak tanya merumuskan, saya menyokong kalau benarlah yang kita ini tidak membuat sesuatu, hanya sebelah sana yang buat, saya tanya – Kelantan dah buat apa setakat ini? Apa Kelantan dah buat yang menunjukkan benar-benar dia meninggikan maruah dan kesucian Islam, apa dia? [*Tepuk*] Yang kita boleh terima semua ini, apa dia buat. Hanya hendak buat sesuatu dua itu untuk hendak menang pilihan raya, menang hati itu bukan cara. Nanti esok akan orang persoalkan adakah benar kita memperjuangkan Islam atau kita buat itu pada mulut untuk dunia, untuk parti, untuk mileage politik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ini kita akan kena jawab sama-sama esok. Oleh kerana Tuan Pengerusi, saya mohon [*Disampuk*] Mohon supaya kita menolak. [*Ketawa*] Saya minta rayuan saya semua kepada kawan-kawan supaya kita semua menolak usul dan membantah usul ini, kita tolak usul Pokok Sena ini supaya dia balik ke Pokok Sena sahaja. Saya mohon membantah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong.

12.01 tgh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk membantah usul yang dibawa oleh Pokok Sena merangkap Ketua Pergerakan Pemuda Parti Islam SeMalaysia atau PAS. Kepada saya ini satu perkara yang *irrational*, perkara yang tidak perlu diberi satu perspektif pemikiran yang dalam untuk ditolak.

Sebagai sebuah parti Islam, saya rasa kita sedar di dalam negara kita hari ini bagaimanakah kedudukan orang Islam, bagaimanakah perpaduannya orang Islam, bagaimanakah rapuhnya kesatuan Islam itu sendiri. Kita telah pun melihat bagaimanakah kerapuhan umat Islam di serata jagat telah membawa kepada kehancuran orang-orang Islam itu sendiri. Kepada saya parti PAS tidak lain berada dalam Dewan ini hanya untuk bermain politik. Dan politik inilah juga yang dibawa ke akar umbi sehingga memecah belahkan umat Islam dengan lebih luas khususnya lepas Pilihan Raya 1999 yang lalu.

Satu ketika dulu kerajaan telah pun mengetengahkan satu kertas putih mengenai perpecahan umat Islam di dalam negara ini. Ditunjukkan bagaimanakah golongan-golongan tertentu termasuk golongan-golongan yang simpati kepada PAS ataupun golongan-golongan yang mempunyai *direct linkage*, dengan izin, dengan PAS, menyumbang kepada perpecahan umat Islam sehingga pada satu ketika kedudukan orang Islam itu sendiri dalam Malaysia ini amat kritikal. Dan hari ini nampaknya PAS bergerak ke arah itu sekali lagi.

Saya tidak tahu sama ada usul yang dibawa oleh Pokok Sena itu sebenarnya menuju ke arah Sanggang. Tetapi sebagaimana yang saya katakan usul-usul sebeginilah yang sebenarnya menyumbangkan kepada kekeliruan yang lebih lebar di kalangan pemikiran umat Islam itu sendiri. Dan benar apa yang dicakapkan oleh saudara saya daripada Rompin bahawa usul ini ditiru daripada DAP kerana usul inilah juga yang dulu sering dilaungkan oleh pihak DAP. Saya ingat apabila PAS mempunyai ahli yang lebih besar keanggotaannya dalam Dewan sehingga wakil daripada PAS menjadi Ketua Pembangkang di dalam Dewan, maka kepembangkangan dalam Dewan ini akan menjadi lebih waras, menjadi lebih rasional, lebih fokus. Tetapi tidak – bercelaru habis.

Saya tahu bagaimanakah kedudukannya sekarang ini di antara PAS dengan DAP. Ada berapa orang DAP tinggal [*Memandang ke arah barisan pembangkang*] - ada seorang sahaja tinggal dalam Dewan ini. Kita lihat, cubalah kita insaf, kita kaji balik, kita audit diri kita sendiri bagaimana kedudukan orang Melayu, orang Islam sekarang. Janganlah dilebarkan lagi perpecahan ini. Saya tidak sanggup sebagai orang Melayu, sebagai orang Islam melihat sebuah parti Islam yang menyumbang kepada keruntuhan orang Islam yang akan merugikan seluruh orang Islam. Pada akhirnya dengan izin, *in the final analysis*, kita meruntuhkan orang Islam.

Memang baru-baru ini banyak pihak melihat keputusan pilihan raya di dalam negara ini sebagai penghakisan sokongan Melayu kepada UMNO sehingga Ketua Pembangkang sendiri dalam Dewan mengatakan UMNO tidak relevan sehingga ada ahli-ahli daripada PAS dalam Dewan ini berkata bahawa UMNO ini parti yang sesat dan

sebagainya. Saya lihat ini akan hanya menjadi bahan melemahkan bangsa itu sendiri. Jangan lupa ...

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya bertanya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri minta penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kuala Kedah tidak apa, sekarang sudah ada jaguh baru daripada Pokok Sena. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tak, hendak hendak bertanya sahaja. Bagi Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak apa, nanti.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tak, ini Tan Sri Musa sendiri kata pada 9 Februari di Johor Bahru.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak bagi jalan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tan Sri Musa yang mengatakan UMNO tidak relevan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Duduklah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Baiklah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tak dan nak kata. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pendang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Saya pun minta jalan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dua-dua. Yang mana satu hendak bagi?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bagi Johor Bahru, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Johor Bahru.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Saya hendak betulkan kenyataan Kuala Kedah, Tan Sri Musa tak cakap UMNO tak relevan. Itu cakap sekerat-sekerat. Kalau hendak, baca konteks yang penuh, baru faham. Jadi, jangan mengelirukan Dewan ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya baca penuh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, terima kasih. Sila teruskan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor : [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Johor Bahru.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ini Pendang berdiri, Yang Berhormat. Tidak bagi, bagi? Ha, silakan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Saya ingin mendapat penjelasan tentang tindakan yang telah dinyatakan yang akan diambil oleh Kerajaan Melaka untuk bertindak ke atas lebih kurang 20 kontraktor-kontraktor bumiputera di Melaka yang dikatakan sebagai penyokong pembangkang.

Tidakkah tindakan itu yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagai satu tindakan yang akan lebih membawa kepada perpecahan masyarakat orang-orang Islam dan juga menindas golongan bumiputera? Ini juga adalah merupakan satu langkah ke arah membawa kepada perpecahan yang lebih serius dalam masyarakat kita. Terima kasih.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya sebelum Kerajaan Melaka mengambil tindakan, Kerajaan Terengganu yang baru telah pun mengambil tindakan kepada kontraktor bumiputera. [*Tepuk*] Kerajaan Barisan Nasional Melaka mengambil tindakan oleh kerana mahu memberi kesedaran kepada kontraktor bumiputera itu sendiri. Sekiranya bukan Barisan Nasional yang memerintah negara ini, mereka juga akan merempat. [*Tepuk*] Itu hakikatnya.

Jadi, mereka harus ingat bahawa jangan digigit tangan yang memberi rezeki, *don't bite the hand that feed you*, dengan izin. Dalam pilihan raya yang lalu, memang terdapat segolongan kontraktor-kontraktor bumiputera yang membiayai parti PAS. Mereka lupa bahawa mereka mendapat rezeki daripada kerajaan. Kerajaan ini kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Nasional yang induknya UMNO. Sekarang ini memang kita semua telah pun mengambil tindakan...

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, sebagai sahabat

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:supaya *blacklist*.....

Tuan Mohamad bin Sabu: saya tegurlah, rezeki daripada Allah. Kalau habuan itu kerana dilulus oleh BN itu betul, ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, jangan bercakap Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: untuk kepentingan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Memang, memang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, bagi atau tidak ni?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak, tak. Saya tidak bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak bagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Untuk kepentingan Yang Berhormat, rezeki daripada Allah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bukan daripada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Habuan daripada BN itu lainlah. Ha, benda ini mustahak ni.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rezeki daripada Allah, usaha daripada kita.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ha, betul!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Rezeki daripada Allah yang disalurkan menerusi kepimpinan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Kita melihat....

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Alor Gajah, ya.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Tadi apabila dibangkitkan oleh pihak Ketua Pembangkang bahawa tindakan Ketua Menteri itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa tindakan Ketua Menteri Negeri Melaka di atas kontraktor-kontraktor yang mana menyokong golongan-golongan yang memporak-perandakan masyarakat Melayu kita. Apa pandangan Parit Sulong, sama ada wajar ataupun tidak wajar? Bahkan kalau kita lihat banyak lagi bukan sahaja kontraktor-kontraktor bahkan pegawai-pegawai bank yang mana mengambil tindakan yang tidak beretika walaupun dalam Akta Bafia dengan jelas menyatakan bahawa adalah satu kesalahan kalau kita tidak telus dalam tindakan sesuatu itu. Maka sebelum perkara ini berleluasa, tindakan yang sewajarnya oleh Ketua Menteri itu adalah satu tindakan yang wajar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saudara saya daripada Alor Gajah, saya amat menyokong penuh. Kami Barisan Nasional menyokong penuh apa yang dilakukan oleh Melaka. Sebenarnya apa yang bermula di Melaka ...

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Penjelasan. Boleh minta sikit?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya belum habis cakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan dulu, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Faham tak? Ini salah seorang daripada kontraktor bumiputera yang dapat rezeki daripada Allah menerusi Barisan Nasional, selepas itu menentang kerajaan. *[Ketawa]*

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Saya tidak dapat sesen pun daripada Kerajaan Malaysia ya, kontrak saya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Itu contoh dia pun. Sebab tu dia rasa panas.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Parit Sulong, teruskan, ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, awak baru masuk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha nanti,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya pegang floor.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia nak cakap

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dulu.

Tuan Mahfuz bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beginilah Yang Berhormat, kalau tak beri, janganlah Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak bagi jalan, duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Omar: [*Menyampuk*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, you boleh jawab. Duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebenarnya saya amat bersyukur kerana Ketua Pembangkang menimbulkan soalan ini. Adakah PAS di dalam pemerintahannya mahu menimbulkan sikap-sikap, ciri-ciri *unprofessional*? Kalau PAS menyokong kepada apa yang dilakukan oleh pegawai bank di Melaka itu, maka PAS adalah menggalakkan sikap-sikap yang tidak profesional. Satu hakikat.

Yang keduanya PAS sekarang ini memang jelas terbukti. Kuala Kedah jangan geleng kepala. Mungkin *you are on the side line already*, dengan izin [*Ketawa*] Pasal sekarang ini ada orang *in the inner circle of PAS*. Mungkin Parit Buntar ke, ya, PAS batik. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Kitchen cabinet, kitchen cabinet!*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ha, dalam *kitchen cabinet*. PAS ini sekarang saya hendak tanya, adakah saudara pernah bertanya diri sendiri sebagai sebuah parti Islam, bagaimanakah saudara menyumbang kepada kelunturan sokongan orang-orang Islam di dalam satu kerajaan? Adakah saudara melihat bagaimanakah lemahnya kedudukan orang Islam di dalam negara ini sekarang? Dalam konteks multi etnik, dalam konteks multi bangsa dalam negara. Kaji semula.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri minta penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu diganggu oleh orang PAS hari ini. Dan cukup dah ganggu gugat PAS masa pilihan raya dengan dia punya penyelewengan. Cukup dah saya hadapi. Dalam Dewan ini dia menafikan bahawa

dia bawa fitnah, dia tabur, dia menafikan semua tuduhan yang diberikan kepada dia walaupun benda itu dilakukan oleh orang peringkat bawah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Ini KeADILan, boleh? *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini keADILan ini. Ini lagi yang paling rosak, dia yang banyak... *[Disampuk]* Satu ketika dulu Datuk Yang di-Pertua, kalau kita hendak kenal kontraktor di Kemaman yang ada *link age* dengan Petronas yang besar, ha, ini dia.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia minta penjelasan Yang Berhormat, boleh?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya minta penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi tak payah jelaslah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hakikatnya orang kata ...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Awak bohong pasal kontrak, saya tak pernah dapat kontrak dengan Petronas, satu, awak bohong di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Okaylah Yang Berhormat, saya tarik balik. Tapi hakikatnya ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: ...dia pernah mendapat habuan yang banyaklah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tak ada, saya tak pernah mendapat dengan Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kemaman, duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay.

Seorang Ahli: Kerajaan Amerika.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Jadi saya minta penjelasan sikit...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak payah, tak payah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ha, dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tarik balik semua cakap itu tadi tapi saudara adalah di antara seorang profesional yang mendapat habuan kerana kemakmuran

Malaysia orang luar datang berniaga di Malaysia. Kemakmuran Malaysia itu di bawah kepimpinan Barisan Nasional bukan di bawah kepimpinan PAS. Itu hakikatnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Gulung Yang Berhormat, gulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hendak suruh gulung PAS ke nak suruh gulung usul? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Gulung belakalah. Apa saja Yang Berhormat nak teruskan, saya suruh gulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Oh Yang di Pertua suruh saya gulung percakapan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, masa dah cukup.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya ingat nak gulung PAS, kita gulung dia di Sanggang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ha, dah. Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi Yang di Pertua, sebagai gulungan saya minta sama ada orang Islam di dalam UMNO sama ada orang Islam di dalam PAS atau KeADILan, marilah kita melihat bagaimanakah rapuhnya perpaduan orang Islam dalam negara ini. Kita kaji dengan tulus ikhlas apa sebabnya. Apa sebabnya, mengapa perkara ini lebih melebar selepas Pilihan Raya 1999. Mengapakah dalam Pilihan Raya 1999 kononnya kerajaan ini hanya wujud di atas 'dokongan' kaum bukan Melayu. Ini dilebar luaskan, diwar-warkan di seluruh dunia. Semua media Barat subscribe to that belief, dengan izin, mengapa, siapa yang contribute kepada hakikat ini, adakah PAS itu berjuang atas nama Allah dengan keikhlasan yang setulusnya atau PAS itu mengaku berjuang atas nama Allah tetapi di bawah mengizinkan perkara penyelewengan yang amat luas dan lebar *[Tepuk]* Kita kena kaji. Jadi hakikatnya pada pokoknya Usul yang dibawa untuk memotong gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM10 adalah usul yang tidak rasional, usul yang semata-mata berlandaskan hakikat politik. Dengan itu saya menolak usul ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Menteri jawab Menteri, Menteri jawab.

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, cukuplah.

1220 tgh.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Setiap isu ataupun persoalan sememangnya akan menggamit beberapa pandangan atau pendapat. Dan pandangan dan pendapat-pendapat terhadap sesuatu isu itu memangnya berwarna-warni. Pandangan adakalanya terbuka atau kita panggil membina, ada pandangan yang sempit *[Ketawa]* Ada pandangan yang melampau, *extreme* ataupun *ultra*, ada pula pandangan yang seperti pepatah Melayu, tikus membaiki labu, ada pula pandangan yang mengajar itik berenang, biar itu itik itu baru ditetas tapi pandai berenang. Ada juga pandangan untuk kepentingan sendiri, puak dan kaum. Ada juga pandangan yang semata-mata *playing to the gallery* dan macam-macam lagi pandangan Tuan Pengerusi.

Sewaktu Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi membentangkan usul dan membuat justifikasi-justifikasi yang pada pendapat beliau adalah semuanya baik dan setelah mengamati sokongan daripada Kubang Kerian tadi, saya tergamit untuk berdiri dan

minta penjelasan. Tetapi oleh kerana kita bersikap terbuka, telus, kita berpegang kepada konsep demokrasi. Kita bertahan oleh kerana kita mahu mendengar kritikan yang membina. Kita tahan, saya boleh tegur umpamanya sewaktu Pokok Sena memberitahu bahawa saya masuk pintu belakang. Saya boleh berdiri, lantas apa maksud Yang Berhormat Pokok Sena saya masuk pintu belakang? Ada saya masuk pintu belakang? *[Pembesar suara dimatikan]*sudah menjadi sebagai perkataan yang sensitif dalam Dewan ini. Ingat, jadi sekarang kalau saya minta penjelasan dari Yang Berhormat pintu belakang mana Yang Berhormat maksudkan, mana....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu, waktu saya tadi mendengar semua hujah Yang Berhormat, saya tidak berdiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan, nanti dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...saya baru bangun....

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Nanti dulu.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tahu maksud Yang Berhormat itulah saya tidak berdiri. Kalau boleh, saya pinjam pantun daripada Kepong. Dia kata, ikan di jala, hanyir baunya, serat perahu di seberang sana, berkilas saja ikan di air, kita tahu jantan betinanya. Saya tahu tujuan Yang Berhormat ialah saya bukan bertanding. Itulah maksud pintu belakang, bukan? Tetapi saya didatangkan khas oleh wira dunia ketiga Perdana Menteri dari pendekar kampung untuk mahu berdepan dengan yang ini. *[Tepuk]* Soalan dia Tuan Pengerusi ialah begini, yang ditimbulkan oleh Pokok Sena ialah dia kata kenapa Perdana Menteri tidak datang menjawab dengan persoalan-persoalan, belum pun wira dunia ketiga, baru pendekar kampung yang tidak bertanding pun dia orang tidak boleh pertahankan hujah. *[Tepuk]* Apalagi kalau wira dunia ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang telah ditimbulkan oleh Pokok Sena yang telah disokong oleh Kubang Kerian adalah isu serupa yang ditimbulkan dalam perbahasan dasar. Pada mulanya saya tidak bercadang untuk menambah tetapi oleh kerana mereka ini mahu juga saya menambah, tidak apa, saya akan tambah. Tetapi mereka saya cadangkan supaya mempunyai pemikiran terbuka kerana di Sabah mungkin di sini, di Semenanjung tiada. Kita di Sabah ada perumpamaan-perumpamaan Melayu juga yang mengatakan bahawa anjing menyalak bulan, yang ertinya bulan, bukan bulan itu ya. *[Ketawa]* Saya kasi supaya jangan nanti ada Ahli Yang Berhormat PAS yang berdiri. Anjing menyalak bulan bermakna yang bermaksud, macam mana pun anjing itu menyalak bulan, cahaya bulan, kecantikan bulan itu semua tidak akan hilang. *[Tepuk]* Begitu juga apa macam pun kritikan-kritikan sebelah sana ini tidak akan menjejaskan title wira dunia ketiga ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Bulan di mana ni Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Yang ini bulan ciptaan Allah s.w.t. dan bukan buatan *[Tepuk]* Bukan bulan yang dibuat-buat ini, ini bulan ciptaan Allah s.w.t. Jadi apapun kritikan daripada sana tidak akan menjejaskan sinar wira dunia ketiga ini yang diakui oleh semua masyarakat dunia termasuk negara-negara Islam. Cuma yang berfikiran sempit saja ini tidak mengakukan? *[Ketawa]* Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibuat oleh Pokok Sena ini inilah benar-benar bukti kepada saya bahawa pemimpin-pemimpin pembangkang ini betul-betul perasaan itu sempit dan sempit dan sempit. Tidak

ada lagi perkataan lain yang boleh saya gunakan. *[Disampuk]* Nanti belum sampai di jawapan, ini baru dia punya mukadimmah saja ini. *[Ketawa]* Belum sampai di jawapan.

Kesempitan dia umpama, saya bagi contoh, saya berada di sini tadi pada jam 10.00. Jeli bertanya kepada Menteri Perindustrian pagi tadi kenapa Kelantan dia kata tidak diberi peluang untuk ikut sama dalam rombongan antarabangsa untuk menarik pelabur. Timbalan Menteri menjawab, dia sendiri yang tidak mahu, untuk apa pergi? Dia cuma mahu pergi United Arab ataupun negara-negara Arab sahaja. Ini mencerminkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak buat penyelidikan secara mendalam dulu. Buat tuduhan yang melulu, satu.

Kedua, Pokok Sena tadi tanya macam mana dia kata tuduhan ini dibuat waktu dia refer sama kes Kuala Kangsar. Dia kata macam mana tuduhan yang dibuat pada tahun 1997 sedangkan hal ini berlaku pada 1995.

Tuan Pengerusi, Akta Rasuah bukan sahaja yang 1997 punya Akta Rasuah. Akta Rasuah adalah lagi satu yang dimaksudkan pada tahun 1961. Ini mencerminkan bahawa mereka ini tidak tahu apa yang mereka mahu tanya cuma semata-mata mahu bercakap secara lantang dalam Dewan ini semoga apa yang didengar oleh galeri umpamanya, oh, handal-handal rupanya orang-orang daripada Barisan Alternatif ini.

Lepas itu mereka memberi contoh, mereka kata Perdana Menteri tidak ada, gagal tanggungjawab. Mereka juga tidak sedar sebagai Perdana Menteri, wakil rakyat Kubang Pasu dia adalah Ahli Parlimen, *members of the legislative body*, penggubal undang-undang. Sebagai Perdana Menteri dia juga terpaksa bertanggungjawab sebagai *Chief of the executive of the Nation*, Ketua Pentadbir, kalau beliau tidak dapat datang dalam Persidangan ini maka dia membuat tanggungjawab sebagai Ketua Pentadbir Negara. Itulah maka agaknya dia mempunyai timbalan-timbalan di sini. Ini pendekar kampung pun belum lagi cukup berpeluh untuk kamu dapat gugat apalagi wira dunia ketiga. Menghabiskan masa dia saja datang di sini menjawab persoalan-persoalan remeh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Umpamanya tadi dalam persoalan itu dibuat satu contoh memperkatakan dia tidak dapat mempertahankan kesucian Islam. Lepas itu dibuat pula secara terperinci 795 orang yang tukar nama. Ini pasal soalan Akta Murtad. Sempit, kenapa tidak tanya berapakah sudah masjid besar yang dibuat di negara ini? Kenapa tidak tanya seperti yang disebut tadi daripada seberang sana, Mas Gading. Berapa sudah orang Islam, orang bukan Islam yang masuk Islam.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan kerana tadi saya sudah dengar semua apa daripada pendapat mereka ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Sekarang ini masanya untuk mereka mendengar pula daripada kerjaan. Tidak ada jalan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Kalau saya kasi jalan, dia kasi sempit lagi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Ya, kalau dia bagi tak apa, dia tak bagi.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tak bagi. Nanti dulu..saya tidak bagi ..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi...

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak bagi jadi kalau saya tidak bagi tidak boleh ada hak untuk bercakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Ya, duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...kecil...700 orang sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Ya, duduk, duduk. Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...dan ini penting...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, saya tak kira penting tak penting, saya ikut peraturan mesyuarat. Penting, penting belaka.

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ada yang minta izin lagi sana tu Yang Berhormat daripada....

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Nanti dulu, nanti dulu, saya kasi habis dulu baru saya kasi laluan di sana.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat, dia tak bagi.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Nanti dulu, ini yang kita cerita ini soal pokok cuma tadi yang disebut tadi sebagai contoh, soal pokok tadi yang dibincangkan yang sekarang saya menjawab soal pokok, ya. Soal pokok ialah Perdana Menteri tidak menghadirkan diri maka dia gagal dari tanggungjawab. Saya sudah jawab itu maka dikatakan di sini bahawa dia gagal untuk mempertahankan kesucian Islam. Soal pokok dia cuma kasi sebagai contoh soal murtad. Jadi saya bercakap sekarang ini sebelum menjawab soal yang terperinci tadi soal murtad ini izinkan saya dulu jawab kepada soal pokok. Jadi soal pokok yang saya perkatakan di sini ialah siapakah yang sebenarnya mencemarkan agama Islam ini.

Kalau kita fikir baik-baik, baru juga kelmarin saya mendengar ucapan Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan satu penyokong parti yang apabila seorang yang beragama Islam dikubur, satu bendera parti yang saya tidak tahu parti siapa dibuat bantal oleh mayat tersebut. Apa ini? *[Disampuk]* Ha, ini kalau kita bercerita, mana, mana, kalau dia bercerita kita diam kerana kita berfikiran terbuka *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ahli Yang Berhormat, kalau pun umpamanya Ahli Yang Berhormat terasa, itu benda tiada, tiadalah. *[Ketawa]* Tetapi kita mahu cakap sini, apa mencemarkan kesucian. Okay, dulu kita disebut, kalau kita bersekongkol dengan orang yang bukan beragama Islam, kita pun kafir.

Tuan Husam bin Haji Musa: Memang tidak boleh.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Jadi, yang sekarang Barisan Alternatif ini apa ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudahlah Yang Berhormat ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Apa ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dengarlah Yang Berhormat. Jangan minta penjelasan ya.

Seorang Ahli: Dengar sahajalah.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Dulu umpamanya ada terdapat di sesetengah negeri yang sembahyang dua imam, siapa sebetulnya yang mencemarkan dengan kesucian Islam ini. Pendirian Barisan Nasional adalah satu pendirian yang amat konsisten sekali daripada dulu. Siapa yang juga mengeluarkan kata-kata bahawa

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak bagi laluan kerana saya sudah dengar Usul tadi daripada Yang Berhormat Pokok Sena dengan begitu sabar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau pendekar mesti beri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ya, pendekar pun kalau dia musim juga menyucuk keris itu, tak kan dia tarik balik *[Ketawa]*. Mana ada pendekar teragak-agak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: pendekar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Sekarang ini sudah musim saya menikam. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya hanya memberi ...

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Pengerusi tidak bagi. Keris itu sudah sampai. Sekarang saya mahu pusing keris itu. Saya tidak akan tarik.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pendekar

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak ada

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini pendekar....

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Mana ada pendekar yang menyucuk keris itu lepas itu dia teragak-agak, tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak kiralah.tidak kira. Ikut peraturan, dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tadi, sudah saya dengar dan segala cucukan itu sudah saya tanggung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pendekar Bujang Lapok.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya tanya?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak ada, tidak ada. Dia orang tidak faham lagi. Saya bilang saya tidak bagi laluan pun tidak faham, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Pangkah parti PAS ni.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak bagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: ...parti PAS.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan buat...

Tuan Mohamad bin Sabu:cakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan bercakap lagi, Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

Tuan Mohamad bin Sabu:Hari Raya Haji.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, dia tidak bagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bagilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau macam itu....

Tuan Mohamad bin Sabu: Orang PAS sama

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:.....semua orang bercakaplah. Duduk, duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini cakap boleh menimbulkan perpecahan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tak apalah tapi dia pangkah parti PASlah.

Beberapa Ahli: Bohong, bohong Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulang Yang Berhormat. Tapi dia tidak bagi. Kalau semua berdiri bercakap berkenaan ini karang serupa pasarlah nampaknya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Seorang Ahli: Okay, kami menang.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Mengenai dengan soal Akta Murtad tadi, bukan kerajaan tidak membuat apa-apa. Kerajaan amat prihatin tetapi kerajaan ini kerajaan yang amat bertanggungjawab.

Soal agama, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena adalah satu soal yang amat sensitif sekali. Negara-negara di luar ini berbunuhan antara sama sendiri oleh kerana soal agama. Umpamanya kalau kita pergi ke England, Britain, Ireland, pasal soal Kristian di antara Katolik dan Protestan sampai sekarang pun belum selesai. Kita kena hati-hati. Bukan kita membuat perkara yang sewenang-wenang apa yang difikirkan oleh seorang, maka itulah, tidak. Kita adalah kerajaan bertanggungjawab.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, mengenai dengan Akta Murtad ini, kerajaan memberi perhatian yang tinggi dan serius terhadap masalah murtad. Usaha pencegahan dibuat secara pendekatan dan usaha yang menyeluruh dan bersepadu meliputi pelbagai bidang antaranya:

- (i) pendidikan agama di semua peringkat - ini rancangan kerajaan;
- (ii) peningkatan iman dan taqwa melalui pembinaan masjid-masjid dan surau-sarau;
- (iii) peningkatan taraf hidup dan ekonomi umat Islam melalui zakat dan pembangunan harta Baitulmal;
- (iv) usaha pencegahan dari penyelewengan akidah dan ajaran sesat; dan
- (v) usaha dakwah yang menyeluruh di semua peringkat masyarakat.

Mengenai dengan Rang Undang-undang tadi, Yang Berhormat persoalkan sampai kini tidak dibincangkan di Dewan yang mulia ini, untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang tersebut sekarang ini di peringkat terakhir untuk disemak oleh Jabatan Peguam Negara dan ia akan sampai juga di Dewan ini. Jadi, Yang Berhormat harus bersabar. Tetapi sama ada penerangan ini saya ini diterima oleh Yang Berhormat, saya rasa dengan pendirian dan pemikiran yang saya nampak, Yang Berhormat tidak akan berdiri lagi. Itu semuanya tidak betul.

Jadi, itulah kadang-kadang kalau kita menjawab, kita jawab tidak diterima. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak yakin dengan sistem kita ini, macam mana? Kerana kerajaan sememangnya bertanggungjawab.

Mengenai dengan persoalan, iaitu dengan soal BPR sama ada ditangkap atau tidak seolah-olah ada tindakan kerajaan untuk pendakwaan secara terpilih. Saya sudah terangkan secara terperinci di Dewan yang mulia ini. Disebut di sini [*Membaca dari kertas*] oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia kata, "*Pengarah BPR menafikan bahawa dia menutup kes*". Dia baca dalam surat khabar. Pengarah BPR tidak berhak sama sekali untuk menutup kes. Itulah maka ia dinafikan, betul. Dia tidak berhak. BPR ini tugasnya cuma menyasat kes yang telah dilapor dan siasatan itu dia bebas, sudah juga saya terangkan panjang lebar. Lepas itu, hasil siasatan adalah rahsia, tidak juga boleh dibincangkan termasuk di dalam Dewan yang mulia ini. Selepas itu pula baru dihantar kepada Peguam Negara. Peguam Negara akan menimbang semua bukti-bukti yang tertentu kalau dia fikir boleh menang, ada kes, dia akan bawa di muka pengadilan. Kalau tidak, dia tidak akan bawa kerana itu adalah haknya selaras dengan perlembagaan dan seksyen yang juga disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi.

Jadi, mengenai dengan soal konon bahawa dalam kes Perwaja Steel bahawa 95% penyiasatan itu sudah selesai. Adakah Yang Berhormat berkenaan memikirkan bahawa waktu BPR mengatakan bahawa siasatan selesai, itu menunjukkan bahawa yang tertuduh sudah salah, tidak. Maksud siasatan 95% selesai itu ialah sedaya yang boleh mereka

mengumpul maklumat dan keterangan sudah selesai. Tetapi mungkin ada keterangan yang langsung tidak boleh dapat. Mungkin dalam keterangan itu bahawa jelas tidak ada kes. Tetapi Ahli Yang Berhormat sudah membuat tanggapan bahawa ada prima facie kes kami difahamkan. Kami dengar dari orang lain.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian, boleh bagi tak?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak bagi jalan sudah saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sempit fikirannya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Tidaklah dia tak bagi, saya tak tahulah maksud Yang Berhormat. Tetapi dia tidak bagi macam saya hendak benarkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Fikiran yang sempit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi. Kalau dia bagi saya suruh. Tak bagi, ya?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, Yang Berhormat. Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa:sempit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak. Mengenai dengan soal-soal itu sudah kita terangkan secara terperinci dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi hakikatnya Tuan Pengerusi, mereka ini sudah ada *mind set* yang sempit, tidak ada jalan untuk masuk apa-apa, Tuan Pengerusi. Sesempit macam lubang jarum. [*Ketawa*]. *Mind set* ada, *they made up their mind, that is it*. Jadi, kalaulah ini barisan yang mahu menjadi kerajaan sebagai Barisan Alternatif, "*God help us, really God help us*", [*Tepuk*] dengan izin.

Mengenai dengan soal Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata bekas Menteri Kewangan mengatakan bahawa Kuala Kangsar ada kes begini pada tahun 1998. Kenapa pula ditutup pada tahun 1977? Saya nampak betul kesempitan fikiran itu. Kes bermula awal tahun 1995. Yang cuma dikatakan oleh Menteri Kewangan ini adalah perkara yang dia fikir maklumat yang boleh ditambah di sana sebagai satu maklumat sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: Minta

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Minta maaf tidak bagi jalan. Tadi sudah saya dengar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Masih lagi ikut keris Tuan Pengerusi, belum saya tarik. Masih lagi saya pusing-pusing di dalam, belum lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia belum habis lagi, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak ada. Saya belum masa untuk saya tarik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jatuh *standard* Kerajaan Barisan Nasional jawab macam ini, takut sangat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahulah itu, saya hanya membenarkan kalau dia benar. Dia tidak bagi, tak bagilah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Suara sahaja bising, isinya tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak tahulah. [Ketawa] Dia tidak bagi Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini jaga *standard* Perdana Menteriilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jatuh *standard*lah.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ahli Yang Berhormat, sudah saya jawab persoalan Yang Berhormat tahu, tetapi cuma Ahli Yang Berhormat tidak mahu menerima hakikat yang sebenar. [Ketawa]

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa yang jawab?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Cuma Yang Berhormat tidak

Seorang Ahli: Jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa yang jawab?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Cuma Yang Berhormat tidak

Seorang Ahli: Jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa dia jawab?

Seorang Ahli: Merepekkah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah berlawan macam ini, Yang Berhormat. [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Sahaja Yang Berhormat tidak dengar. Tidak dengarlah Yang Berhormat. Orang lain dengar, faham dengan saya punya jawapan. Ahli Yang Berhormat tidak dengar ke?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tidak catat apa yang saya cakap. Dia tidak catit, itu yang....

Seorang Ahli: Tak usah berlawan macam ini Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tahulah. Duduk, duduk. Dia tak bagi. Kalau dia bagi saya

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau dia tidak mahu jawab, duduk, duduk sahaja. Tidak payah dok panjang-panjang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sedikit lagi gamaknya, dia duduklah. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Mereka ini Tuan Pengerusi, selalu merujuk kepada akhbar-akhbar. Tetapi biasanya rujukan kepada akhbar-akhbar ini kalau tidak silap saya mesti juga minta izin dahulu kepada Tuan Pengerusi ataupun Tuan Yang di-Pertua sama ada dibenarkan atau tidak kerana kesahihan sesuatu siaran akhbar itu tidak semestinya betul atau tidak. Okay, ini sebagai terperinci jawapan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi mengatakan bahawa Pengarah BPR mengatakan bahawa kes ditutup pada tahun 1997 sedangkan Dato' Ahmad Zaki, masih dalam siasatan dalam tahun 1999. Kenyataan akhbar oleh Dato' Ahmad Zaki ini adalah tidak tepat dan merupakan kesilapan wartawan. Ianya telah diperbetulkan dan telah disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia pada hari berikutnya. Dato' Ahmad Zaki cuma mengesahkan siasatan terhadap Menteri Kewangan sahaja, begitu. Jadi, inilah Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jeli mengatakan kenapa rombongan Kelantan businessman tidak dibawa setelah tidak dibawa kerana itu adalah kehendak Kelantan. Lepas itu pula, Akta Rasuah 1997 kenapa? Sedangkan Akta Rasuah dahulu, tahun 1991 ada, inilah, ini yang kadang-kadang menghabiskan masa untuk menjawab juga

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh saya berikan penjelasan ya, Tuan Pengerusi?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Jadi, bagi saya tidaklah wajar juga untuk Perdana Menteri, wira dunia ketiga, untuk berhadapan dengan pendapat-pendapat sempit begini, menghabiskan masa. Perdana Menteri sedar.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian minta penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh, ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri tidak bagi, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak bagi kalau selain macam itu mana hendak dapat penjelasan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat. Ya?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Yang soal mengenai dengan Perwaja, kes Perwaja.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak ada, tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Sudah saya buat pendirian dan pendirian ini pendirian Barisan Nasional yang tidak boleh diganggu gugat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Mengenai dengan kes Perwaja, sudah juga saya terangkan bahawa kes Perwaja itu masih lagi *on*, sedang dalam penyiasatan pun masih juga ditimbulkan oleh kerana *mind set* inilah, yang saya cerita ini, yang *mind set* inilah. Buang masa sahaja untuk menjawab kerana dia tidak faham sekalipun. Tetapi kita terpaksa jawab kerana apapun yang saya sebut ini akan masuk dalam *Hansard* dan semua yang hadir pada hari ini akan juga membuka pemikiran mereka. Bukan juga mendengar sebelah sana kerana ini adalah fakta.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, tidak ada lagi perkara-perkara yang saya dengar yang baru yang ditimbulkan semua pun telah ditimbulkan waktu perbincangan dasar.

Seorang Ahli: Penjelasan, boleh?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada perkara baru?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah habis Yang Berhormat, dia dah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah....*[Disampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 46(4) dan 47, kita minta belah bahagian dalam Usul ini.

Seorang Ahli: Tidak boleh cakap?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sokong, sokong. mahu 15 orang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bangun, bangun.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ia perlu 15 orang berdiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila bilang, 21. Sila duduk.

Seorang Ahli: Rompin jadi pembangkang. Belajar jadi pembangkang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bunyi loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Urusetia, sila bagi kertas kepada tiap-tiap yang mengawal blok untuk diambil persetujuan.

[Pengundian dijalankan]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang adalah keputusan undi belah bahagi;

Yang bersetuju dengan usul 29 undi;

Yang tidak bersetuju dengan usul ialah 68 undi. *[Tepuk]*

Yang tidak mengundi – tiada

Dengan ini ditolak.

BERSETUJU

1. Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor
2. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
3. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar
4. Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali
5. Tuan Husam bin Haji Musa
6. Dato' Kamarudin bin Jaafar
7. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron
8. Tuan Mohd. Amar bin Abdullah
9. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad
10. Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib
11. Tuan Haji Ismail bin Noh
12. Tuan Alwi bin Jusoh
13. Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat
14. Tuan A. Bakar bin Haji Othman
15. Tuan Haji Yusof bin Mohd Noor
16. Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud
17. Tuan Mohd Apandi bin Mohamad
18. Tuan Lim Hock Seng
19. Tuan Hassan bin Mohamed
20. Puan Teresa Kok Suh Sim
21. Tuan Chow Kon Yeow
22. Tuan Wan Nik bin Wan Yussof
23. Puan Fong Po Kuan
24. Tuan Goh Kheng Huat
25. Tuan Abd. Rahman bin Yusof
26. Tuan Saupi bin Daud
27. Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak
28. Tuan Ramli bin Ibrahim
29. Tuan Muhamad bin Mustafa

TIDAK BERSETUJU

1. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob
2. Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia
3. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
4. Dato' Dr. Rais bin Yatim
5. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
6. Datuk Dr. Leo Michael Toyad
7. Dato' Kerk Choo Ting
8. Dato' Chan Kong Choy
9. Datuk Douglas Uggah Embas
10. Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:
11. Dato' Chor Chee Heung
12. Dato' G. Palanivel
13. Datuk Ong Tee Keat
14. Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil
15. Dato' Haji Zainal bin Dahalan
16. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
17. Dato' Zainal Abidin bin Zin
18. Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin
19. Dr. Abdul Latiff bin Ahmad
20. Dato' Abu Bakar bin Taib
21. Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin
22. Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop
23. Tuan Haji Noh bin Haji Omar
24. Tuan Chia Kwang Chye
25. Datuk Yong Teck Lee
26. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh
27. Dato' Napsiah binti Omar
28. Dr. Robia binti Dato' Kosai
29. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau
30. Datuk Railey bin Haji Jeffrey
31. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman
32. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
33. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad

34. Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad
35. Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim
36. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
37. Tuan Robert Lau Hoi Chew
38. Tuan Tiong Thai King
39. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh
40. Tuan Jawah anak Gerang
41. Dato' Hew See Tong
42. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz
43. Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah
44. Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin
45. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop
46. Dato' Yap Pian Hon
47. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi
48. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis
49. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob
50. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
51. Tan Sri Dato' Dr. K.S Nijhar
52. Tuan Wilfred Madius Tangau
53. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz
54. Tuan Haji Mohd Ali bin Haji Hassan
55. Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar
56. Tuan Alexander Nanta Linggi
57. Tuan Henry Sum Agong
58. Tuan Moktar bin Radin
59. Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar
60. Tuan Philip Benedict Lasimbang
61. Dato' Goh Siow Huat
62. Dato' Mohd. Zain bin Omar
63. Tuan Lee Kah Choon
64. Dato' Zulhasnan bin Rafique
65. Puan Lim Bee Kau
66. Tuan Mohamed Sayuti bin Said
67. Tuan Kong Cho Ha
68. Tuan Liow Tiong Lai

YANG TIDAK MENGUNDI:**Tiada**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bahawa Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Tanjong, ya.

12.50 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dengan menyentuh tentang maksud bekalan B.7 Jabatan Perdana Menteri iaitu butiran 200100, di mana sebanyak RM19,549,000 telah diperuntukkan antara lainnya untuk tujuan persediaan pilihan raya bagi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Tuan Pengerusi, ini satu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa pada kadar yang keterlaluan, *abuse of the power of the higher degree*, dengan izin. Perdana Menteri harus didakwa kerana menyalahguna kuasa untuk memperuntukkan wang negara dan wang rakyat kepada dirinya sendiri dan juga Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen untuk tujuan persediaan pilihan raya. Macam mana boleh berlaku *budgetary allocation* kepada Perdana Menteri dan anggota pentadbiran untuk tujuan persediaan pilihan raya.

Tuan Pengerusi, sejak bilakah wang rakyat boleh disalahgunakan oleh pemimpin politik untuk mengendalikan kempen pilihan raya peribadi supaya mereka dipilih semula. Pemimpin Barisan Nasional sudah selama ini menggunakan jentera kerajaan ataupun *state operators* dengan izin, untuk tujuan politik mereka khususnya dalam pilihan raya. Menjelang pilihan raya *state operators* atau jentera kerajaan sudah tukar wajah menjadi parti *operators* untuk disalahgunakan bagi kepentingan parti untuk mengekalkan dan memelihara pegangan kuasa. Jabatan Penerangan dan media elektronik seperti radio, RTM semua menjadi 'jabatan penerangan' Barisan Nasional dan 'arty' Barisan Nasional. Semua kementerian, jabatan dan unit-unit pentadbiran di dalam kerajaan dijadikan *party operators* dalam pilihan raya.

Kempen politik parti yang dilancarkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Besar dan Ketua Menteri menggunakan kemudahan kerajaan dari Dewan, hiasan, alat komunikasi, kenderaan, kakitangan awam dan juga kapal terbang kerajaan. Semua ini adalah penyelewengan kuasa iaitu menggunakan wang rakyat untuk tujuan politik pemimpin kerajaan. Pihak pembangkang selama ini membuat bantahan sekeras-kerasnya terhadap penyelewengan kuasa Barisan Nasional ini kerana menjadikan jentera-jentera kerajaan sebagai jentera parti untuk kepentingan politik bukan sahaja semasa pilihan raya umum sahaja tetapi juga bagi tujuan pemilihan jawatan parti-parti dalam Barisan Nasional khususnya UMNO.

Perdana Menteri tidak boleh menggunakan jentera kerajaan untuk tujuan berkempen politik untuk Barisan Nasional dan UMNO semasa pilihan raya umum ataupun berkempen politik dalam pemilihan jawatan parti UMNO. Lain-lain menteri, timbalan menteri, menteri besar dan ketua menteri dan exco-exco kerajaan negeri juga begitu.

Tuan Pengerusi, selepas pembubaran Parlimen dan dewan-dewan undangan negeri kerajaan menjadi *caretaker government* dan pemimpin kerajaan menjadi *caretaker leaders* dan tidak patut menggunakan jentera kerajaan untuk tujuan politik peribadi mereka. Tidak

cukup dengan menggunakan jentera kerajaan untuk agenda politik peribadi sekarang Perdana Menteri mahu dapat peruntukan belanjawan iaitu sebahagian daripada wang sebanyak RM19.5 juta untuk tujuan persediaan pilihan raya tahun 2000.

DAP membantah sekeras-kerasnya peruntukan belanjawan ini diberikan kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen untuk tujuan persediaan pilihan raya. Tindak laku ini berunsur jenayah kerana menggunakan wang rakyat untuk kegunaan peribadi. Pilihan raya umum sudah pun diadakan pada bulan November 1999, mengapa perlu lagi dalam Belanjawan 2000 ini buat peruntukan dari sebahagian jumlah RM19.5 juta ini untuk tujuan persediaan pilihan raya Perdana Menteri. Berapakah wang yang sebenarnya akan diperuntukkan kerana tidak ada apa-apa butiran di dalam buku ini bagaimana wang ini akan digunakan. Wang ini yang diperuntukkan untuk tujuan persediaan pilihan raya haruslah ditarik balik dan wang ini dipindah untuk kegunaan lain yang boleh memanfaatkan rakyat. Perdana Menteri harus memberi penjelasan sendiri mengapa beliau menyalahgunakan kuasanya dengan membuat peruntukan belanjawan bagi tujuan persediaan pilihan raya. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan. Harap sebut kepala.

12.57 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada. Saya ingat dia panjang sangat, saya simpan.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk membahar beberapa butiran di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri. Tuan Pengerusi, memandangkan ada banyak jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini, maka saya ingin mengambil beberapa butiran untuk disebut di sini.

Tuan Pengerusi, pada 29 Februari tahun ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jabatan Perdana Menteri ya.

Tuan Lim Hock Seng: B.7.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: B.7, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Kalau saya boleh merujuk kepada senarai perjawatan 2000, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat gaji satu bulan RM17,150. Ini gaji pokok sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk lain-lain elaun yang beliau berhak menerima.

Tuan Pengerusi, beberapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan perkataan-perkataan dan percakapan-percakapan mahupun di dalam negeri atau di luar negeri yang ada menyakitkan pihak-pihak yang tertentu khasnya pihak-pihak pembangkang. Apa perkataan yang diungkapkan tidak perlu atau tidak betul dikata, dikatakan oleh Perdana Menteri dan beliau tidak langsung ditegur oleh siapa-siapa pun. Di segi menghina mahkamah, beliau pun banyak ada berkata-kata perkataan yang ada *subjudice* kepada mahkamah kita ini.

Tuan Pengerusi, pada 29 Februari ini saya ada membangkitkan satu hal, iaitu apabila pada 30 Januari tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berjumpa dengan murid-murid Malaysia di Malaysia Hall, London, beliau ada mengeluarkan perkataan yang tidak disenangi khasnya kepada pemimpin-pemimpin pembangkang, iaitu

saudara Karpal Singh. Beliau kata beliau hendak menggantungkan saudara Karpal Singh. Tetapi dalam jawapan yang diberi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri langsung tidak menjawab apa yang saya bangkit itu. Bukankah saudara Karpal Singh sedang menghadapi satu dakwaan, *seditious*, dengan izin, di mahkamah. Perkataan seperti dia tidak suka kepada Karpal Singh dan ingin hendak menggantungkan Karpal Singh ini ada jadi satu *sign language* kepada hakim yang sedang membicarakan kes ini.

Jikalau Karpal Singh disabit, dia akan menjejak langkah Lim Guan Eng dengan dipenjarakan atau didenda RM2,000 dan beliau akan hilang kelayakan beliau sebagai seorang peguam dan mungkin tidak akan menjadi seorang ahli Parlimen dalam masa yang akan datang. Ini tentulah satu percakapan yang tidak waras, tidak patut dikeluarkan oleh Perdana Menteri sendiri. Beliau juga di beberapa *occasion*, dengan izin, ada merendah-rendahkan martabat negara kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ha, saya sukalah. Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi kawasan Bagan, sila sambung.

2.32 ptg.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya sambung. Tuan Pengerusi, isu Saudara Karpal Singh dihadapkan ke mahkamah kerana Akta Hasutan, *Bar Council*, dengan izin, pada minggu yang akan datang ini, antara satu resolusi yang akan dikemukakan oleh Bar Council ialah untuk menyeru Peguam Negara supaya menggugurkan dakwaan kepada Karpal Singh atas Akta Hasutan ini.

Tuan Pengerusi, kes ini adalah kes pertama di negara Komanwel di mana seorang peguam apabila menjalankan tugas beliau dalam mahkamah. Ini tentulah akan menjadi satu, dengan izin, *laughing stock*, di kalangan judiciary atau kalangan perundangan dunia.

Tuan Pengerusi, pada Pilihanraya Kesepuluh yang baru-baru lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membangkitkan Peristiwa Mei 13. Beliau menyeru rakyat memberi mandat dua pertiga majoriti kepada Barisan Nasional. Jikalau tidak negara akan jadi huru-hara seperti Peristiwa Mei 13 yang dilakukan pada tahun 1967 [*Disampuk*]1969, *sorry*. Marina Yusoff, seorang pemimpin Parti KeADILan dalam satu ceramah di Bukit Mertajam sebelum pilihan raya cuba membalas ugutan sedemikian dan cuba menyakinkan rakyat bahawa Peristiwa Mei 13 tidak akan berlaku dengan memberi alasan-alasannya, kini menghadapi dakwaan atas Akta Hasutan juga.

Tuan Pengerusi, tengoklah di Taiwan baru-baru dua hari ini. Walaupun Kuomintang dan negara China cuba mengugut rakyat Taiwan supaya jangan memilih Chen Shui-bian, akhirnya rakyat Taiwan berani juga untuk membuat satu keputusan demi untuk demokrasi negara Taiwan dan Chen Shui-bian dipilih sebagai Presiden Taiwan.

Tuan Pengerusi, masalah Timor Timur – bukannya satu referendum rakyat Timor Timur sudah diadakan dan Bangsa-Bangsa Bersatu pun mengiktirafkan dan merestui referendum itu dan pihak Kerajaan Indonesia pun sudah bersetuju kemerdekaan Timor Timur. Mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau melawat ke Indonesia baru-baru ini mengatakan bahawa beliau tidak bersetuju Timor Timur dibenarkan lepas dari Indonesia. Ini terang-terang mencampur hak dalaman negara Indonesia. Sebab itukah Malaysia hanya menghantar dua hingga tiga puluh orang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat bagi kawasan Sri Gading bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti habis ini.....Angkatan Tentera Malaysia sebagai pemerhati menyertai pasukan pengaman di Timor Timur itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingin sedikit penjelasan. Apakah dengan memperkatakan Chen Shui-bian menang di Taiwan itu bahawa DAP menyokong kemenangannya?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya tidak kata DAP menyokong Chen Shui-bian. Saya cakap walaupun Kuomintang dan negara China melalui satu sidang akhbar oleh Premiernya Chu Yong Chee mengutuk dengan sekeras-kerasnya, mengugut juga, jikalau calon-calon presiden yang salah dipilih, maka China akan menyerang Taiwan tetapi hari ini sudah lepas dua hari, tidak nampak pun sebutir bom meletup. Ini sepertilah Mei 13 yang diugut-ugutkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa...

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya banyak lagi sebab ini ada banyak bahagian. Tuan Pengerusi, kes seks Dato' Seri Anwar Ibrahim. Perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri masih dijalankan. Mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkali-kali berkata bahawa beliau yakin dan percaya, malah ada bukti pun membuktikan bekas Timbalan Perdana Menteri adalah salah dalam hal ini. Ini bukannya satu *subjudice*? Cuba bayangkan bagaimana hakim yang mendengar kes-kes yang saya sebut tadi akan membuat satu keputusan yang adil dan wajar tanpa pengaruh daripada seorang pemimpin tertinggi di negara kita ini, Tuan Pengerusi.

Saya masuk kepada Maksud B.3 – Jabatan Audit Negara. Saya bersetuju apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong sebentar tadi berkenaan dengan salah guna jentera-jentera dan kemudahan-kemudahan kerajaan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi negara semasa menjalankan kempen Pilihan Raya Kesepuluh dan sekarang kempen pemilihan parti UMNO pada Mei yang akan datang ini. Pesawat khas dipakai untuk membawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya ke seluruh negara – pagi di Terengganu, petang di Pulau Pinang, pagi di Bintulu, petang di Sibu dan di Kuala Lumpur; pergi ke sana, pergi ke sini untuk menjalankan kempen Pilihan Raya Kesepuluh dan pada masa ini juga mereka menggunakan pesawat khas mereka untuk menjalankan kempen pemilihan parti UMNO.

Saya memberi kehormatan yang tinggi kepada Allahyarham Tunku Abdul Rahman – Perdana Menteri pertama Malaysia. Beliau sanggup meletak jawatan sementara.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Tuan Lim Hock Seng:....pada April 1959 ke bulan Ogos 1959 supaya tidak dituduh menyalahi kuasa....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Tuan Lim Hock Seng:semasa menjalankan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Tuan Lim Hock Seng:..... [Menunjukkan isyarat tangan supaya tunggu].....kempen pilihan raya 1959. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada pada sekarang ini mesti tidak akan mencontohi *standard* yang tinggi Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang saya sebutkan tadi.

Pembayar cukai membayar Perdana Menteri gajinya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri dan bukan Pengerusi UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini adakah Auditor General iaitu Datuk Mohd Khalil Mohd Noor akan menubuh satu jawatankuasa khas untuk menyiasat dan menjaga kepentingan rakyat supaya segala dana dan jentera-jentera kerajaan tidak disalahgunakan. Pernah juga dalam Mahkamah Tinggi di India telah memutuskan bahawa bekas Perdana Menteri India, Indra Ghandi kerana menggunakan helikopter semasa kempen pilihan raya mengisytiharkan kemenangan beliau tidak laku, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Hock Seng: Ada banyak jabatan-jabatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hanya lima minit untuk Yang Berhormat sambung.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi tidak ada sebut had masa. Tak ada had masa, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab saya ikut catatan sini.

Tuan Lim Hock Seng: Sebab Jabatan Perdana Menteri masih ada Jabatan Peguam Negara, masih ada ACA, masih ada Perkhidmatan Awam, masih ada Parlimen, bagaimana hendak menghabiskan dalam had masa lima minit? Saya cuba memendekkan, Tuan Pengerusi.

Saya masuk ke Butiran 10 – Jabatan Peguam Negara. Saya meminta Tan Sri Mohtar Abdullah menerangkan mengapa tuduhan ke atas bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor kerana membelasah bekas Timbalan Perdana Menteri atas seksyen 325 dipinda ke 323. 325 membawa penjara tujuh tahun atau denda, manakala 323 membawa penjara maksimum hanya satu tahun dan RM2,000 denda. Suruhanjaya Penyiasatan Diraja membuat cadangan supaya Tan Sri Rahim Noor didakwa di bawah seksyen 325 bersama-sama 511 dan ini telah disetujui oleh Peguam Negara tetapi ia dipinda atas permintaan pihak defenden.

Maksud B.8 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tuan Pengerusi, baru-baru ini timbullah masalah bayar gaji, bayar pencen dan juga bayar *gratuity* untuk kakitangan-kakitangan awam. Kepada mereka yang memilih bersara awal mereka hanya dapat 10% dari *gratuity* mereka dan kena tungguhul sampai umur 55 tahun baru dapat *gratuity* sepenuh mereka dan juga ada penjelasan daripada menteri-menteri bahawa *gratuity* untuk lelaki kakitangan awam kerajaan, mereka boleh dapat pada 50 tahun dan kepada kalangan wanita mereka dapat *gratuity* mereka pada umur 45 tahun. Saya berharap pihak-pihak yang

berkenaan boleh membuat satu penjelasan yang tepat supaya kekeliruan ini dapat dijernihkan.

Tuan Pengerusi, CUEPACS ada meminta satu tangga gaji terendah iaitu RM1,200 dan pencen sekurang-kurangnya RM500 iaitu lebih kurang di paras kemiskinan yang ditentukan oleh kerajaan. Kerajaan memang melaung-laungkan bahawa ekonomi negara kita telah pulih dan kukuh dan kadar pertumbuhan 4.65%. Masa sudah sampai bagi kerajaan untuk menunaikan janji-janji yang telah dibuat kepada kakitangan-kakitangan kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya berkali-kali mendesak supaya pejabat-pejabat kerajaan dapat menubuhkan kaunter-kaunter servis mereka di bangunan Parlimen ini semasa Parlimen bersidang dan saya pada sidang ini juga hendak menyebutkan sekali lagi supaya ini diambil perhatian kerana dengan pemindahan pejabat-pejabat kerajaan ke Putrajaya, maka bukan sahaja rakyat akan susah untuk pergi ke sana, bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat juga nampak susah hendak menjalankan tugas mereka.

Tuan Pengerusi, tempoh hari saya juga ada membangkitkan berkenaan dengan lewat jawapan dari sebarang pertanyaan atau sebarang surat-menyurat kepada kementerian-kementerian, pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan dan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga ada membangkitkan hal yang sedemikian dan tidak hairanlah saya apabila menyebutkan satu kes dikatakan surat saya tidak diterima oleh kakitangan-kakitangan kerajaan itu dan saya telah mengemukakan salinan surat saya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri dan saya harap beliau boleh menjalankan tugas dengan memerintahkan kakitangan-kakitangan supaya membalas surat-surat dari, baik pun rakyat, baikpun dari wakil rakyat secepat mungkin.

Saya mengambil satu contoh di sini, di mana saya selaku seorang wakil rakyat telah menulis sepucuk surat kepada Kerajaan Singapura iaitu *Insolvency and Public Trusty Office di Ministry of Law*, saya tulis pada 3 Jun 1999, saya dapat surat balas dari mereka 26 Jun 1999. Mereka hanya ambil lebih kurang 20 hari untuk menyelesaikan perkara ini dan perkara ini selesai, selesai dijawab. Sebab saya hantar pada 3 haribulan, saya ingat awal sekali mereka dapat adalah 6 haribulan dan 26 haribulan mereka telah menyampaikan surat saya, selesai perkara ini. Cuba tengoklah keberkesanan. Saya bukan perkecil-kecilkan negara kita, saya bukan puji-puji kepada keberkesanan negara asing tetapi ini adalah jadi satu contoh dan teladan untuk negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tidak ada masa. Kalau habis ini

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Sikit sahajalah. Saya hendak buat sikit pertanyaan kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak ada. Saya lagi ada tiga kementerian. Ada tiga pejabat lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sikit sahajalah. Ini sikit sahaja, pertanyaan

Tuan Lim Hock Seng: Tak. Tak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak minta sikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak bersetuju memberikan laluan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 11 iaitu B.11, Badan Pencegah Rasuah. Tuan Pengerusi, bekas Timbalan Perdana Menteri telah membuat empat

laporan polis kepada pihak BPR dan juga bahagian polis tetapi sehingga hari ini tidak ada satu penyiasatan yang muktamad. Kes ini kalau Menteri jawab, dia mesti, apa pasal selalu mengungkit-ungkitkan perkara ini, sudah berapa kali jawab, masih lagi timbul, tanya lagi, selagi penyelesaian tidak dicapai adalah tanggungjawab seseorang ahli Parlimen untuk membangkitkan hal ini. Kalau hari ini selesaikan kes itu dan orang yang salah dihadapkan ke keadilan maka perkara itu barulah kira selesai. Tetapi sekarang ini semua berbolak-dalih sahaja, tidak selesai. Kes Anwar melapor berkenaan dengan Menteri Kewangan, Daim Zainudin, dengan izin, kes Anwar berkenaan dengan Rahim Tamby Chik, kes Anwar berkenaan dengan Rafidah Aziz, kes Anwar berkenaan dengan Mahathir kerana dalam peristiwa

Tuan Moktar bin Radin : Tuan Pengerusi, tadi kita dibagi 10 minit, dia sudah lebih, apa pasal? *[Disampuk]* Tadi sudah ada *ruling* bagi 10 minit.

Tuan Lim Hock Seng: Bila ada masa had? Bila ada had masa? *[Disampuk]* Sepanjang masa ini, dalam Dewan ini saya tidak dengar had masa pun *[Disampuk]* Dia pertama yang berucap, saya yang kedua.

Seorang Ahli: Speaker baru sana. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa akan dihadkan

Tuan Lim Hock Seng: Selepas saya ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, selepas Yang Berhormat Bagan. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi,, saya menyeru pihak BPR supaya bertindak lebih cergas terhadap kes-kes yang dimaksudkan supaya menyakinkan rakyat lagi. Saya pernah membangkitkan bekas pembantu Gabenor Bank Negara iaitu Datuk Abdul Murad mendedahkan melalui surat sumpah bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri ada 20 master account dengan dana RM3 bilion. Dan sahaja 26 haribulan didedahkan, 28 haribulan Ketua Pengarah, Pengerusi BPR telah membuat satu pengumuman bahawa mereka akan mula siasat. Ini saya juga berharap mereka boleh menjalankan tugas mereka dengan cepat dan saksama.

Tuan Pengerusi, Maksud B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya ini juga banyak kali sudah dibangkit tetapi saya masih hendak membangkitkan satu, dua perkara lagi. Kenapa pendaftaran pengundi baru tidak boleh dijalankan *on-line* dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Tuan Pengerusi, semasa kami menjalankan Pilihanraya Ke-10 iaitu pada 29 November, pada masa itu juga New Zealand ada pilihan raya pada 27 November 1999 tetapi pengundi-pengundi mereka boleh mendaftar pada 26 haribulan pun. Satu hari sebelum membuang undi, mereka mendaftar dan mereka dibenarkan untuk membuang undi. Satu hari sahaja, tetapi kami ambil 8 bulan, 9 bulan tidak boleh selesai.

Saya pernah menceritakan berkenaan dengan pencemaran pengundi-pengundi di satu-satu kawasan. Tuan Pengerusi, saya dapat jawapan dari Menteri, dia kata kalau ada orang dipindah mesti dia dapat tahu, kalau dia tidak suka dipindah, dia boleh minta supaya dipindah balik. Masalah bukan ini, masalah ini ialah mereka yang tahu sengaja memindah, berkelompok pergi ke satu kawasan untuk mengukuhkan dan mempertahankan satu kerusi yang mereka ingin. Seperti saya boleh memberi contoh di Bukit Bendera, beribu-ribu penduduk-penduduk di kawasan Seberang Prai berpindah ke Seberang Laut *[Ketawa]* - Seberang Pulau untuk mempertahankan satu kerusi di sana. Ini dengan sengaja.

Jadi, saya haraplah, saya berkali-kali menyeru supaya senarai daftar pengundi ini dirumus semula mengikut alamat pemastautin mereka dan janganlah membiarkan parti politik untuk memindah pengundi-pengundi mereka yang suka pergi ke sana. Jadi, ini ada

satu pencemaran, saya membangkitkan ini demi hak kepentingan demokrasi. Pada masa sekarang, penduduk-penduduk di kawasan tempatan mereka agak menyokong Barisan dan menyokong Pembangkang lebih kurang 45:55, 45:55. Apabila keadaan ini bangkit, orang luar masuk sana, campur tangan maka mereka yang memutuskan keputusan pilihan raya itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan, Kinabatangan bangun.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, berapa had masa dia ini? *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan

Tuan Lim Hock Seng: Pagi ini, dalam satu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Pengerusi, buat rulinglah, semuapun mahu cakap.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, pagi ini, apabila saya membangkitkan bahawa kerajaan perlu menjalankan satu kempen supaya memberi kesedaran kepada rakyat mengetahui bahawa mengundi adalah rahsia dan selepas mengundi SPR akan menyimpan kertas-kertas undi dalam peti yang berkunci dan mereka akan menghantar surat kepada setiap calon-calon untuk menyaksikan pembukaan peti yang terkunci itu dan selepas itu dikeluarkan semua kertas dan dibakar. Selesaikan perkara itu. Tetapi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau tidak fahamkan hal ini dan beliau kata mana boleh, sudah undi bakar sahaja, nanti ada petisyen, bukan panggil dan-dan bakar. Lepas 6 bulan, ikut peraturan. Lepas 6 bulan dibakar, apabila dibakar, buatlah rakaman video supaya disiarkan di semua TV, di semua tempat, supaya menyakinkan rakyat bahawa undi adalah rahsia. Tetapi kerajaan enggan, takut rakyat tahu, undi adalah rahsia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagikah?

Tuan Lim Hock Seng: Satu sahaja. Satu lagi. Saya juga atas permintaan penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan meminta rumah kos rendah untuk bumiputera di Wilayah Persekutuan dikendali oleh Bandaraya. Macam mana pula dengan bukan bumiputera yang ingin membeli rumah kos rendah. Ini satu pertanyaan dari kawan saya yang duduk di Wilayah Persekutuan, mereka kata Bandaraya ada membina rumah kos rendah untuk bumiputera tetapi bukan bumiputera dari mana dia mahu beli ini rumah. Jadi, saya berharaplah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga Wilayah Persekutuan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak payah ke Dewan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini perkara tidak payah bawa ke Dewan.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak payah bawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu orang punya permintaan.

Tuan Lim Hock Seng: Ini pertanyaan rakyat, jadi saya ambil kesempatan ini untuk bawa ke sini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi hendak berucap, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memberi peluang kepada lebih ramai Ahli Yang Berhormat berucap, jadi saya bersetujulah dengan cadangan masa dihadkan. Jadi, masa tidak lebih daripada 10 minit bagi setiap ahli berucap. *[Disampuk]* Sebab ada banyak kementerian lagi.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kluang. [Ketawa]

2.57 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Saya tidak payah 10 minit, 5 minit pun cukup. [Disampuk] Saya bangun untuk bangkit di bawah Maksud Bekalan 7, di bawah ini ada 2 perkara. Pertama 130000 Biro Pengaduan Awam dan yang kedua 020400 Penswastan.

Di bawah Biro Pengaduan Awam ini diperuntukkan RM2.6 juta. Dalam konteks ini saya ingin tanya, berapa pejabat yang sedia ada di seluruh negara kita mengenai Biro Pengaduan Awam ini dan setiap pejabat yang sedia ada, berapa kali ada buat lawatan ke kawasan lain untuk memberi perkhidmatan luar daripada pejabat. Dan saya ingin tahu juga sepanjang tahun 1999 iaitu antara Januari sampai Disember, berapa kes telah pun dibawa di Biro Pengaduan Awam ini. Sama ada kes-kes ini dapat diselesaikan dalam satu tempoh yang ditentukan. Selama ini berapa kes telahpun dibawa dan berapa kes telahpun diselesaikan. Dan adakah kes-kes yang dibawa itu tidak dapat diselesaikan selama lebih daripada 5 tahun yang dibawa kes ini. Dan kalau ada, apakah masalah yang timbul dan macam mana kita akan mengambil langkah untuk mengatasi kes-kes yang tidak dapat diselesaikan lebih dari 5 tahun ini.

Yang kedua tentang 020400 Penswastan. Saya telah bangkitkan perkara ini dalam perbahasan Belanjawan yang lepas iaitu tentang permintaan sektor SMI ini, tentang sijil halal. Ramai antara pengusaha SMI ini bertanya tentang sijil halal ini sebab dahulunya bayaran itu memang tidak mahal tetapi selepas diswastakan dikatakan sijil halal itu naik terlampau tinggi. Jadi, dalam kesempatan ini, saya sekali lagi ingin meminta penjelasan ataupun penerangan dari segi sijil halal yang selepas diswastakan telah pun naik harga dengan begitu tinggi sekali.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja dua soalan yang ringkas supaya bagi peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

2.59 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 3000 Auditan Akaun Negeri. Saya dapati bahawa akaun yang telah dibentang di Parlimen baru-baru ini adalah akaun bertarikh tahun 1997 bagi kerajaan negeri manakala bagi Kerajaan Persekutuan tahun 1998. Saya ingin menekankan di sini bahawa akaun negeri yang diaudit merupakan satu dokumen yang cukup penting. Jika kita lihat daripada objektif Jabatan Akauntan Negara iaitu di antara tujuan laporan akaun ialah untuk dilaporkan ke Dewan Undangan Negeri dan Parlimen tentang akaun kerajaan-kerajaan negeri.

Konsep melaporkan ke Parlimen ini mempunyai implikasi yang besar. Ia bertujuan untuk kita membandingkan dari segi prestasi perbelanjaan sama ada ia memenuhi atau tidak Belanjawan yang telah diluluskan oleh Parlimen. Saya dapati jika kita membentangkan akaun tahun 1997 bermakna kita hanya dapat membuat analisis ke atas Belanjawan Tahun 1997. Sepatutnya kita boleh membuat analisis ke atas Belanjawan Tahun 1998 sekurang-kurangnya. Saya dapati dalam laporan audit kerajaan-kerajaan negeri ada berbagai-bagai isu yang dibangkitkan. Salah satu sebagai contoh perkhidmatan audit ke atas penyata akaun awam terdapat isu-isu mengenai dengan akaun tidak dapat disahkan, pelaburan kurang dinyatakan, wang tunai dalam bank kurang dinyatakan serta melibatkan isu-isu mengenai dengan pengurusan kewangan. Hal-hal mengenai dengan

kelemahan pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri, kawalan perbelanjaan dan bayaran pengurusan hasil dan juga pinjaman dan sebagainya.

Perkara-perkara ini adalah penting untuk dibuat analisis dan pembedahan-pembedahan dibuat dan agak sukar untuk kita membuat analisis ke atas akaun-akaun tersebut jika maklumat yang kita perolehi begitu lewat. Apabila saya menerima laporan tersebut bagi tahun 1997, saya dapati tidak guna untuk kita membuat kajian lagi kerana ini sudah merupakan fakta yang *historical* yang sudah dua atau tiga tahun lewat. Perbelanjaan ataupun pengurusan kewangan adalah sesuatu yang *on going*, ia berterusan.

Jadi, oleh yang demikian kita perlukan kepada maklumat terkini supaya kita dapat membuat analisis ke atas akaun-akaun tersebut. Saya berharap kerajaan dapat menentukan satu piawaian.

Saya mencadangkan supaya akaun ini mesti dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak lewat daripada sembilan bulan selepas akaun ditutup kerana saya sedia maklum, kalau mengikut kepada piawaian perakaunan antarabangsa, pengauditan akaun mesti disiapkan dalam tempoh enam bulan dan ini mempunyai waktu yang cukup untuk akaun tersebut dapat dibentang di Parlimen dalam tempoh sembilan bulan.

Kedua, mengenai dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah tajuk Penyelidikan. Kita semua sedar bahawa umat Islam di negara kita atau masyarakat Islam menghadapi masa yang cukup kusut. Kita telah membincangkan perkara ini banyak kali di Parlimen, masalah tentang kefahaman akidah, syariah, perpecahan dan sebagainya. Ini sebenarnya melemahkan umat Islam dari segi arah tuju perjuangan umat Islam serta produktiviti dan jika dibiarkan, saya berpendapat bahawa umat Islam tidak akan dapat bersaing dengan umat-umat lain bukan sahaja di luar negara kita, malah di dalam negara kita.

Saya menyentuh mengenai dengan penyelidikan kerana saya berpegang kepada prinsip bahawa untuk menyelesaikan sesuatu masalah, kita perlu mengetahui apakah masalah yang terdapat dalam masyarakat tersebut. Kita tidak boleh membuat satu dasar yang ad-hoc, tidak membuat kajian secara menyeluruh. Ini tidak akan mendatangkan hasil ke atas usaha-usaha yang hendak dijalankan.

Saya berpendapat bahawa JAKIM perlu sekarang menekankan kepada penyelidikan. Buat penyelidikan yang menyeluruh mengenai dengan isu-isu yang dibangkitkan di Parlimen mahupun di luar Parlimen tuduhan-tuduhan dan berbagai perkara yang....., saya sebagai seorang Ahli Parlimen membuat analisis memang betul, terjadi. Buat satu analisis yang mendalam bagaimana hendak tackle masalah-masalah ini, saya percaya kita akan dapat mencapai kejayaan.

Kedua, mengenai dengan informasi Islam. Ya, dalam JAKIM – yang kedua dalam JAKIM mengenai dengan informasi Islam. Islam sebenarnya bersifat maya atau abstrak, kadangkala sukar bagi seseorang untuk mengetahui sama ada sesebuah negara itu telah melaksanakan pembangunan Islam ataupun tidak. Saya berpengalaman ke banyak negara Islam, pergi ke Saudi, ke Jordan, ke Libya agak sukar mengenali pembangunan Islam. Ada individu mengatakan bahawa pembangunan bandar itu tidak serasi dengan Islam. Islam mesti di luar bandar tetapi pada fahaman saya, Islam mempunyai tiga dasar asasi iaitu akidah, syariah dan akhlak.

Kalau kita kaji sebenarnya, ketiga-tiga perkara ini telah dilaksanakan di negara kita. Yang belum dilaksanakan hanya Hudud, itu pun dalam proses pelaksanaan mengikut jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan dilaksanakan secara gradual dan harmoni. Ini telah dijelaskan dalam masa beberapa hari lalu di Parlimen tetapi anggota masyarakat kita tidak memahaminya. Seolah-olah kepada masyarakat bahawa kerajaan tidak melaksanakan pembangunan Islam. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa

Unit Bahagian Informasi Islam ini mesti agresif. Dalam soal memperluaskan maklumat dan informasi tentang perkembangan Islam di negara ini supaya masalah perpecahan dalam masyarakat tidak akan berlaku jikalau masyarakat sebenarnya faham bahawa pelaksanaan Islam ini telah dilaksanakan.

Ketiga, di bawah JAKIM mengenai dengan Baitulmal dan pembangunan sosio ekonomi. Saya bersetuju di abad ke-21 ini, pembangunan fizikal mesti dilaksanakan secara pesat. Kalau dari segi Islam, dalam syariah salah darinya adalah muammat. Antara di dalam bidang muammat ini ialah pembangunan, pembangunan ekonomi, pembangunan sains dan teknologi.

Saya berpendapat bahawa Baitulmal mesti memainkan peranan pembangunan untuk umat Islam. Kita dapati di peringkat negeri-negeri bahawa Baitulmal ini tidak diperkembangkan dan antara sebab kerana:

- (i) Baitulmal tidak memiliki aset dan aset ni sebenarnya tidak susah diberi jikalau kerajaan negeri meluluskan aset dalam bentuk tanah kepada Baitulmal;
- (ii) tidak mempunyai tenaga pakar. Sebenarnya, tenaga pakar sudah ada di negara kita hanya Baitulmal tidak mengambil mereka; dan
- (iii) tidak mempunyai kewangan yang cukup. Ini boleh diselesaikan dengan suntikan modal daripada Kerajaan Persekutuan ataupun dari perbankan dan sebagainya.

Bermakna, masalah-masalah yang dihadapi oleh Baitulmal untuk membangunkan aset sebenarnya tidak merupakan halangan besar dan sesuatu yang boleh diatasi.

Jadi, saya berpendapat bahawa Baitulmal sekarang mesti memainkan peranan untuk membangunkan ekonomi umat Islam di negara ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi ya – Tuan Pengerusi tengok saya macam hendak suruh saya tutup. [*Ketawa*] Ini mengenai dengan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Saya hendak kaitkan MAMPU dengan apa yang berlaku di sektor korporat. Apabila Bank of Commerce dan BBMB bergabung, saya ada nyatakan bahawa kedua-dua bank telah melantik satu konsultan luar negara dan membuat kajian ke atas pengurusan bank. Berdasarkan daripada individu ke satu individu yang lain mengambil empat faktor utama iaitu ketrampilan pengurusan, ketrampilan kepimpinan, ketrampilan profesional dan ketrampilan keperibadian.

Empat faktor ini dipecahkan pula kepada beberapa faktor lain. Akhirnya, satu penilaian pengurusan telah dilakukan. Daripada penilaian tersebut, pihak konsultan dapat mengenalpasti paras dan tahap kecekapan tiap-tiap individu dan secara agregat telah membuat satu kesimpulan mengenai tahap pengurusannya bank tersebut.

Saya berpendapat bahawa kita perlukan pentadbiran awam yang cukup cekap dan saya berpendapat untuk kita mendapat satu pentadbiran awam yang cekap kita mesti membuat penilaian pengurusan dari segi pentadbiran awam negara kita ini, dari segi pegawai-pegawai melibatkan semua pegawai. Setinggi manakah tahap kecekapan mereka dengan mengadakan kajian seperti mana yang dilakukan di sektor korporat. Sebenarnya di sektor korporat belum pernah ada sebarang kajian dilakukan kecuali apabila berlaku penggabungan antara BOC dan BBMB.

Jadi, saya berpendapat bahawa sektor awam perlu ada satu penilaian ke atas pengurusan sektor awam supaya kita dapat kenalpasti seperti mana di antara BOC dan BBMB. Apabila saya membaca laporan tersebut, saya merasa terkejut kerana ramai individu yang selama ini kita rasakan begitu berketrampilan setelah dibuat analisis secara

objektif, rupa-rupanya di bawah paras dan jikalau ini berlaku dalam sektor awam, kita akan menerima kerugian, banyak unit-unit aduan, berbagai-bagai yang ada dalam sektor awam ini yang jikalau kita telah membuat analisis, kita tahu kelemahan dan kita boleh meningkatkan kebolehan, kemampuan, efisiensi mereka ke tahap yang tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, saya, saya tutup ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Satu sahaja lagi mengenai kajian kemungkinan.

Saya dapati Tuan Pengerusi, kajian kemungkinan melibatkan perbelanjaan yang besar. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian di bawah Butiran 00100 – Perbelanjaan cukup besar, kajian kemungkinan ini untuk tujuan apa? Terima kasih.

3.11 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. 010000 – Urusan Parlimen.

Walaupun, perkara ini telah dibangkitkan berkali-kali tetapi saya hendak bangkit lagi sekali supaya Parlimen di alaf baru ini biarlah Parlimen kita betul-betul berfungsi. Sekarang ini, misalnya Tun Speaker sendiri ada merungut ada Jawatankuasa Parlimen yang tidak ada mesyuarat langsung. Yang ada sekarang ini hanyalah Jawatankuasa Select Committee, Public Account Committee. Kita paling kurang, kita mulakan di abad baru ini tiga lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Luar, Jawatankuasa Parlimen Hal Alam Sekitar (Environment), Jawatankuasa Hak Asasi Manusia. Paling kurang kita ada jawatankuasa-jawatankuasa ini supaya Parlimen kita lebih berfungsi dalam menangani sesuatu perkara.

Sekarang yang agak berfungsi hanyalah Select Committee dan satu lagi Public Account Committee. Yang lain-lain tidak berfungsi dan saya cadangkan supaya tiga ini dibentuk supaya ianya berfungsi dan Parlimen kita dihormati di peringkat antarabangsa. Kemudian, Ahli-ahli Parlimen pula kita minta dibekalkan paling kurang dua orang kerani, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di kawasan. *[Ketawa]* Janganlah kita takut berbelanja dalam hal ini, dok bagi kepada Perwaja RM1.16 bilion, entah untung, entah rugi. Tetapi kalau beri kepada Ahli-ahli Parlimen, kurang-kurangnya mereka dapat bertugas dengan lebih baik pada masa yang akan datang *[Tepuk]*.

Yang seterusnya juga sidang Parlimen ini berlangsung dekat dua bulan. Ini faedah Ahli-ahli Parlimen, Barisan Nasional ataupun pembangkang Barisan Alternatif. Kadangkala rakyat tidak tahu ke mana kita pergi selama dua bulan. Hidupkan baliklah siaran 'Hari Ini Laporan Parlimen' dan kalau boleh live telecast. Kalau tidak boleh late telecast *[Tepuk]* Sebab Ahli Parlimen kalau di Parit Sulong pun orang tanya mana Ahli Parlimen Parit Sulong pergi? Mana Ahli Parlimen Bagan Datoh pergi selama dua bulan sedangkan dia bercakap di Parlimen, memberi pandangan yang bernas, rakyat tidak tahu. Bila rakyat tidak tahu, kami yang kuat berceramah, kami terangkan kepada rakyat, rakyat undi kami. *[Ketawa]* Pada hal wakil rakyat Barisan Nasional pun ada yang beri pandangan yang bernas. Ini kita harap perkara ini seriuslah, sampai kadang-kadang rakyat tidak tahu kita ada Sidang Parlimen.

Laporan akhbar satu ruang, yang ada sedikit laporan yang agak baik daripada akhbar-akhbar Inggeris. Barangkali akhbar-akhbar Cina, akhbar-akhbar berbahasa Malaysia sedikit sangat yang dilaporkan hal sidang Parlimen. Pandangan-pandangan bernas tidak diketahui oleh rakyat dan rakyat tidak tahu sidang Parlimen itu berjalan,

kadangkala. Terpaksa kita turun beri ceramah, beritahu bahawa kami tidak ada begitu lama kerana pergi sidang Parlimen.

Kemudian, Tuan Pengerusi, lawatan ke luar negeri. Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri melawat ke luar negeri bawa sama pembangkang. Ini tanda kita hendak perpaduan. Kita tidak mahu Perdana Menteri misalnya, Perdana Menteri pergi ke Indonesia baru-baru ini, oleh kerana tidak bawa pembangkang delegasinya boleh main-main, sehingga terhina Perdana Menteri yang kita kasihan. *[Ketawa] [Tepuk]* Ahli-ahli rombongan itu pergi bukan untuk berdagang, bukan untuk berbincang tetapi belah malamnya pergi karaoke *[Disampuk]* Dangdut, sehingga Perdana Menteri merungut di Kubang Pasu. Saya kasihan kepada Perdana Menteri ini *[Ketawa] [Tepuk]* Dia membawa orang-orang yang tidak bertanggungjawab, bawalah sama pembangkang. Bila bawa kami kurang-kurangnya rombongan itu akan jaga sebab dia tahu kalau tidak betul, kita akan hentam dalam Parlimen. *[Ketawa] [Tepuk]* Bawa, Pokok Senakah atau Jelikah dan kita boleh jadi pemerhati dan ini kalau bawa hanya penyokong BN, inilah akhirnya jadi macam ini seperti berlaku di Jakarta baru-baru ini. Kasihanlah Perdana Menteri kita, Bagan Datoh tak kasihan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan Datoh bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, kebetulan saya bersama dengan kawan-kawan yang lain Ahli-ahli Parlimen mengikut rombongan Perdana Menteri tetapi kami tidak pergi karaoke, kami tidak pergi dangdut. *[Tepuk]* Tak payah pembangkang ikut pun kami memang berkelakuan elok-elok belaka.

Tuan Mohamad bin Sabu: Baik, baik terima kasih. Kalau begitu Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh mengkritik Perdana Menteri membawa berita bohong. Perdana Menteri kata banyak yang ikut rombongan itu pergi dangdut waktu malam. Barangkali bukan Ahli Parlimen, mereka itu ahli perniagaan. *[Ketawa]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya hendak beritahu itulah, ahli perniagaan itu, jangan borong semua masuk dalam bakul Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ertinya, ya saya faham yang itu. Barangkali ahli perniagaan mengambil peluang kroni-kroni pemimpin BN pergi melawat ke luar negeri bukan untuk berniaga, tetapi untuk bersuka-suka, kasihanlah Perdana Menteri yang umur lanjut ini, jangan mempermainkan Perdana Menteri kita.

Tuan Pengerusi, begitulah juga sidang IPU, sidang CPA, janganlah bawa pembangkang hanya dalam bentuk lawatan, bila dalam bentuk sidang jarang dibawa Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang, biarlah kita pergi sebagai negara Malaysia, bukan pergi sebagai mewakili Barisan Nasional, sebab besok bila kami memerintah, kami akan bawa daripada pembangkang Barisan Nasional, insya-Allah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Jangan, insya-Allah, jangan usik luar negeri dah tahu. Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin bercakap soal 040000 – Bahagian Keselamatan Negara.

Di sini polisi ini dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menentukan keselamatan negara, membincang masa depan negara dan sebagainya. Kita selalu menyebut, kita tidak mahu sentuh hal ehwal negara lain, hal ehwal negara asing, tetapi kalau pergolakan di sesebuah negara akibatnya memberi kesan kepada Malaysia, paling kurang Malaysia kena campur tangan secara terbuka atau tertutup, itu terserah kepada pihak pemerintah. Misalnya pergolakan yang berlaku di Indonesia, mahu tidak mahu ia tersentuh kita, ia menyentuh Malaysia, misalnya pergolakan yang berlaku di Aceh, berapa

banyak pelarian politik mereka yang berada di sini, kadang-kadang mereka mencerooboh kedutaan-kedutaan asing untuk menyelamatkan diri mereka supaya mereka dibawa ke dunia ketiga.

Kerajaan tidak boleh berlepas tangan mengatakan, kita tidak perlu campur tangan dalam urusan negara asing, ya kalau ianya berlaku tidak menyentuh keselamatan negara kita, bagi saya ianya tidak perlu campur tangan tidak apa, tetapi pergolakan di Indonesia adalah menyentuh kita, apakah sikap kerajaan dalam masalah untuk menyokong supaya di Aceh diadakan referendum seperti yang diadakan di Timor Timur di mana rakyat menentukan nasib masa depan mereka.

Sekarang orang-orang Aceh berjuang begitu lama untuk mereka hendak pemerintahan sendiri dan kesannya ada kepada kita, tak usahlah kerajaan nafikan, begitu ramai pejuang-pejuang Aceh berada di sini dan kita yakin ada juga mereka ada hubungan peribadi dengan bekas menteri atau bekas menteri besar di sebuah negeri, mereka ada hubungan, tetapi apa sikap kita supaya kita juga menyokong diadakan referendum bagi rakyat Aceh supaya mereka dapat menentukan nasib masa depan mereka seperti yang berlaku di Timor Timur.

Malaysia boleh campur tangan dalam hal ini kerana Malaysia, kesannya kita terima daripada pergolakan yang berlaku terutama di sebelah Sumatera. Pergolakan di Timor Timur memang kurang dirasai oleh kita di sini kerana ia agak jauh dan ia lebih hampir dengan Australia tetapi pergolakan di Sumatera khasnya di Aceh, ia memberi kesan kepada kita di sini. Oleh itu, Malaysia perlu campur tangan paling kurang memberi pandangan supaya rakyat membuat penentuan supaya melalui ASEAN supaya tindakan zalim membunuh orang-orang awam dan sebagainya tidak berlaku di Aceh, ini peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Mohamad bin Sabu: Cukup?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

15.20 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sukacita saya menyentuh Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Pengerusi, Unit Perancang Ekonomi dengan dasarnya untuk menggubal dasar strategi dan program pembangunan sosial ekonomi negara. Dengan Butiran 020400 – Penswastaan, yang bertanggungjawab merancang dasar dan penyelaras program penswastaan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dua perkara ini kerana dasar penswastaan telah dilancarkan oleh kerajaan begitu lama tetapi masih terdapat sebilangan penduduk di negara kita sentiasa merasa tidak puas hati atau sungutan mereka telah dikeluarkan, disiarkan dalam surat-surat khabar tempatan tanpa satu saluran rasmi untuk mendengarkan sungutan-sungutan daripada sebilangan rakyat ini.

Oleh itu, sungutan ini telah dipergunakan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencaci atau menjatuhkan imej Kerajaan Barisan Nasional. Dengan yang demikian, saya mencadangkan bahawa untuk memantau projek penswastaan terutama sekali projek penswastaan lebuhraya di negara kita ini menjadi sasaran dan telah disiarkan di dalam akhbar berkaitan dengan tidak puas hati sesetengah pihak penduduk yang berhampiran dengan lebuhraya yang telah disediakan itu.

Dengan demikian, bolehlah mendapat satu badan untuk memantau sebagai saluran rasmi dari kerajaan untuk menerima sungutan atau rayuan daripada pihak penduduk yang sentiasa mereka bangkitkan masalah selepas lebuhraya dibina di sesuatu kawasan tersebut. Kalau dengan adanya saluran rasmi dari kerajaan, mungkin rayuan atau sungutan daripada pihak lapisan masyarakat itu dapat didengar dan tidak akan dapat digunakan lagi oleh pihak-pihak yang tertentu untuk dijadikan isu politik dan isu sosial.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 030000 – Unit Penyelaras Pelaksanaan. Unit ini adalah untuk melulus atau memantau atau menilai dasar pelaksanaan projek pembangunan negara. Rancangan Malaysia Ketujuh akan tamat pada hujung tahun ini, saya difahamkan masih terdapat bahawa projek-projek yang tertentu yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh masih belum dimulakan dan masih belum dilaksanakan. Projek-projek yang disenaraikan dalam rancangan ini memang akan memberi faedah rakyat dan dengan adanya tergendala projek-projek yang tertentu mungkin akan menjejaskan kepentingan rakyat pada sesuatu kawasan yang tertentu.

Maka saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, berapa peratus atau berapa percent masih dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang disenaraikan itu masih belum dilaksanakan, apakah sebabnya tidak dapat dilaksanakan. Kalau peruntukan yang telah sedia ada, kalau projek itu tidak dapat dilaksanakan, bolehlah diagihkan kepada kawasan Serdang di mana kawasan ini masih menghendaki untuk menjalankan projek-projek di kawasan ini.

Jadi, minta penjelasan, sebab mungkin ada lapan bulan lagi untuk menilai projek-projek yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini masih belum dilaksanakan supaya tidak akan dijadikan satu masalah sosial dan mungkin kelemahan pembangunan yang telah dirancangkan ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 090000 – Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Kelang dan Butiran 100000 – Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh butiran ini kerana ada berkaitan dengan dua kawasan di mana kawasan iaitu Jinjang Selatan dan Jinjang Utara dan Salak South Baru ini di mana masyarakat tempatan tidak dapat menyalurkan masalah-masalah ini kepada DBKL atau kepada kerajaan kerana wakil rakyat kawasan itu tidak berbuat demikian, sepanjang masa ini, terpaksa saya mewakili masyarakat tempatan untuk menyuarakan dan memintalah kerajaan memandang serius untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh penduduk Kampung Baru Jinjang dan Kampung Baru Salak South.

Walaupun kedua-dua kawasan ini terletak di dalam Wilayah Persekutuan tetapi ada berkaitan dengan perjuangan pihak MCA, kampung-kampung baru ini ada berkaitan dengan perjuangan politik MCA terpaksa wakil MCA dari Barisan Nasional untuk menyuarakan dan mintalah pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Yang pertama, mengikut Akta Perancangan 267 apa sebab pelan tempatan Jinjang Selatan dan Jinjang Utara masih belum diwartakan. Kalau pelan pembangunan masih belum diwartakan, maka ertinya tidak ada satu garis panduan, tidak ada satu haluan untuk membangun semula Kampung Baru Jinjang Selatan dan Kampung Baru Jinjang Utara.

Tuan Pengerusi, ini penting, Kampung Baru Jinjang ini begitu lama di bawah parti pembangkang, tidak ada yang menyuarakan masalah tempatan tersebut, saya terpaksa bagi pihak masyarakat tempatan itu untuk memintalah penjelasan sebab-sebabnya supaya rakyat tempatan di Jinjang Selatan dan Jinjang Utara akan tahu apa sebab kerajaan berbuat demikian itu dan apa sebab mungkin Ahli Yang Berhormat bagi kawasan tersebut tidak menyuarakan, tidak mengemukakan masalah tempatan itu. Seperti juga di Kampung Baru Salak South di mana pelan pembangunan juga sama ada telah diwartakan ataupun belum.

Kampung Baru Salak South ini berdekatan dengan Kampung Baru Serdang yang saya diami, maka saya sentiasa dapat saudara-saudara dan kawan-kawan di kampung tersebut meminta saya supaya menyuarakan di dalam Parlimen ini di mana pihak kerajaan untuk bertanggungjawab untuk menjalankan pembangunan di kawasan tersebut.

Inilah saya minta penjelasan, apa sebab pelan pembangunan di kawasan Kampung Baru Salak South tidak diwartakan untuk memberi pembangunan yang lebih sempurna lagi. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan apa sebabnya Kementerian Wilayah Persekutuan tidak boleh diwujudkan semula untuk mengendalikan hal ehwal Wilayah Persekutuan. Pada satu ketika Kerajaan Barisan Nasional memang mewujudkan kementerian tersebut, tetapi buat masa ini apa sebabnya kementerian itu telah hilang dan tidak lagi wujud.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu butiran lagi 190000 – Dasar Baru. Tuan Pengerusi, Dasar Baru mungkin dapat ditimbang untuk mewujudkan penal atau penasihat agar pelbagai agama kecuali agama Islam, supaya pelbagai agama bukan Islam mendapat saluran rasmi dengan kerajaan di mana masalah yang dihadapi oleh perkembangan agama dalam negara ini mengikut Perlembagaan Persekutuan ini dapat diteruskan tanpa halangan. Oleh kerana dengan ada penal ini mungkin dapatlah berbincang dan dapat persefahaman antara satu sama lain, tanpa saluran ini mungkin akan menjadikan satu masalah yang tidak dapat disampaikan oleh kerajaan dan mungkin dijadikan cetusan satu keadaan yang tidak diinginkan berlaku kerana tiada saluran yang tertentu untuk disampaikan oleh pemimpin-pemimpin pelbagai agama yang bukan Islam itu. Mungkin sudah sampailah masanya untuk JPM untuk mewujudkan penal atau penasihat pelbagai agama bukan Islam itu supaya untuk melancarkan satu persefahaman antara satu sama lain supaya mengetahui kelemahan atau masalah-masalah yang sedang dihadapi buat waktu ini.

Dengan demikian, saya minta penjelasan daripada kerajaan supaya dapatlah satu gambaran yang nyata sama ada bersetuju untuk menubuhkan satu panel untuk pelbagai agama bukan Islam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lumar.

3.30 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B.7 di bawah Butiran 050300 di bawah Dakwah Pembangunan Keluarga Islam dan Pengurusan Masjid.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Saya tahu iaitu di tiap-tiap kawasan termasuk juga di kawasan saya, ada pegawai yang tertentu tetapi diletakkan ataupun diberi pejabat, umpamanya di Batang Lumar, di Sri Aman tetapi apabila masalah berlaku kalau kita hendak mengadakan satu kursus ataupun apa-apa sahaja di kawasan saya, dia kata tidak boleh datang oleh kerana tempat itu jauh sangat daripada Sri Aman. Ternyata perkara ini berlaku berkemungkinan oleh kerana jabatan tidak mempunyai cukup peruntukan untuk pengangkutan ataupun elaun harian mereka ini untuk keluar umpamanya ke Meludam, Sebuyau dan sebagainya, di mana mereka terpaksa duduk semalam atau dua sebelum balik ke pejabat mereka.

Jadi, perkara ini sepatutnya tidak berlaku kalau tidak ketandusan maklumat daripada pihak jabatan ini akan berlaku kepada masyarakat Islam yang perlukan perkhidmatan daripada pihak JAKIM ini. Jadi saya mencadangkan supaya pegawai ini jangan takut sangatlah, buat kerja lebih sedikit. Bila sudah jadi pegawai kerajaan ini tengok pukul empat; pukul lapan turun kerja, pukul empat habis kerja. Jadi, macam orang

politiklah, kerjalah lebih sedikit kadang-kadang hari minggu, hari Sabtu, hari kelepasan itu kerja sedikit, mungkin Tuhan akan beri pahalalah kerana kerja lebih sedikit ini. Berlaku beberapa kali saya mengadakan kursus di kawasan saya, saya minta pada hari Jumaat ataupun hari Sabtu mereka kata tidak boleh, oleh kerana hari minggu. Ini sepatutnya tidak berlaku.

Satu lagi masalah orang Islam yang murtad. Saya pernah membuat laporan kepada pihak Jakim di Sarawak, tetapi apabila diberi maklumat kepada mereka ini, mereka tidak mempunyai pegawai-pegawai yang tertentu untuk mengambil tindakan yang khusus umpamanya memberi nasihat dan memberi ajaran kepada mereka yang telah memasuki agama Islam ini. Jadi, mereka ini sentiasa dalam keadaan yang kesusutan yang mana mereka sudah keluar, mengikut agama Islam tetapi mereka tidak ada ajaran dan susulan untuk memberi latihan kepada mereka, memberi nasihat kepada mereka, macam mana keluarga mereka dan juga apa tugas dan tanggungjawab mereka dan menyatukan mereka dengan masyarakat-masyarakat Islam yang tertentu.

Umpamanya, kalau seorang keluarga Cina umpamanya yang saya sebutkan tadi memang fakta yang tertentu yang masuk agama Islam seluruh keluarga tetapi mereka kehilangan tidak tahu macam mana hendak pergi, masuk ke masyarakat orang Melayu ini ada susah sedikit, mungkin dia tidak tahu siapa yang hendak dihubungi, macam mana hendak berhubung umpamanya. Masuk kawasan orang Islam daripada Iban dan community lain pun dia orang tidak tahu juga kerana tidak ada pendekatan daripada jabatan-jabatan ini.

Sepatutnya saya mencadangkan supaya Jakim mengadakan konsular ataupun penasihat di tiap-tiap negeri dan penasihat ini memang buat kerja sepenuh masa. Kalau perlu beri elaun mereka setiap masa kalau takut kerja lebih, takut-takut Tuhan tidak beri pahala dengan mereka, berilah gaji daripada kerajaan kemungkinan kerajaan dapat pahala daripada memberi elaun-elaun kepada mereka ini yang enggan bekerja lebih. Kita hendakkan 'expertise' dan kepakaran mereka untuk melatih orang yang telah memasuki agama Islam tetapi tidak ada bimbingan yang khusus diterima.

Saya pindah ke tempat lain Tuan Pengerusi, iaitu kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang iaitu Butiran 150000. Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kita bercakap berhubung penyelarasan penerapan nilai Islam ke dalam pentadbiran Malaysia. Apa yang menyedihkan pada masa sekarang ialah undang-undang kita masih di peringkat negeri. Maknanya kalau mahkamah, di negeri tertentu mengisytiharkan ataupun menetapkan satu pendapat dan orang itu lari dari satu negeri ke negeri lain dan hukuman-hukuman yang telah diberi oleh Mahkamah Syariah di satu negeri itu tidak dapat dikuatkuasakan di negeri-negeri lain.

Banyak perkara ini berlaku yang mana sisuami telah menerima arahan daripada mahkamah di Sarawak pergi ke Johor, pergi ke Kuala Lumpur, pergi ke Wilayah Persekutuan dan sebagainya, arahan mahkamah itu tidak dapat dikuatkuasakan oleh kerana Mahkamah Syariah di Sarawak tidak boleh menguatkuasa perkara ini. Tetapi banyak lagi perkara berlaku, umpamanya kalau Mahkamah Syariah telah menentukan satu keputusan iaitu pembahagian hartanah umpamanya, di antara keluarga Islam, apabila salah seorang daripada adik beradik itu tidak berpuas hati, umpamanya pembahagian harta kepada anak lelaki dapat dua, perempuan dapat satu. Kalau anak perempuan itu kata saya tidak setuju oleh kerana abang saya tidak pernah menjaga saya, di bawah undang-undang Islam kena jaga. Jadi, oleh kerana tidak memberi penjagaan dia kata saya tidak bersetuju dengan hakim ini. Jadi, dia boleh memberi kaveat ke atas tanah tersebut.

Dengan sendirinya Mahkamah Syariah tidak berkuasa memberi arahan kepada Pendaftar Tanah untuk mengalihkan kaveat itu supaya dibahagikan tanah-tanah tersebut dan tidak ada kuasa juga mengarahkan jabatan itu membahagikan tanah itu atau memberi

kuasa kepada sesiapa pun supaya tanah itu dibahagi mengikut keputusan dibuat oleh Mahkamah Syariah tadi. Dalam keadaan sedemikian kita telah menghadapi masalah untuk pembahagian harta juga.

Saya berharap pihak kerajaan mengambil tindakan yang segera dan tindakan yang khusus untuk memberitahu kepada pihak-pihak kerajaan negeri yang perlu memberi keputusan supaya penyelarasan dibuat kepada Mahkamah Syariah ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tolong jawab, berapa lagi banyak negeri belum bersetuju dengan penyelarasan undang-undang Mahkamah Syariah ini diselaraskan supaya undang-undang ini boleh dibuat *cross border* ataupun memecah batasan negeri masing-masing, kalau tidak Tuan Pengerusi memang keadaan ini adalah ganjil sekali, umpamanya kalau orang daripada Selangor melakukan kesalahan dan diletakkan hukuman oleh Mahkamah Syariah Selangor dan dia pergi ke sebelah border sahaja, buat rumah teres sebelah border kuasa undang-undang itu sudah tiada lagi dikuatkuasa, oleh kerana *cross border*. Jadi, ini perlu kita ambil tindakan khusus dan segera.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara lain iaitu berhubung dengan - tadi Yang Berhormat bagi...., berhubung dengan soalan *sub judice*. Tuan Pengerusi, berhubung dengan *sub judice* ini, saya berharaplah Yang Berhormat-Yang Berhormat menyentuhkan perkara ini di Parlimen sedar yakni undang-undang *sub judice* ini spesifikkan undang-undang. Undang-undang kita tahu *rule* dan syaratnya, kaedah-kaedah yang tertentu. Bukanlah nakna kalau saya menyentuh satu kes yang ada berlaku di mahkamah dengan sendiri saya telah boleh mempengaruhi mahkamah itu membuat satu keputusan yang tertentu. Dalam satu implikasi yang sama kita telah menyebutkan yang mahkamah kita itu tidak independent dan mempunyai minda yang begitu lemah sekali apa sahaja orang kata terus kita ikut. Dalam keadaan sedemikian saya berharap Yang Berhormat bagi Bagan umpamanya, janganlah sebut, semua orang hendak komen di luar itu semua *sub judice* terus. Jadi, kena tahu juga undang-undang sikit Yang Berhormat, sebelum soalan teknikal undang-undang ini kena disebutkan.

Jadi, Ahli Parlimen ini tidak payah cerdik sangat, kalau tidak cerdik, tetapi janganlah bodoh sangat, benda yang tidak betul itu jangan buat supaya kita jangan dipandang seperti budak-budak. Kalau orang daripada luar mendengar cerita Yang Berhormat nanti bodoh orang kata, malu juga Parlimen Malaysia ini, Ahli Parlimen dia tidak cerdik sangat. Jadi, soalan teknikal ini, soalan undang-undang ini kenalah bagi peluang kepada orang yang betul-betul tahu soalnya. Macam mana dia boleh jadi *sub judice* dan bagaimana tidak.

Saya baru habis membaca satu buku Yang Berhormat setebal satu inci, soalan *sub judice* dan *independent of judiciary* ini berhubung dengan semua negara di Komanwel. Saya dapati masih pertelagahan banyak, masih perbincangan di tiap-tiap mahkamah seluruh Komanwel mengatakan yang mana satu yang boleh salah yang mana satu tidak boleh. Jadi maknanya tidak ada ketetapan yang tertentu, sejauh mana komen yang dibuat oleh seseorang itu sama ada dia orang biasa, orang menteri ataupun sebagainya boleh jadi satu *sub judice*.

Kalau dia tidak mempengaruhi mahkamah dan mahkamah tidak akan membuat keputusan mengikut apa yang disebutkan jadi undang-undang *sub judice* itu tidak akan tersabit kepada dia. Memang saya bersetuju yang pihak Tuan Speaker, kata berhenti sahaja Wan Junaidi jangan cakap perkara ini lagi, ini *sub judice*, saya akur, bukan soalan *sub judice*, saya akur kepada peruntukan kerana Speaker sudah beritahu.

Jadi Tuan Pengerusi, saya haraplah Yang Berhormat-Yang Berhormat itu janganlah cakap bodoh. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Kubang Kerian.

3.50 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada butiran 08700 di bawah P.7 Jabatan Perdana Menteri iaitu peruntukan bagi Pusat Pentadbiran Putrajaya. Mengenai Putrajaya, kita semua tahu bahawa segala pembangunan dan pentadbiran seluruh kawasan pembangunan Putrajaya yang seluas 4,400 hektar dengan kos RM22 bilion adalah dilakukan menerusi Perbadanan Putrajaya yang telah pun wujud melalui Akta Putrajaya 1995 yang diluluskan oleh Dewan ini.

Pembangunan ini melalui poket kiri. Ada perbezaan di antara poket kiri dan kanan. Poket kerajaan tertakluk kepada pertanggungjawaban di Dewan ini. Poket kiri menjadi lebih bebas dalam pengurusan kewangannya dan inilah sebabnya mungkin kerajaan suka menggunakan apa yang diistilahkan sebagai poket kiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Bagi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab tidak ada salahnya memberikan jawapan yang terperinci mengenai projek ini supaya beberapa perkara dapat dicapai.

- (i) ianya telus dan bebas dari manipulasi kepentingan mana-mana pihak;
- (ii) satu penjimatan kos dapat dicapai; dan
- (iii) satu penilaian keutamaan peruntukan sumber-sumber negara dapat dilakukan.

Keindahan senibina, kecanggihan dan kekaguman tidak mempunyai had sempadan. Sumber-sumber negara tidak sepatutnya dengan mudah diseret oleh impian mencapai keindahan tanpa tara semata-mata. Ia mesti sama diimbangkan oleh keperluan-keperluan negara yang lain yang mungkin lebih mendesak. Islam meletakkan keperluan manusia dalam tiga kategori.

- (i) '*Daruriah*' iaitu keperluan-keperluan asas, utama dan mendesak seperti perumahan, bekalan air, pendapatan yang mencukupi, pendidikan asas dan seumpamanya;
- (ii) '*Hajiyat*' iaitu keperluan penting tetapi secondary berbanding keperluan asas tadi seperti pakaian yang sempurna, pemakanan berzat dan lain-lain; dan
- (iii) '*Kamaliyat*' atau kesempurnaan iaitu keperluan yang munasabah tetapi boleh ditangguhkan jika keadaan mendesak tetapi perlu disempurnakan jika keadaan mengizinkan.

Selebihnya ialah '*mubazirath*' iaitu pembaziran iaitu penggunaan sumber-sumber tanpa menghasilkan faedah optimum mengikut keperluan sesuatu masa dan keadaan. Ini termasuk perbelanjaan untuk bermegah-megah. Sebuah kompleks pentadbiran setempat yang moden, bebas dari kesibukan kota utama yang kian sempit serta lonjakan pembangunan hartanah melalui kesan sumbangan projek itu, adalah justifikasi yang benar, walaupun masih boleh dipertikaikan dalam perkembangan dunia IT sekarang.

Tetapi matlamat itu masih dapat dicapai sekalipun dengan dekorasi bangunan yang lebih sederhana dan lebih kos efektif. Ia dapat dicapai tanpa kos yang terlalu besar bahkan jika kita menggunakan wang poket kita sendiri, silakan. Tetapi apabila kita menggunakan wang negara, persoalannya sama sekali berbeza. Dalam kesempatan ini, berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada penggulungan perbahasan Belanjawan Khamis yang lalu, kita mendapat tahu bahawa peruntukan kerajaan telah digunakan untuk pembinaan infra di kompleks ini.

Jawapan ini seakan-akan mencadangkan bahawa perbelanjaan pembinaan bangunan pejabat dibiayai dari sumber lain dan dengan sebab itulah kerajaan merasionalkan penyewaan Putrajaya Holdings, dalam Belanjawan ini diperuntukkan sebanyak RM140 juta dan daripada jawapan bertulis, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kepada pertanyaan saya sebelum ini, ia akan meningkat kepada RM239 juta untuk Parcel A hingga D dan kadar untuk Parcel E belum lagi ditetapkan. Dengan penetapan kadar Parcel E, ia mungkin menjangkau menjadi RM300 juta setahun bagi kelima-lima parcel.

Jawapan ini belum boleh memberikan justifikasi yang adil dan wajar terhadap konsep guna sewa yang berterusan.

- (i) ia merugikan kerajaan;
- (ii) kos sewanya adalah besar dan membebankan – Bagi keluasan ruang pejabat 1.5 juta persegi dengan anggaran sewaan tahunan untuk kelima-lima parcel itu ialah RM300 juta setahun. Kadar sewa semeter persegi akan menjadi RM200 setahun. Ia lebih jauh lebih mahal dari kadar purata bangunan-bangunan di bandar raya kecuali di KLCC; dan
- (iii) pembangunan Putrajaya adalah melalui konsep penswastan. Dengan itu Putrajaya Holdings akan mendapat keuntungan dengan pelbagai cara dari projek ini seperti kenaikan nilai tanah, pendapatan sewaan dari bangunan perdagangan dan perumahan, penjualan rumah dan kedai dan lain-lain.

Seharusnya dengan keistimewaan yang begitu besar membolehkan Putrajaya Holdings tidak mengenakan apa-apa sewaan ke atas kerajaan. Adalah amat baik jika kerajaan dapat menerangkan pecahan perbelanjaan secara lebih terperinci, untuk apakah sejumlah RM4.4 bilion wang kerajaan digunakan. Untuk infra-infra? Untuk bangunan? Jika RM4.4 bilion adalah untuk infra, sudah tentu untuk kawasan elit seluas itu kosnya adalah amat tinggi. Dengan sendirinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu menjelaskan *item-item* infra yang dimaksudkan – untuk jalan berapa kosnya, jambatan berapa bilangannya dan kos tiap-tiap satunya dan lain-lain kemudahan serta kos-kos tiap-tiap satunya.

Tuan Pengerusi, kita tahu dari ucapan pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini berkenaan dengan Akta Putrajaya bahawa kos infra dan bangunan kerajaan akan menelan belanja RM15.29 bilion. Jika diandaikan RM5 bilion adalah untuk infra, bermakna bangunan kerajaan menelan belanja RM10.29 bilion. Untuk keluasan bangunan kerajaan keseluruhannya seluas 1.5 juta meter persegi, kos pembinaan bangunan kerajaan akan menjadi RM6,860 semeter persegi. Angka ini tidak sepenuhnya dari bumi kerana kekurangan maklumat yang lengkap tetapi ia juga bukan sepenuhnya dari langit. Meminjam kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat sanggup mengatakan kos ini tidak besar? Memang dalam Belanjawan ini diperuntukkan sekitar RM3 bilion untuk pembangunan luar bandar dan hanya lebih daripada RM1 bilion untuk Putrajaya. Tetapi penduduk luar bandar berapa juta bilangannya dan Putrajaya berapa orang bilangannya? Cuba kita kira purata peruntukan ini secara wajar. Jangan menteri-menteri menganggap orang lain adalah buta belaka. Pada akhirnya, kerajaan hanya menyewa bangunan ini. Ini isu yang belum dijawab.

Atas kadar RM200 semeter persegi seperti yang telah saya tunjukkan dengan andaian ianya tidak meningkat, kerajaan perlu menyewa selama 35 tahun untuk menebus balik kos bangunan. Adakah kerajaan hanya akan menjadi penyewa selama-lamanya?

Saya suka mencadangkan, walaupun dengan hati yang penuh luka, supaya kerajaan mengambil jalan menyewa beli iaitu selepas 35 tahun, kesemua bangunan kerajaan akan menjadi milik kerajaan dan bukannya milik Putrajaya Holding. Walaupun ada pihak yang akan berhujah bahawa Putrajaya Holding juga adalah milik kerajaan tetapi kita tidak boleh menolak kemungkinan Putrajaya Holdings sendiri menjual kepentingannya kepada pihak-pihak lain pada satu masa nanti.

Oleh kerana ia adalah bangunan yang menempatkan pejabat kerajaan, biarlah pada akhirnya ia menjadi milik kerajaan. Satu skim subsidi silang juga mesti digunakan di mana keuntungan Putrajaya Holding dalam pelbagai bentuk dari projek ini dapat digunakan untuk mengecilkkan kadar sewa yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Jika tidak, tidak ada gunanya kerajaan melaksanakan projek ini melalui konsep penswastaan serta ia tidak akan menepati janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kesan kewangan ke atas kerajaan akan diminimakan.

Kerajaan juga mesti mengikat Putrajaya Holding daripada menjual ekuitinya sebelum tempoh bangunan kerajaan secara rasmi menjadi hak kerajaan. Selain itu saya suka mencadangkan satu Jawatankuasa Pengelola Awam bagi Putrajaya dibentuk oleh kerajaan bagi mengawasi pembangunan projek ini serta mencari jalan mengurangkan kos bagi tujuan penjimatan wang awam. Tidak ada beratnya bagi kerajaan menubuhkan badan seperti ini jika kerajaan yakin pembangunan projek ini adalah telus dan tidak membazir.

Ia bahkan akan meningkatkan lagi keyakinan orang ramai kepada kerajaan dan menjawab kesangsian orang ramai dengan syarat keanggotaannya adalah terdiri daripada tokoh berkecuali yang berwibawa. Keengganan kerajaan menubuhkan badan seperti itu hanya akan menguatkan sangkaan masyarakat bahawa projek mega hanya dirancang untuk memberikan peluang pada apa yang dinamakan kroni-kroni kerajaan, mendapat kesempatan memperolehi kekayaan. Dengan sebab itu juga, saya meminta supaya Dewan ini diberitahu syarikat-syarikat yang mendapat kontrak-kontrak dalam pembangunan Putrajaya termasuk syarikat-syarikat yang mendapat kontrak bagi penyeliaan ataupun *maintenance*, dengan izin, semua bangunan-bangunan dalam Kompleks Putrajaya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: Selain itu adakah pembangunan Putrajaya sah dari segi undang-undang. Memang benar penubuhan Perbadanan Putrajaya ..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...di bawa ke Dewan ini tetapi itu hanya sekadar rang undang-undang untuk menubuhkan satu perbadanan iaitu Perbadanan Putrajaya.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri. Nak bagi?

Tuan Husam bin Haji Musa: ..Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak bagi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tak bagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kontraktor salah seorangnya Jeli belakang kontraktor...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dan ini pada perkiraan saya belum memenuhi kehendak peruntukan Perlembagaan Malaysia

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia tanya jawapan dah ada...

Tuan Husam bin Haji Musa:terutama Perkara 92(1). Pada perkiraan saya belum memenuhi kehendak peruntukan Perlembagaan Malaysia terutama Perkara 92(1) yang saya tak mempunyai kesempatan untuk dibacakan di Dewan ini pada hari ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Pada fahaman saya, mengenai Perkara 92(1), Dewan ini perlu dibentangkan satu pelan rancangan Putrajaya secara khusus bukannya secara menempel terhadap pembentangan Akta Putrajaya dan ini belum dilakukan sampai hari ini. Dewan ini telah meluluskan *vehicle* iaitu Perbadanan Putrajaya...masa ada berapa minit lagi, Dato' Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dikira, habislah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada seminit lagi? Ya, nak gulung, sekarang nak gulung ya. Oleh kerana masanya singkat, saya beralih kepada tajuk yang lain iaitu dengan bersekitar kepada perolehan pesawat dalam Kepala....sekejap Dato' Pengerusi, saya cari...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh, boleh, hilang Kepala, susah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, hilang kepala susah, banyak kepala pun susah juga. Saya rasa saya refer kepada buku ini oleh kerana catatan saya, saya tak jumpa. Berkaitan dengan perolehan pesawat. Dalam buku Anggaran Perbelanjaan Tahun 2000, dicatatkan bahawa perbelanjaan sebenar pembelian pesawat ialah sekitar RM183 juta dan dalam anggaran 1995 telah ditambah, 1999, maaf saya, telah diuntukkan sebanyak RM45 juta dan dalam anggaran untuk tahun 2000 ditambah lagi menjadi RM800,000 menyebabkan kos keseluruhan ataupun perbelanjaan sebenar perolehan pesawat ini menjadikan RM233 juta. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak terbabit.

Akhir sekali saya nak tahu tentang pesawat ini, bilakah kali terakhir ia digunakan kerana saya mendapat tahu bahawa kerajaan melalui anak syarikat MAS telah memperolehi satu pesawat eksekutif yang lain dan pada masa yang sama dan kalau benar, mungkin jadi tak benar tapi ini hanya untuk mendapatkan penjelasan bilakah kali terakhir pesawat ini digunakan dan kos penyeliaan pesawat ini untuk tiap-tiap tahun. Ada setengah minit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis dah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Habis dah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oleh kerana masa kita singkat, saya berhenti di situ.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mambong.

3.53 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Dato' Pengerusi. Saya ingin menyentuh kualiti kerja di Perkhidmatan Awam dalam Maksud B.8 Aktiviti 020100 yang seharusnya berasaskan kepada piawaian ISO 9000 iaitu *Quality Management System Standards*, dengan izin. ISO 9000 merangkumi 20 standards dan *documents*, dengan izin,

yang melambangkan *Quality Management System*. Tujuan utama ISO 9000 ialah untuk mewujudkan beberapa garis panduan yang menekankan penggunaan sistem pengurusan berkualiti untuk diterima pakai oleh organisasi-organisasi bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti harian masing-masing.

Organisasi yang telah diiktiraf dan diberi persijilan ISO 9000 seterusnya membuat pengauditan dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa semua aktiviti yang diiktiraf di bawah ISO 9000 diuruskan dengan berkesan dan baik mengikut garis panduan yang ditetapkan. Piawaian ISO 9000 adalah *voluntary*, dengan izin, dan tidak diwajibkan oleh mana-mana kerajaan tetapi di banyak pasaran antarabangsa, pihak pembeli kadang kala menekankan keperluan ISO 9000. Di dunia ini terdapat 226,349 organisasi di 129 buah negara telah pun diiktiraf dengan piawaian ISO 9000 hingga kini.

Dato' Pengerusi, kita tahu bahawa beberapa jabatan dan agensi kerajaan telah pun diiktiraf dan dianugerahkan persijilan ISO 9000. Dengan demikian, saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, berapakah jumlah jabatan dan agensi kerajaan yang telah mendapat persijilan ISO 9000 sehingga kini. Saya juga ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri sejauh manakah pengauditan dilaksanakan selepas sebuah jabatan kerajaan diberi persijilan ISO 9000. Ini adalah penting bagi mengukur prestasi perkhidmatan awam dan untuk meyakinkan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan.

3.56 ptg.

Tuan Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin masuk bagi Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya. Jadi perkara ini, Tuan Pengerusi, telah banyak kali diperbincangkan dan diperbahaskan sama ada di kedai-kedai kopi, di kaki-kaki lima, di *coffee house*, restoran termasuk Dewan yang mulia ini dan kita juga sering mendengar jeritan-jeritan sumbang daripada parti-parti pembangkang yang menuduh kita Barisan Nasional dan kerajaan melakukan penyelewengan dalam pilihan raya. Tuduhan-tuduhan liar ini sebetulnya adalah permainan politik kotor parti pembangkang.

Bagi saya untuk menyelesaikan perkara-perkara ini saya ingin mencadangkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa sudah tiba masanya Suruhanjaya ini mengubah satu pendekatan iaitu dengan mewajibkan siapa-siapa sahaja yang menjangkau umur 21 tahun, ia layak didaftar sebagai daftar pemilih dan mereka tidak perlu lagi berpusu-pusu ke Pusat Pendaftaran sebaliknya SPR akan bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menselarikan mana-mana warganegara Malaysia yang menjangkau umur 21 tahun, ia layak mengundi secara automatik. Dengan ini maka perongkosan bagi agensi Suruhanjaya Pilihan Raya akan dapat dikurangkan dan rakyat Malaysia, warganegara Malaysia yang menjangkau umur 21 tahun berhak untuk mengundi secara automatik ataupun secara langsung kerana kalau ini tidak kita lakukan baru-baru ini lebih kurang 650,000 orang yang mendaftarkan diri sebagai Daftar Pemilih baru dan isu ini telah diperbesar-besarkan oleh parti pembangkang konon-kononnya yang tidak boleh mengundi itu adalah pengundi mereka sedangkan yang mendaftar itu adalah orang awam, belum tahu siapa punya dan mungkin juga Barisan punya. Jadi untuk mengelakkan kekecohan seumpama ini berlarutan, saya memohonlah Suruhanjaya Pilihan Raya supaya mengambil pendekatan seumpama ini.

Cara dia mudah, di mana pihak Suruhanjaya Pilihan Raya hanya akan mengambil alamat terkini melalui kad-kad pengenalan yang didaftarkan atas penama-penama tersebut yang menjangkau umur 21 tahun ke atas dan mereka dimaklumkan bahawa mereka telah layak mengundi dan telah didaftarkan sebagai pengundi mengikut kod-kod yang telah ditetapkan mengikut alamat kad pengenalan masing-masing dan Suruhanjaya Pilihan Raya juga hendaklah memaklumkan mana-mana pengundi di Malaysia ini yang tidak mengundi

dua atau tiga tahun berturut-turut, ia akan didenda mengikut kaedah yang akan dikenal pasti oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Negara kita dalam menuju alaf yang lebih mencabar ini, harus menampilkan diri sebagai satu negara yang boleh sebaris dan setanding dengan negara-negara membangun. Tuan Pengerusi, saya tidak hairan dengan gelagat dan tingkah laku parti-parti pembangkang yang di sebelah sana yang dipelopori oleh PAS dan DAP yang langsung mengunci hati mereka tidak menerima hakikat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah melakukan sesuatu yang baik untuk negara kita. Kalau Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir ini bukanlah manusia yang memikirkan untuk kepentingan negara kita, masakan Presiden Indonesia Gus Dur datang ke negara kita meminta beliau turun ke Jakarta menurunkan ilmu yang ada pada kita anak Malaysia. Ini sudah jelas tetapi semuanya tidak diterima oleh parti pembangkang. Yang menerima satu teguran relevan daripada Kuala Kedah. Itu sebab saya kata dia ini relevan punya orang. Dia kata Perdana Menteri, kesian Perdana Menteri, jadi kita pun ucap terima kasih. Yang benar, kita perbenarkan, jangan pula yang batil itu kita benarkan.

Tuan Pengerusi, kita mintalah kepada semua wakil rakyat tolong renung, renung sendiri perjuangan kita, hakikat kita, kerana kita dalam dunia ini cuma bersifat sementara. Dalam sifat kesementaraan itu kita lakukan yang terbaik untuk memberi sumbangan kepada bangsa kita, negara kita. Bukan pula kerajaan melakukan yang terbaik tetapi dinafikan, ditidakkkan. Ini semua hakikat. Kita harus belajar menerima hakikat, fakta dan kenyataan.

Suruhanjaya Pilihan Raya ini adalah satu organisasi yang bukan kerajaan dan bukan juga dimiliki oleh sesiapa. Dalam kawasan kita waktu pilihan raya pun ada juga daripada Barisan Nasional yang marah dengan suruhanjaya ini kerana kononnya tidak membantu kerajaan. Kemudian, dalam pembangkang sekalipun, di Terengganu dia puji SPR dia kata, menjalankan tanggungjawab dan amanah sehingga dia orang menang. Tetapi di kawasan yang mereka kalah, SPR tidak menjalankan amanah dan tanggungjawab. Jadi, ini tidak betul kerana selaku badan yang berkecuali, kita harus terima hakikat bahawa dalam negara kita Malaysia ini ada demokrasi dan contoh-contoh demokrasi ada pada diri kita. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Bintang.

4.03 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 020000 - Unit Perancang Ekonomi, Maksud B.7 sejumlah RM25,739,000 diperuntukkan dan di bawah Butiran 020000 - Operasi Biro Pencegah Rasuah (BPR). Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada soalan saya yang bertarikh 15 Februari 2000 berhubung kedudukan projek rel kereta api Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Barat ialah Pulau Indah. Jawapan yang saya terima ialah kos projek ialah RM383,000,000 dan ia lewat disiapkan atas dua faktor, iaitu kelewatan pengambilan tanah selama tiga bulan dan kelewatan menukar sebanyak 33,200 *sleeper concrete* selama tujuh bulan.

Tuan Pengerusi, tadi jawapan Yang Berhormat Menteri adalah jelas bahawa sebanyak 33,200 *sleeper concrete* landasan terpaksa ditukar sungguhpun Menteri tidak menjelaskan sebab penukaran. Dari jawapan difahamkan bahawa *sleeper* asal dipasang, rel landasan tidak menurut spesifikasi yang ditetapkan oleh kerajaan. Penukaran ini menyebabkan banyak kerugian kepada kerajaan dan merupakan suatu kecuaihan dan pihak BPR telah menjalankan siasatan. Menurut Ketua Pengarah BPR, Dato' Ahmad Zaki, pada Ogos tahun yang lalu, pihaknya sedang menjalankan siasatan ke atas kedudukan kontrak ini tetapi sehingga sekarang masih belum ada apa-apa jawapan yang didedahkan oleh BPR.

Tuan Pengerusi, saya rasa adalah penting kontraktor terbabit dikenakan tindakan jika siasatan menunjukkan adanya unsur penipuan atau penyelewengan dalam kes landasan (rel) ini. Kos RM383,000,000 bukan kecil dan perlu satu siasatan dan tindakan diambil ke atas kontraktor terbabit supaya kejadian seumpama ini tidak berulang lagi.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 090000 - Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang, Maksud B.7 di mana sejumlah RM14,788,000 diperuntukkan bagi bahagian tersebut.

Saya ingin merujuk Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah satu agensi yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan membangunkan Bandaraya Kuala Lumpur yang diketuai oleh Datuk Bandar, satu jawatan yang dilantik oleh kerajaan. Oleh sebab ia hanya bertanggungjawab oleh kerajaan, maka ini tidak perlu dijawab pertanyaan, rungutan dan kemahuan rakyat. Keadaan ini yang menyebabkan Datuk Bandar Kuala Lumpur kurang memberi layanan kepada masalah-masalah yang dibangkitkan oleh rakyat. Masa diambil untuk menyelesaikan masalah rakyat agak lama. Ia pun setelah beberapa kali peringatan, baik menerusi surat atau telefon baru tindakan dibuat.

Pengalaman saya dan rakan-rakan saya dalam perhubungan dengan pejabat-pejabat Dewan Bandaraya bermacam-macam. Sesetengah jabatan tidak memberi layanan kepada wakil rakyat mahupun parti pembangkang atau parti pemerintah. Walaupun usaha ini untuk membantu menyelesaikan masalah penduduk-penduduk Kuala Lumpur yang diadukan kepada mereka, saya tidak menafikan memang ada pegawai-pegawai yang baik hati dan bekerjasama dengan wakil rakyat. Tetapi keseluruhannya mereka hanya '*melepaskan batuk di tangga*' sahaja. Oleh kerana ini memang penting peranan agensi Dewan Bandaraya, yang anak buah seramai 12,162 kakitangan hendaklah dikesualikan wakil rakyat dari parti-parti pembangkang atau parti pemerintah haruslah diberi layanan sama rata.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu, kami DAP tetap dengan seruan supaya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibenarkan memilih Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis. Pilihan raya Kerajaan Tempatan Kuala Lumpur hendaklah dibolehkan seperti pilihan raya pertama di negara ini pada tahun 1955.

Datuk Bandar hendaklah berwibawa dan berkemampuan mentadbir Kuala Lumpur selain jujur, cekap dalam tugas, pendekatan mesra rakyat dan dasar '*pintu terbuka*' haruslah dikembalikan bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jika Datuk Bandar tidak mempunyai upaya membuat kerja seorang diri, apalah salah jika Kuala Lumpur mempunyai seorang Timbalan Datuk Bandar seperti Majlis Perbandaran lain. Lembaga Penasihat hendaklah diubah penerangannya, bukan hanya memberi nasihat sama ada Datuk Bandar mahu dengar atau tidak, ada memakai atau tidak terpulang kepada Datuk Bandar. Keadaan ini sudah terlalu. Lembaga Penasihat haruslah berkuasa menegur, membantah kerana tindak-tanduk Datuk Bandar yang tidak selaras dengan kepentingan umum.

Tuan Pengerusi, keduanya ialah peruntukan tahunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendaklah ditambah oleh Kerajaan Pusat. Masa kini jumlah peruntukan dari Kerajaan Pusat hanya RM150,000,000 sahaja. Ia tidak cukup untuk menampung belanja kemudahan dua juta penduduk di Kuala Lumpur. Sungguhpun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai hasil cukai dan bukan cukai sebagai pendapatan, tetapi ia tidak boleh sewenang-wenang menaikkan cukai dan dibayar lesen-lesen serta kompaun. Selama ini DBKL terpaksa menaikkan kadar cukai pintu, kompaun, denda, saman, bayaran lesen permit terpakai perkhidmatan kerana ia menghadapi kekurangan hasil. DBKL terpaksa mencari jalan sendiri untuk menampung perbelanjaan defisit tahunan.

Tuan Pengerusi, jika peruntukan tahunan dapat ditambah oleh Kerajaan Pusat, DBKL boleh merangka banyak kemudahan awam dan bebanan cukai ke atas penduduk

dapat dikurangkan. Penduduk-penduduk Kuala Lumpur membayar pelbagai jenis hasil kerajaan - cukai pintu, cukai tanah, bil air, bil pembetulan, lesen perniagaan, lesen iklan, bayaran letak kenderaan, tidak termasuk cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai jalan, caj tol dan dalam bandar dan berbagai-bagai lagi. Penduduk Kuala Lumpur menanggung bebanan perbelanjaan yang tinggi berbanding pendapatan mereka. Bagi mereka yang engkar peraturan lalulintas, denda kompaun yang tinggi, caj penyimpanan dan kos menarik kenderaan pula akan dikenakan.

Tuan Pengerusi, keadaan ini berlaku kerana kerajaan mengalihkan perbelanjaan penting bagi negara dari Kuala Lumpur ke tempat lain seperti Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru. Kita tidak mahu kos sara hidup di Kuala Lumpur melambung tinggi seperti di bandar raya lain di dunia. Tidak adil penduduk Kuala Lumpur dipaksa memikul sendiri kos pengurusan Kuala Lumpur. Saya rasa kerajaan boleh mengutip pandangan umum melibatkan semua lapisan rakyat Kuala Lumpur dan Lembah Klang bagaimana mereka dikenakan berbagai jenis caj di Kuala Lumpur tetapi segala hasil yang diperolehi daripada penduduk-penduduk Kuala Lumpur diagihkan di tempat lain.

Jika saya tidak silap, sehingga ini DBKL masih belum mendapat pengiktirafan ISO9000 berbanding dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Saya ingin menggesa supaya pentadbiran DBKL harus bersih dan bebas dari rasuah, berusaha menjadi pentadbiran contoh kepada agensi lain dan pihak berkuasa tempatan yang lain.

Tuan Pengerusi, jika Perdana Menteri pernah menjalankan kajian untuk memansuhkan kementerian Wilayah Persekutuan bagi memberi Datuk Bandar kuasa tunggal yang tidak ada pertindihan, maka sama penting jika Perdana Menteri boleh mengarahkan institusi Dewan Bandaraya dikaji semula, mempelawa maklum balas rakyat terhadap peranan dan prestasi DBKL selama ini - apakah DBKL agensi yang kerap menerima rasuah yang diadakan oleh orang ramai, adakah kakitangan dan pegawainya cekap bekerja, adakah ia mematuhi piagam perniagaan, adakah ia bersikap mesra dalam perkhidmatan atau bersikap ganas atau kejam.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung.

Tuan Pengerusi, kerajaan boleh menilai bukan menilai prestasi sahaja tetapi menilai agensi pada keseluruhannya. Tuan Pengerusi, saya sedar DBKL ada menjalankan rombakan jabatan dan kakitangan ikhtisas dan profesional bagi meningkat perkhidmatan tetapi jika terlalu banyak pertukaran dan rombakan sedangkan sikap kerja kakitangan tidak berubah, ia tidak memberi faedah kepada rakyat juga. Contohnya, mengapa perlu mendapatkan campur tangan pejabat Ketua Setiausaha Negara setelah semua saluran dalam DBKL tidak berkesan bertindak. Mengapa setelah campur tangan pegawai lain baru ada tindakan. DBKL wajib melihat diri sendiri atas banyak kelemahan. Adakah siasatan pernah dibuat beberapa ramai kakitangan yang melanggar Bab Tatatertib, Perintah Am, jika tidak ada aduan bukan bererti tidak ada masalah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan Datoh.

4.07 ptg.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]: Tuan Pengerusi, saya bangun buat kali yang ketujuh dan alhamdulillah, Tuan Pengerusi mula nampak saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lama sudah nampaknya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin merujuk Tuan Pengerusi kepada perkara 050600 yang menggamit masalah informasi Islam. Kerana saya lihat dari butiran berkenaan pada tahun 1999 sebanyak RM7.9 juta telah diperuntukkan untuk menggarap informasi Islam tetapi pada tahun 2000 dianggarkan hanya RM6.59 juta sahaja akan dibelanjakan untuk menggamit dan juga melontarkan beberapa informasi mengenai Islam.

Oleh kerana itu, kalau kita lihat dalam aspek ini rancangan-rancangan seperti Forum Perdana, majalah-majalah dan beberapa risalah yang dikeluarkan oleh JAKIM terutamanya kini agak kurang mendapat sambutan. Kalau kita tahu dahulu Forum Perdana yang disiarkan melalui TV1 yang pernah *dicomparekan* dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Parit Buntar telah cukup menarik minat bukan kerana beliau berada dengan pihak lain sekarang ini tetapi idea-idea yang dilontarkan itu cukup menarik.

Oleh kerana itu, di dalam keadaan sekarang ini, saya ingin menyarankan kepada JAKIM agar mencari tokoh-tokoh yang tidak kontroversial tetapi boleh diterima oleh semua pihak agar dapat memperbetulkan beberapa kaedah dan pegangan serta pandangan-pandangan yang berbeza di dalam hal ehwal Islam agar perpaduan Islam dapat dijalinan semula dan kita tidak mahu perpaduan yang ada sekarang ini dirongkaikan oleh tanggapan-tanggapan yang berbeza dan tafsiran-tafsiran yang boleh menerobos perpecahan di kalangan kita umat Islam.

Begitu juga di dalam penerbitan-penerbitan dan risalah-risalah yang dikeluarkan oleh JAKIM dan badan-badan di bawahnya. Dulu kita tahu bahawa Yayasan Dakwah Islamiah mengeluarkan majalah *Dakwah* dengan isi kandungan yang cukup baik. Tetapi atas beberapa kekangan yang timbul dan juga hambatan yang menghadapi permasalahan penerbitan itu maka mutu majalah berkenaan dan penerbitan-penerbitan lain telah berkurangan. Oleh kerana itu saya ingin menyarankan agar JAKIM dapat memberikan pemerhatian terhadap perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Begitu juga di dalam konsep da'ie, para mubaligh yang turun ke bawah untuk menjelaskan soal-soal penerangan informasi Islam ini harus diberikan pertanggungjawaban yang lebih luas lagi dengan peruntukan yang lebih besar dan pertanggungjawaban ini tentulah selari dengan peruntukan yang ada.

Oleh sebab itu cakupan yang harus ada pada mubaligh-mubaligh ini dan ahli-ahli da'ie ini harus dapat turun ke bawah dengan meliputi bukan sahaja di kalangan orang-orang Islam tetapi di kalangan Orang-orang Asli yang pendekatannya banyak dibuat oleh mubaligh-mubaligh Kristian tetapi tidak dibuat oleh mubaligh-mubaligh kita. Mungkin komitmen mubaligh-mubaligh kita agak berkurangan kerana kita tidak ada komitmen kepada mereka sepenuhnya. Oleh kerana itu informasi Islam harus dijalankan dan dicernakan dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh perkara 050700 mengenai Baitulmal dan juga pembangunan sosio-ekonomi Islam. Kita lihat organisasi Baitulmal masih lemah kerana dasar pengutipan yang dilakukan masih terdapat kelonggaran di sana dan di sini. Oleh kerana itu apabila Internet telah diperkenalkan sebagai jaringan komunikasi utama seharusnya langkah-langkah untuk membayar zakat menggunakan Baitulmal *on-line* harus diperkenalkan di seluruh negara. Walaupun perkara pengutipan zakat ini adalah soal kerajaan-kerajaan negeri tetapi seharusnya JAKIM melakukan kerja-kerja penyelarasan di semua peringkat.

Yang keduanya, penggunaan wang-wang Baitulmal ini. Kita dapati di beberapa buah negeri hasil daripada kutipan Baitulmal ini telah tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana kita dapati hartanah yang dibangunkan dari hasil kutipan Baitulmal ini kadangkala terdapat percanggahan pelaksanaannya dan ada bangunan-bangunan yang didirikan oleh Baitulmal di negeri-negeri disewakan untuk pusat-pusat hiburan yang bertentangan dengan

Islam sendiri. Oleh kerana itu kita harus melihat perkara ini dan kita harus memperbetulkan keadaan yang seharusnya diperbetulkan daripada dulu.

Keduanya, soal tanah wakaf. Soal tanah wakaf kita lihat lebih RM3 billion nilai tanah wakaf seluruh negara tetapi tanah wakaf ini tidak dimanfaatkan juga. Walaupun kita tahu sebahagian besar daripada tanah wakaf ini juga meliputi kubur-kubur, tanah perkuburan Islam tetapi kita tahu bahawa tanah-tanah perkuburan Islam ini biasanya diambil alih oleh kerajaan apabila perancangan infrastruktur dijalankan tetapi tanah wakaf ini yang bukan tanah perkuburan tidak juga dibangunkan mungkin kerana terdapat permasalahan kanun tanah di peringkat negeri dan juga kelemahan pentadbiran tanah-tanah wakaf di bawah Jabatan Agama Islam Negeri kerana tidak ada penyelarasan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menganjurkan beberapa perkara yang melibatkan tentang soal pembangunan pendidikan Islam dan latihan yang merujuk kepada perkara 050400. Kita tahu sekarang ini terdapat pusat atau Institut Latihan Islam Malaysia dan juga Kompleks Darul Quran dan kita harap kedua-dua pusat ini akan benar-benar mencari tenaga-tenaga pengajar yang tidak memihak kepada ideologi politik tertentu kerana pusat ini adalah dua pusat yang amat penting di mana tidak seharusnya ideologi politik ini menghambat tugas murni mereka untuk memberikan kecemerlangan keagungan Islam dan kita ketahui bahawa beberapa tenaga yang terlibat di dalam proses pengajaran di pusat-pusat latihan ini telah mempunyai pandangan-pandangan yang berbeda dan seharusnya mereka adalah merupakan golongan non-partisan. Dan sebagai golongan non-partisan ini kita harap kecemerlangan, kemakmuran Islam dan juga kesucian Islam itu tidak terganggu.

Dalam perkara ini saya menyarankan agar pemantauan kedua-dua institusi ini dan juga program keseluruhan pembangunan pendidikan Islam hendaklah dibuat kerana peruntukan yang besar sebanyak RM92.3 juta pada tahun 2000 adalah satu peruntukan yang besar dan amatlah sayang jika ia tidak dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih, mudah-mudahan saranan saya ini diambil kira oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Buntar.

4.20 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak terus pergi kepada B.7 010200 Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan.

Tuan Pengerusi, kita hendakkan di Parlimen ini perbincangan, perbahasan yang bermutu, bukan sahaja perbahasannya baik, natijahnya pun baik. Sudah tentu kita memerlukan information, memerlukan maklumat-maklumat tetapi sehingga akhir ini saya rasa agak sukar bagi kita di Barisan Alternatif ini untuk mendapatkan maklumat daripada jabatan-jabatan kerajaan, daripada pejabat daerah, negeri sampailah ke peringkat Persekutuan.

Saya mempunyai pengalaman sendiri dalam hal ini yang menggambarkan pegawai-pegawai kerajaan kurang, bukan kurang lagi, setengahnya begitu takut untuk menghadapi teman-teman daripada Barisan Alternatif untuk share, untuk sama-sama mengkongsi maklumat-maklumat yang perlu ada untuk sama-sama kita bincangkan dalam majlis, dalam Dewan yang bahagia ini. Selamanyalah kalau misalnya hal ini berlaku sampai bila-bilalah kita merasakan bahawa Barisan Alternatif terutamanya pembangkang khususnya tidak dapat menikmati *information*, maklumat yang penting itu bagi sama-sama kita bincangkan dan sama-sama kita kongsi dalam Dewan ini.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya diadakan satu arahan daripada pihak kerajaan. Saya mendengar daripada menteri-menteri yang menjawab memang tidak ada diskriminasi, tidak ada menganak-tirikan kita di Barisan Alternatif ini hal mengenai informasi, hal mengenai pembangunan dan sebagainya tetapi ini pada dasarnya, pada yang kita lalui, perkara ini sungguh-sungguh sebenarnya mengecewakan kami. Saya ingin mencadangkan supaya satu peraturan dapat dibuat mengenai realiti politik semasa. Bahawa ada yang dinamakan sebagai pembangkang, ada yang dinamakan sebagai Barisan Alternatif, yang patut dilayan sama rata. Kita mewakili rakyat, bahkan 60% daripada rakyat Melayu misalnya, mengundi Barisan Alternatif. Kita sebenarnya sebagaimana yang disebutkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, mempunyai sokongan, mempunyai dukungan daripada rakyat yang hendak melihat kita memperjuangkan apa juga yang perlu diperjuangkan oleh rakyat.

Kemudian saya hendak pindah, Tuan Pengerusi, kepada Biro Tata Negara iaitu 010500. Ini adalah benda yang sangat mysterious sebenarnya – antara jabatan yang sangat mysterious dan kalau kita tengok daripada pengwujudannya, Biro ini telah menelan belanja setiap tahun – tahun ini sahaja ia menelan belanja RM27 juta. Saya hendak mengatakan, beranilah saya mengatakannya setakat pengalaman saya sendiri bahawa ini adalah merupakan satu agensi dakyah selain daripada agensi-agensi yang lain, daripada KEMASnya, daripada agensi penerangan khasnya, penerangan khas di FELDAnya, penerangan khas di FELCRANYA, penerangan khas di RISDA – di mana lagi yang tidak ada penerangan khas?

Kalau sudah begitu banyak agensi yang sedemikian, bayangkan yang menerima kesan langsung ialah rakyat, yang menerima kesan langsung ialah golongan-golongan di akar umbi yang begitu *confused* sebenarnya. Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa Biro ini adalah antara jabatan yang kita lihat bila bertukarnya menteri, seluruh kakitangannya terutama pegawai-pegawainya akan ditukarkan. Sebab? Inilah dia agensi yang digunakan untuk memberi ruang kepada beberapa individu dalam kerajaan, beberapa individu dalam parti kerajaan, beberapa kumpulan dalam parti kerajaan untuk dinaikkan dan diturunkan.

Sebab itu, saya hendak mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Biro Tata Negara ini, kalau boleh dimansuhkan sahaja dan peruntukan yang besar RM27 juta ini dapat diberikan kepada pendidikan prasekolah, rumah guru misalnya, pengkomputeran sekolah-sekolah desa, dakwah kepimpinan di sekolah, latihan kemajuan staf dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini sangat memerlukan kewangan daripada kita mencurahkan kewangan yang begitu besar, belanja yang begitu besar yang digunakan oleh satu agensi seperti Biro yang sampai sekarang ini kepada kebanyakan kita masih merupakan misteri walaupun ia hadir dalam sistem kerajaan.

Yang berikutnya, Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Ini pun lagi satu perkara dan tiap-tiap tahun kalau kita tengok, peruntukan yang begitu besar diberikan. Tahun ini sahaja Unit Penyelarasan Pelaksanaan 031001 kita ada peruntukan hampir RM356 juta – RM366 juta, kebanyakannya untuk projek-projek kecil. Menteri Pembangunan Luar Bandar dan menteri-menteri yang lain mengatakan tidak ada penganaktirian – saya hendak sebut – ini yang saya dapat ini [*Menunjukkan dua helai kertas laporan*] Saudara-saudara di peringkat akar umbi inilah yang berlaku kepada kita. Salah satu daripada projek kecil di luar bandar iaitu dewan orang ramai. Dewan orang ramai di luar bandar membuat peraturan tentang penggunaan Dewan ini – “*No.6 Pertubuhan parti politik pembangkang kerajaan negeri atau pusat tidak dibenarkan menggunakan dewan.*” Saya juga menerima satu surat, satu surat daripada JKK yang menyebut nama saya secara spesifik “....kerana beliau merupakan wakil rakyat pembangkang yang mana tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor.”

Tuan Pengerusi, banyak lagi kawan-kawan saya yang mendapat halangan-halangan seperti ini. Saya banyak lagi contoh-contoh yang boleh diberikan. Kalau kita hendak mengatakan mereka... di peringkat negeri, di peringkat dasar kemungkinannya sebagaimana yang telah disebut memang tidak ada agaknya penganaktirian dari segi konsep, dari segi dasarnya tetapi down the line, sampai ke peringkat akar umbi, sampai ke peringkat rakyat biasa, saya fikir perkara mengenai penganaktirian ini berlaku dan sangat menonjol. Perkara ini sebenarnya berlaku begitu menonjol. Bayangkan apa yang akan jadi kepada negara, bayangkan apa yang akan jadi kepada orang kampung, bayangkan apa yang akan jadi kepada kita, bayangkan apa yang akan jadi kepada seluruh sistem pemerintahan kita khususnya di peringkat akar umbi jika keadaan ini terus menerus berlaku dengan berleluasa.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, kalau dapat pihak Jabatan Perdana Menteri dapat menginstitusikan dengan cara hitam putih kepada pihak-pihak yang berkenaan, daripada peringkat Federal, peringkat negeri, peringkat daerah sampai JKKnya supaya perkara penganaktirian ini tidak berlaku. Penganaktirian ini sepatutnya tidak berlaku dan setiap wakil rakyat sama ada pembangkang atau bukan pembangkang diberikan layanan yang adil. Sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi diharapkan perjalanan pembangunan negara ini, insya-Allah, untuk tahun-tahun yang akan datang dapat berjalan dengan baik bukan dalam keadaan yang tempang sebagaimana yang kita lihat sekarang ini.

Kemudian itu Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada Biro Pengaduan Awam ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak ada masa, minta maaf Yang Berhormat. Saya tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Nantilah, nanti bila ada masa. Banyak lagi saya hendak cakap. Persidangan akan berjalan banyak hari lagi. Insya-Allah, kita pun boleh berjumpa di Tanjong Karang, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, teruskan.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah, teruskan. Dia tak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat tak perlulah. Saya pun....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: I am fighting for time...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa berjalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Okay, tentang Biro Pengaduan Awam. Inilah satu-satunya jabatan kerajaan yang saya tahu yang dapat mencedok tentang prestasi kerajaan di peringkat rakyat, apa rakyat nak kata. Biasanya jabatan-jabatan menggunakan *Suggestion Box* yang kita buat, dengan izin, Tuan Pengerusi, tetapi biasanya dalam perkhidmatan kerajaan, *Suggestion Box* ini tidak begitu popular. Orang Malaysia memang tidak terlatih untuk memaparkan sesuatu dalam bentuk tulisan untuk menggambarkan isi hati mereka. Lantas, yang paling cantiknya ialah satu set-up seperti

Biro Pengaduan Awam perlu diperluaskan. Biro Pengaduan Awam kita hanya diberikan perbelanjaan sekitar RM3 juta sahaja dengan kakitangan 69 orang.

Saya hendak mencadangkan Tuan Pengerusi, supaya Biro Pengaduan Awam ini lebih proaktif, dia seharusnya pergi kepada orang ramai, bukan orang ramai datang kepada dia. Dia perlu pergi kepada *clientele*, bukan *clientele* yang datang kepada dia. Dari segi apa yang diterangkan di sini terdapat 3,621 aduan yang telah diterima. Aduan-aduan itu kebanyakannya daripada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan dan JPM. Daripada laporan orang ramai, kita sudah tahu sekarang ini dia punya patern-patern, tentang kompelin-kompelin yang diterima.

Saya berharaplah kalau boleh pihak kerajaan dapat menimbangkan untuk memperluaskan Biro Pengaduan Awam ini dengan membuat penambahan peruntukan, dengan menambah kakitangan dan pegawai-pegawainya. Secara proaktif seperti juga Lembaga Hasil Dalam Negeri – bolehlah dibuka kaunter-kaunter di tempat membeli-belah dan sebagainya. Kita pun telah mengenal pasti jabatan-jabatan, kementerian-kementerian yang begitu 'susceptable' kepada pandangan rakyat sama ada negatif ataupun positif.

Inilah yang saya rasa, kalau dapat ingin mencadangkan Tuan Pengerusi, supaya Biro Pengaduan Awam ini ditambahkan, kalau tidak tahun ini pun kita masih ada lagi peruntukan-peruntukan tambahan yang kita boleh berikan untuk mengukuhkan Tugas dan fungsinya. Saya sangat-sangat berharap kalau dapat Biro Pengaduan Awam ini diberikan satu status, bukan hanya unit begitu sahaja, tetapi hendaklah diberikan status yang lebih besar dengan perjawatan yang lebih besar, keanggotaan yang lebih besar untuk menimba apa-apa pandangan rakyat tentang kita dan *feedback* seperti ini sangat penting untuk kita meneruskan penerajuan negara kita ini.

Dan akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada INTAN. INTAN telah mengendalikannya kursus yang begitu banyak – 850 kursus dengan 26,000 peserta, 26,000 peserta! Kita memang buat apa yang dikatakan 'training needs' – keperluan-keperluan latihan memang kita buat tetapi 'training evaluation', saya rasa kita tidak buat sampai sekarang. Saya ingat semasa saya juga bekerja di INTAN dalam 15, 20 tahun yang lalu, kita tak buat kerja ini. Kebanyakan orang suka buat training, tetapi tidak suka buat training evaluation. Setakat mana keberkesanan training sebagai function kepada pengurusan kerajaan, ini kita belum buat lagi dan kalau kita buat pun saya rasa tidak sempurna.

Saya ingin mencadangkan supaya kajian keberkesanan ini bukan dibuat oleh INTAN tetapi yang melakukannya mestilah daripada badan-badan yang lebih berwibawa, badan-badan yang tidak menyangkut dengan INTAN, menyangkut dengan JPA, menyangkut dengan JPM, kalau dapat membuat *training evaluation analysis* ini. Analisa keberkesanan *training* dapat memberi '*feedback*' tentang, *training* yang macam mana yang berkaitan, *training* yang macam mana yang telah memberikan kesan, setakat mana keberkesananannya, bila memberi khidmat kepada rakyat. Macam mana layanan rakyat kepada mereka dan sebagainya. Kalau ini dapat, saya fikir maka rakyat akan dapat menikmati kesan kebangkitan, permodenan dalam sistem pengurusan kerajaan dan ini saya rasa akan meninggikan moral dan meninggikan kemampuan pegawai-pegawai kerajaan khususnya untuk memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Gelang Patah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

4.32 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh maksud Bekalan B.7 Butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi (EPU) dalam butiran kecil Penswastaaan - 020400.

Tuan Pengerusi, setelah pihak kerajaan menswastakan kerja pengurusan buangan sisa pepejal kepada empat konsortium dalam negara kita, kita dapati bahawa kerja ini yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan ada yang telah diambil alih oleh pihak konsortium ini kebanyakan belum diambil alih oleh mereka dan saya harap pihak kerajaan dapat meninjau tentang kebaikan dan kelemahan dalam penswastaaan sampah-sarap ini.

Tuan Pengerusi, pengurusan sampah-sarap adalah penting dan ia memberi kesan kepada setiap rakyat Malaysia. Sekiranya ia tidak diurus dengan sempurna, berkesan dan dapat diterima oleh kebanyakan penduduk Malaysia yang akan mengakibatkan kesan politik dan sosial yang mendalam kepada negara kita seperti kita yang - dalam pengalaman isu IWK.

Oleh itu, di sini saya ingin memberi pendapat dan cadangan kepada kerajaan supaya isu-isu berikut di samping yang lain diberi perhatian serius oleh pihak EPU, dalam tugas membentuk rang undang-undang perlupusan sisa pepejal, isi kandungan perjanjian, pemilihan teknologi, struktur dan cara pembayaran dan semua keputusan yang lain. Seperti penswastaaan yang lain, kita mesti memastikan bayaran yang dikenakan kepada rakyat adalah dalam kemampuan bayaran rakyat terutamanya golongan yang miskin. Ini adalah penting untuk menjayakan projek ini kerana jika kebanyakan rakyat tidak mampu atau enggan membayar, maka projek ini akan gagal, sama seperti Indah Water Konsortium. Dalam konteks ini juga, kebiasaannya ada pihak yang akan mencadangkan supaya industri atau komersial untuk membayar lebih demi mensubsidikan penduduk awam, ini nampaknya cara yang betul tetapi sudah pasti industri ini akan mengalihkan beban ini kepada pengguna dan ini akan mengakibatkan inflasi pada negara kita.

Tuan Pengerusi, adalah diketahui umum bahawa bayaran cukai pintu sekarang kepada kerajaan tempatan merangkumi bayaran untuk pengurusan sampah-sarap ataupun sekurang-kurangnya pemungutan sampah-sarap dari rumah. Sekiranya selepas penswastaaan bayaran tambahan dikenakan secara berasingan untuk perkhidmatan pengurusan sampah-sarap dan cukai pintu pula tidak dikurangkan maka kebanyakan pengguna akan merasa tertipu untuk membayar dua kali dan kemungkinan besar akan tidak puas hati dan enggan membayar seperti kes IWK. Oleh itu satu langkah perlu diambil dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan tempatan untuk mencapai satu keputusan tentang pengurangan cukai pintu sekiranya bayaran berasingan ingin diadakan untuk pengurusan sampah-sarap ini.

Satu cadangan di sini, pihak kerajaan tempatan menerima cukai pintu seperti biasa termasuk bayaran untuk pengurusan sampah-sarap seperti dahulu dan kemudian membayar kepada konsortium berkenaan bahagian mereka untuk pengurusan sampah-sarap. Ini akan memudahkan pihak pengguna kerana mengurangkan kaunter-kaunter pembayaran dan menjimatkan masa. Untuk pihak konsortium, mereka dapat mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan untuk mengutip bayaran ini dan kadar pengutipan yang lebih tinggi tidak seperti IWK yang cuma dapat mengutip kurang dari separuh.

Negara kita boleh mengadakan lawatan ke negara Jerman untuk meninjau cara mereka untuk menguruskan kerja-kerja pelupusan sisa pepejal yang mana mereka mengambil kontraktor-kontraktor utama untuk mengadakan, membuat kerja pengurusan sampah-sarap di pihak-pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa tempatan mempunyai kakitangan sendiri untuk kerja ini dan dengan kerjasama antara kontraktor serta pihak berkuasa tempatan mereka dapat memberikan perkhidmatan yang cukup baik kepada rakyat negara itu.

Oleh yang demikian adalah wajar, jika boleh saya cadangkan supaya kita tidak perlu mewujudkan rang undang-undang atau Akta Pelupusan Sisa Pepejal untuk negara kita ini. Dan tidak perlu mengenakan bil-bil berasingan untuk rakyat kita supaya ia tidak akan menjadikan satu beban kepada rakyat berbilang kaum di negara kita ini terutama mereka yang miskin.

Tuan Pengerusi, pemindahan bidang kuasa pengurusan sampah-sarap dari kerajaan negeri ke Kerajaan Persekutuan, adakah ini satu tindakan yang wajar perlu diambil kira. Selama ini pelupusan sampah-sarap adalah dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan jika kerja ini diswastakan dan diwujudkan - kita perlu mengadakan kajian terperinci antara pertukaran bidang kuasa ini serta tentang masalah penggunaan tanah untuk tujuan pengurusan sampah-sarap. Kontrak yang telah diberi kepada kontraktor yang sedia ada, pengangkutan sampah dari satu negeri kepada negeri yang lain, peruntukan serta implikasi-implikasi yang lain. Ini adalah penting untuk mengurangkan kekeliruan dan masalah pada masa depan. Bidang kuasa yang baru perlu disenaraikan dengan jelas untuk mengurangkan kawasan kelabu iaitu *grey area*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya ingin dapat tahu daripada pihak EPU, pada masa sekarang berapa pihak berkuasa tempatan kerja pengutipan sampah-sarap telah diambil alih oleh empat konsortium itu dan berapa belum lagi diambil alih oleh pihak konsortium yang empat-empat itu dalam negeri kita ini. Seperti di negeri Johor, cuma kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Daerah JBT yang diambil alih tetapi yang lain belum lagi. Kita perlu tinjau kebaikan dan kelemahan dalam pengurusan sampah-sarap ini.

Tuan Pengerusi, saya pun ingin ambil peluang ini untuk tanya pihak EPU tentang projek penswastaaan yang mana oleh kerana kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi, projek ini telah ditunda tetapi memandangkan ekonomi negara kita ini sedang dipulihkan, saya ingin tahu dalam kawasan Parlimen Gelang Patah projek penswastaaan jalan iaitu menaikkan taraf Jalan Persisiran Perling atau Lebuhraya Pasir Gudang kepada lebuhraya dua lorong, dua hala dan mempunyai tiga meter bahu jalan yang bertar, membaiki sistem lalu lintas, persimpangan Jalan Simbang dan persimpangan Tampoi Utama, membina *over pass* di laluan utama di persimpangan Persisiran Perling, menaik taraf persimpangan bertingkat Perling kepada tiga aras dengan *dedicated* ram dari Persisiran Perling ke Johor Bahru.

Kelima, menaik taraf simpang Kempas Spur road kepada sebuah persimpangan bertingkat. Ini adalah satu projek yang penting untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan itu. Saya ingin dapat maklumat yang baru tentang kes penswastaaan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Chang See Ten: Sedikit sahaja. Di sini saya harap pihak EPU dapat memberikan maklumat tentang projek penswastaaan kenderaan kerajaan kepada Spanco. Adakah pihak EPU ada buat tinjauan sama ada ia dapat mendatangkan kebaikan untuk menjimatkan wang rakyat dengan cara penswastaaan kenderaan kerajaan ini atau ia adalah lebih baik seperti yang dijalankan oleh pihak JKR pada masa dahulu.

Kedua, Institut IKRAM yang pada masa dahulu di bawah pihak Kementerian Kerja Raya untuk memberikan latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan pihak JKR dalam kejuruteraan pada masa sekarang telah diswastakan dan adakah ini telah mendatangkan kesan yang buruk kepada pihak kementerian dalam memberikan latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan pihak Kementerian Kerja Raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Seputeh.

4.44 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya mulakan rujukan saya terhadap buku Belanjawan Persekutuan 2000 ini sebenarnya saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri kenapakah tiada peruntukan untuk HAWA dalam Belanjawan Persekutuan 2000 ini memandangkan HAWA adalah salah satu bahagian di Jabatan Perdana Menteri. Puas saya cari di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi tiada peruntukan langsung kepada HAWA. Ini adalah sangat menghairankan saya bahawa yang mana Kerajaan Barisan Nasional telah banyak mengatakan ingin memperjuangkan hak dan memberi keprihatinan terhadap isu wanita, mana-kala tiada peruntukan dibuat dalam Jabatan Perdana Menteri kepada HAWA.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada bil daripada B.01 sehingga B.07 dalam Buku Belanjawan Persekutuan 2000. Mengikut B.1 – Butiran 010000 mengenai Urusan Parlimen. Peruntukan untuk urusan dan pentadbiran Parlimen bagi tahun 2000, telah pun dikurangkan dengan banyaknya jika berbanding dengan peruntukan dalam tahun yang lepas. Pengurangan peruntukan ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mementingkan badan perundangan ini yang selama ini dianggap sebagai rubber stamp untuk meluluskan undang-undang dan polisi yang dikehendaki oleh mereka.

Walaupun, reka bentuk bangunan Parlimen kita ini canggih dan unik tetapi kalau kita meneliti perlengkapan di bangunan Parlimen ini dan membandingkannya dengan Parlimen di negara lain, khususnya di negara-negara maju seperti Eropah, maka kita akan mendapati bahawa perlengkapan di bangunan Parlimen kita jauh dari memuaskan.

Tuan Pengerusi, dari segi elaun untuk pembantu atau setiausaha untuk Ahli Parlimen seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi, saya memang memberi sokongan yang penuh. Di banyak Parlimen di dunia, Ahli Parlimen diberi kuasa untuk menggaji beberapa orang Setiausaha Politik yang tamat pengajian universiti yang mana gaji mereka dibayar terus oleh Parlimen dan mereka dianggap sebagai staf di Parlimen supaya setiausaha ini boleh membantu Ahli Parlimen untuk menjalankan tugas mereka di kawasan masing-masing di samping membantu Ahli Parlimen untuk membuat penyelidikan untuk menyediakan ucapan mereka. Tetapi kesalnya ini tidak berlaku di negara kita dan peruntukan yang diberi kepada pengurusan untuk Parlimen ini memang tidak cukup bagi pihak Parlimen untuk membuat peruntukan, untuk mengupah Setiausaha Politik untuk setiap Ahli Parlimen. Ini adalah seruan daripada Ahli Parlimen yang telah lama dibuat dan kami berharap ini diambil berat oleh Jabatan Perdana Menteri.

Dari segi perlengkapan dalam Parlimen, Perpustakaan di Parlimen di banyak negara maju merupakan perpustakaan yang paling lengkap dari segi simpanannya dan perengkapannya tetapi ini tidak berlaku di perpustakaan di Parlimen kita.

Selain itu Ahli Parlimen di negara lain selalunya diberi perlengkapan yang cukup di bilik mereka masing-masing tetapi kalau kita lihat Parlimen kita, sebagai Ahli Parlimen di sini kita bukan sahaja tidak mempunyai bilik pejabat sendiri dan terpaksa berkongsi bilik dengan Ahli Yang Berhormat yang lain, dan bilik kita ialah kosong-kosong belaka. Kita malah tidak diberi alat yang paling asas iaitu komputer sehingga kita selalu terpaksa menyediakan kenyataan akhbar ataupun ucapan kita dengan tulisan tangan ataupun bagi saya terpaksa meminjam komputer daripada pegawai Parlimen di Pejabat Pentadbiran.

Apakah maknanya kerajaan melancarkan Projek MSC dan mempromosi IT sekiranya Parlimen kita tidak diberi peruntukan yang cukup dan tidak sanggup membekalkan perlengkapan IT kepada para Ahli Parlimen. Dari segi penggunaan IT di Parlimen pula, selepas saya dipilih menjadi Ahli Parlimen, saya masih belum diberikan akaun e-mail oleh pihak Parlimen. Sebenarnya, ini adalah apa yang perlu dibekalkan oleh pihak pengurusan Parlimen pada hari pertama kita masuk ke Dewan yang mulia ini. Kita harus diberi akaun e-mail dan juga diberitahu tentang Homepage Parlimen Malaysia yang menyiarkan aturan mesyuarat pada keesokan hari.

Kalau kita melihat Homepage Parlimen kita akan mendapati bahawa homepage tersebut adalah tidak begitu *users friendly*. Setiap kali saya terpaksa menekankan icon 'Guest Log in' untuk masuk ke *homepage* dan lihat urusan mesyuarat pada keesokan hari. Kadang-kadang saya terpaksa tunggu sehingga larut malam baru melihat soalan-soalan Parlimen yang dipaparkan. Selain itu *Hansard* kita juga tidak dipaparkan di dalam homepage kita. Kita semua ini dipilih oleh rakyat dan rakyat berhak untuk tahu apa yang berlaku di Parlimen tetapi malangnya, kerajaan bukan sahaja menafikan hak mereka untuk melihat siaran langsung persidangan Parlimen tetapi rakyat juga dinafikan hak untuk mengetahui tindak-tanduk Ahli-ahli Parlimen melalui *Homepage* Parlimen. Apakah tujuan *secrecy* ini?

Di sini saya ingin mengulangi seruan yang dibuat oleh bekas Ketua Pembangkang Parlimen Saudara Lim Kit Siang dalam Parlimen yang lepas bahawa suatu *parliamentary IT standing committee* ditubuhkan untuk mempromosikan pengetahuan IT di semua sektor rakyat dan mempopularkan konsep masyarakat informasi ataupun *k-society*.

Kita telah banyak mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang K-ekonomi dalam sidang Parlimen ini. Bilakah Parlimen kita akan menekankan penggunaan IT dan Parlimen kita juga akan bertukar menjadi kParlimen? Saya menyeru kerajaan menyemak semula tentang peruntukan kepada Parlimen supaya pihak pengurusan Parlimen boleh diperbaiki.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada P.7 – Butiran 00400 di bawah tajuk Infrastruktur Kecil Pembangunan Luar Bandar. Dalam jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada soalan saya yang bertarikh 6 Mac 2000 mengenai kemiskinan masyarakat India, beliau menafikan bahawa masyarakat India berada dalam kemiskinan yang teruk. Beliau juga berkata bahawa insiden kemiskinan di kalangan isi rumah India telah berkurangan daripada 39.2% pada tahun 1970 kepada 1.3% pada tahun 1997.

Jawapan tersebut sebenarnya adalah bercanggah dengan kajian yang dijalankan oleh MIC di lima estet di negeri Perak yang disiarkan dalam akhbar *The Star* pada 24 Januari 2000 pada muka surat 20. Saya berharap ini dapat disahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari MIC mengenai kajian mereka.

Dalam kajian ini ia melaporkan 40% rumah tangga mendapat pendapatan di bawah RM500 sebulan dan 4% rumah tangga mempunyai pendapatan kurang daripada RM200. Dan 90% daripada jumlah pekerja tidak mempunyai rumah sendiri. Mengikut nota kaki dalam muka surat 67 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, garis kemiskinan untuk sesebuah rumah tangga yang mempunyai saiz 4.6 di Semenanjung Malaysia ialah RM440, jika kita menggunakan amaun ini sebagai piawaian dan digunakan pada kajian yang dijalankan oleh MIC tersebut, maka kita akan mendapati bahawa sesuatu rumah tangga yang mempunyai lebih daripada lima ahli keluarga pun akan jatuh di bawah garis kemiskinan.

Kajian MIC juga menunjukkan bahawa kaum India yang duduk di estet biasanya mempunyai saiz rumah tangga yang lebih daripada lima orang. Dengan itu, ia membuktikan bahawa terdapat 40% daripada keluarga di estet di negeri Perak hidup di bawah garis kemiskinan dan 4% hidup di dalam keadaan yang terlalu miskin. Kemiskinan yang dialami oleh kaum India telah mengakibatkan peningkatan masalah sosial di kalangan mereka, ini termasuk kadar keciciran sekolah yang tinggi, kadar kemiskinan, kadar penagihan dadah dan kadar kematian secara teruk yang tinggi di kalangan mereka. Jadi, adalah penting bagi kerajaan untuk memberi peruntukan yang lebih dan memberi lebih keprihatinan kepada golongan India yang kurang bernasib yang duduk di luar bandar.

Mengikut Maksud B.4, Butiran 010000 – Urusan Pilihan Raya, saya memang menyokong cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan

tadi bahawa adalah tidak perlu bagi rakyat untuk mendaftar sebagai pemilih dalam pilihan raya tetapi SPR boleh bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara supaya mereka yang memegang IC Malaysia akan diberikan hak untuk membuang undi. Tetapi kalau sekiranya cadangan ini tidak diterima, saya juga ingin mencadangkan kepada SPR bahawa telah tiba masanya bagi SPR untuk membersihkan semula daftar pemilih mereka.

Saya juga menyeru SPR supaya menjalankan pendaftaran semula terhadap semua pengundi. Jadi, mereka yang pernah mengundi ataupun tidak pernah mengundi, semua rakyat Malaysia yang telah sampai umur 21 tahun haruslah mendaftarkan nama mereka semula supaya SPR dapat mempunyai suatu daftar pemilih yang bersih dan supaya dapat membersihkan nama yang tercacat mereka.

Mengikut Butiran 010300 – di bawah tajuk Komputer, dalam urusan Suruhanjaya Pilihan Raya, saya berharap kerajaan juga akan memberi penjelasan kenapakah dalam pilihan raya yang lepas CD yang dibekalkan oleh SPR kepada parti pembangkang adalah berbeza dengan CD Daftar Pemilih yang dipegang oleh calon parti BN dan juga kita juga mendapati bahawa Daftar Pemilih dalam CD yang diberikan kepada parti alternatif ini juga berbeza dengan senarai nama yang terkandung dalam homepage SPR di mana kadangkang kita mendapati nama yang dapat dicari dalam homepage SPR itu tiada dalam CD yang dibekalkan oleh mereka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dan juga CD yang diberikan kepada calon BN itu nama pemilih itu terdapat di sana tetapi nama mereka hilang di CD yang dibekalkan kepada parti pembangkang. Saya berharap kesemua pertanyaan ini dapat dijawab oleh pihak SPR dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sepuluh minit.

4.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, secara ringkasnya, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab dengan baik, jangan kita mendengar hujah-hujah daripada sebelah situ, terutamanya daripada Kinabatangan

*Mengata dulang aku tidak putih;
mengata dalang awak yang sedih;
mengata dulang paku serpih;
mengata orang awak yang lebih.*

Tuan Pengerusi, halaman 33, Butiran 010000, Maksud B.1 mengenai persidangan Parlimen kita sekarang ini. Tuan Pengerusi pun masih ingat beberapa minggu yang lepas kerana generator kita tidak baik – uzur. Maka bekalan elektrik terputus dan kemudian hawa dingin pun tidak ada lagi dan ini menjejaskan urusan persidangan Parlimen.

Begitu juga dengan masalah telefon kita, kerana alat-alat terlalu uzur dan pendawaian pun tidak begitu sempurna dan kemudian perkhidmatan telefon pun tidak baik. Kedua-dua perkara ini, kita berharap setiap Ahli Parlimen dapat memainkan peranan yang baik dan Tuan Pengerusi pun dapat menguruskan semua dengan sempurna. Itu kita harap dan walaupun ada peruntukan untuk baik pulih dan sebagainya, saya nampak di sinilah tetapi tidak ada yang diperuntukkan untuk generator kita dan juga untuk mencari cara bagaimana kita boleh memperbaiki penyelenggaraan supaya tidak akan berlaku lagi masalah tergendalanya bekalan elektrik dan begitu juga dengan perkhidmatan telefon di Parlimen kita, mudah-mudahan di dalam dua, tiga bulan lagi kita akan dapat perkhidmatan telefon yang terbaik di negara ini untuk bangunan yang terunggul di dalam negara ini juga.

Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B.10, Butiran 040000, halaman 102 – Perkhidmatan Pendakwaan dan sebagainya. Tuan Pengerusi, saya nampak ada kira-kira 700,000 kes mahkamah yang masih tertangguh sejak sepuluh tahun yang lalu dan pihak kita pun sudah membangkitkan masalah beratus ribu kes mahkamah yang tertangguh ini, lebih setengah juta – 400,000 melibatkan kesalahan jenayah ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, di sebelah sini tidak berapa dengar, mungkin sound system rosak agaknya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sound system memang bukan *sound* saya, *sound* alat pembesar suara.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak, kami di sebelah sini tidak dengar apa di sini. Kalau boleh tolong minta *check*, kalau tidak kita hanya rugi masa sahaja, ataupun ditangguhkan sahaja persidangan pada hari ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham! Ini *injury time* sekarang dan begitu nyaring suaranya, masih tidak dengar lagi, tetapi doktor mesti periksa. [*Ketawa*] Doktor mesti periksa sama ada telinga itu baik ataupun tidak. Di sini pun terdengar.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, kita minta perkara yang baik, saya beritahu, janganlah *emotional*, penamaan calon besok, tunggu besok. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana emotional pula? Saya beri cadangan yang baik, kita baik pergi ke doktor untuk periksa, itu nasihat yang bernas sekali.

Tuan Pengerusi, masalah 700,000 kes mahkamah tertangguh dan kemudian daripada itu 400,000 kes melibatkan kesalahan jenayah dan bakinya adalah kes sivil.

Tuan Pengerusi: Ya, dengar atau tidak Ahli Yang Berhormat di belakang itu?

Beberapa Ahli: Tidak dengar! [*Beberapa Ahli dari Blok D mengangkat tangan*]

Tuan Pengerusi: Tidak dengar ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak dengar lagi! Saya tak payah alat pembesar suara pun boleh dengar, di atas itu pun boleh dengar. Ya, kalau begitu kita tangguhkan persidangan Parlimen ini dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila teruskan ya Yang Berhormat. Sila teruskan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak teruskan. Saya menyeru supaya kita mencari cara-cara yang betul, yang baik, yang berkesan untuk menyelesaikan kes mahkamah yang masih tertangguh seperti ini supaya rakyat Malaysia dapat menyelesaikan masalah mahkamah dengan baik.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya bangkitkan - ada tujuh minit lagi ya?

Tuan Pengerusi: Lima minit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai hal ini, Tuan Pengerusi, halaman 59 Butiran 050000 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Walaupun saya bukan seorang Islam tetapi saya telah menerima aduan mengenai masalah jemaah haji yang terpaksa tunggu dengan lama kerana monopoli Tabung Haji dan kuota 22,000 orang setahun, 0.1% pendudukan sesebuah negara. Sekiranya seseorang itu tidak boleh tunggu lagi dengan Urusan Tabung Haji dan pergi ke Mekah melalui passport antarabangsa maka nasibnya ditahan oleh pihak Arab Saudi dan diberi layanan yang tidak baik. Baru-baru ini lebih 100, kalau tidak silap

saya 200 orang yang ditimpa nasib sedemikian dan saya pun menasihatlh semua rakyat Malaysia jangan kita melanggarkan undang-undang negara orang kerana akibatnya padah.

Walau bagaimanapun, saya hendak bertanya Yang Berhormat, pertama, bolehkah kerajaan mengkaji semula monopoli Tabung Haji dan kesan-kesannya terhadap jemaah haji. Saya tidak menafikan bahawa ada orang-orang yang dapat manfaat daripada Tabung Haji. Ini memang berlaku, jangan kita hendak memberi alasan bahawa kerana ada orang yang menerima manfaat dan kita tidak perlu kaji monopoli sedemikian.

Tuan Pengerusi, yang kedua, pada tahun 1987 berlakulah peristiwa lebih 400 orang Iran ditembak mati di Arab Saudi. Adakah - ini dengar baik-baik Yang Berhormat, adakah perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi bahawa kuota tidak akan dikenakan ke atas Malaysia. Tetapi enam atau tujuh tahun kemudian perjanjian ini tidak dikotakan dan kuota dikenakan semula. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai projek Y2K, halaman 87. Projek Y2K pada tahun 1999 dicatat di dalam buku Anggaran Perbelanjaan ini ialah RM470 juta, tetapi tahun ini walaupun Y2K tidak ada lagi tetapi kita memperuntukkan RM130 juta. Apakah maksud ini, adakah ini bermakna masalah Y2K kita, pepijat komputer, pepijat alaf baru ini masih berlaku di negara ini ataupun di seluruh dunia? Adakah kerana usaha kita, kita dapat mengatasi masalah ini sehingga tidak nampak lagi masalahnya ataupun masalah direka-reka, dibuat-buat sahaja untuk kepentingan segolongan orang.

Tuan Pengerusi, masalah mengenai halaman 54 Butiran 020000, Unit Perancang Ekonomi dan juga halaman 52 Program Penempatan Semula Setinggalan. Tuan Pengerusi, masalah ini ialah kerana pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga MTEN kita hendak menghapuskan, membersihkan kawasan setinggalan di seluruh negara ini pada tahun 2005, termasuk di ibu kota kita. Memang hasrat ini baik, saya terima hasrat ini dan saya pun kalau boleh akan membantu bagaimana kita sama-sama bekerjasama untuk mencapai matlamat ini.

Walau bagaimanapun, dasar kerajaan ialah bila membina rumah-rumah kos rendah atau sederhana ialah bagi orang yang mampu diberi peluang untuk membeli dan bagi orang yang tidak mampu diberi peluang untuk menyewa. Ini memang dasar boleh diterima juga kalau dilaksanakan dengan baik. Tetapi pada akhir-akhir ini pihak kerajaan, EPU dan juga Jabatan Perumahan Negara melalui Dewan Bandaraya mengenal pasti 21 kawasan untuk membina program rumah kos rendah bersepadu (PPR). Satu konsep yang baik, tetapi dasar ini ialah untuk hanya menyewa unit rumah kos rendah ini kepada pihak setinggalan yang terlibat di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan.

Di sini saya hendak menyeru supaya pihak.....

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa, 'Cinabatangan'.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah cukup, tidak payah kerana kita hendak bincangkan masalah yang baik yang sangat bernas.

Tuan Moktar bin Radin: Tidak ada kena mengena.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ikut peraturan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Minta gulung ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung sekarang, memang saya akur kepada 'Pertua Tun', minta masa sedikit ya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila gulung, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sudah hendak gulung, saya mencadangkan supaya pihak kementerian memberi peluang kepada orang yang berpendapatan rendah termasuk setinggan untuk membeli rumah kalau mereka mampu dan kalau dengan projek PPR tidak boleh ubahkan dasar, maka kita mesti buat alternatif kerana pihak Dewan Bandaraya adalah bersama-sama bekerjasama dengan pihak swasta untuk membina beratus-ratus unit rumah kos rendah di seluruh Kuala Lumpur dan kalau DBKL boleh memberi peluang keutamaan bagi orang-orang yang terlibat dengan pembersihan kawasan setinggan ini, maka mereka diberi priority untuk membeli rumah kos rendah. Ini merupakan satu alternatif bagi pihak yang bercita-cita untuk memperolehi rumah sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab, sudah cukup masa Yang Berhormat. Sila.

5.08 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin Haji Mulia]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menurut perkiraan saya lebih kurang, kalau tidak silap saya 18 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahas peruntukan yang telah diperuntukkan bagi Jabatan Perdana Menteri dalam peringkat Jawatankuasa ini dan biasanya Tuan Pengerusi, dalam peringkat perbahasan Jawatankuasa ini apa yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah perkara-perkara yang terperinci.

Jadi saya kena menggulung dan menjawab persoalan-persoalan terperinci yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu ini sudah tentunya mempunyai masa dua tiga hari 'during the weekend' dan membaca buku Belanjawan yang begitu tebal dan saya terpaksa menggulung semua isu yang dibangkitkan yang terperinci itu.

Jadi, saya mohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi peruntukan-peruntukan kepada JPM dan saya akan cuba dengan sedaya upaya untuk memberi jawapan sepanjang ingatan dan pengetahuan saya yang betul. Oleh kerana umpamanya isu-isu yang dibangkitkan, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan isu-isu agama, isu-isu pencen yang terperinci tetapi semua yang saya dengar itu perkara-perkara yang telah pun dijawab pada peringkat dasar waktu kita membahas Belanjawan ini pada peringkat dasar maka tidak payahlah saya menjawab dan di mana perlu saya akan jawab semula, di mana perlu.

Tuan Pengerusi, Bagan dan Tanjong memulakan perbahasan dan saya perhatikan isu yang ditimbulkan ialah seperti begini, saya singkatkan iaitu isu pilihan raya, tanggungjawab SPR, perkara-perkara subjudis yang dibangkit oleh Perdana Menteri, menggunakan jentera kerajaan yang tidak harus digunakan, kenapa tuduhan kepada mantan IGP dipinda, perpindahan kepada Putrajaya, soal pencen, kes BPR yang telah lama ditunggu, Suruhanjaya Pilihan Raya kenapa di New Zealand boleh dibuat mendaftar begitu sahaja, kenapa di Malaysia tidak boleh dibuat dan macam-macam lagi. Dan ini telah pun dijawab secara terperinci sewaktu kita menggulung dalam perbahasan peringkat dasar.

Walau bagaimanapun untuk membuka minda para pembangkang yang tidak langsung mendengar jawapan-jawapan daripada kita, saya akan kembali balik untuk memberi ingatan kepada Bagan dan Tanjong iaitu mengenai dengan soal SPR ini. Tidak payah pun saya rujuk kepada pegawai-pegawai di belakang yang pakar-pakar ini. Ini pengalaman saya dalam politik.....

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya tidak bangkit...

Tuan Pengerusi: Nak bagi jalan ke tidak, Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: Sebenarnya saya tidak bangkit isu SPR.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, nak bagi jalan ke tidak?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih kalau tidak bangkit. Siapa tadi yang membangkit itu? Terlampau ramai yang berdiri. Jadi, kita semua ini baru, saya tidak tahu Bagankah, dari manakah, cuma yang selalu Pokok Sena, saya tahu. *[Ketawa]* Siapa tadi yang bangkit itu, itu jawapan sama dialah. Kalau tidak bangkit, terima kasihlah kerana Yang Berhormat faham. *[Disampuk]* Yang harus dipotong gaji ini, Tuan Pengerusi, adalah pembangkang yang cuma mengacau ini. Tidak ada sumbangan kepada negara Malaysia pun. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Meningkatkan kita punya ekonomi, mereka ini tidak ada sumbangan. Ini yang harus tidak dikasi elaun.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Yang mengacau kerajaan ini.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan, Yang Berhormat. Kita cuba hendak habiskan perkara ini dalam hari ini adakah boleh Yang Berhormat?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak dapat boleh habiskan, Tuan Pengerusi, kerana nanti kalau saya tidak jawab nanti ada tuduhan lagi daripada mereka. Yang ini pun yang sempat saya pegang waktu saya ambil nota *[Sambil mengangkat beberapa helai kertas]* daripada mereka ini. Kalau juga saya diberi kesempatan untuk menjawab semua, bagi saya 2 hari secara terperinci, satu daripada A sampai Z, semua yang dibangkitkan saya akan jawab. Tetapi bersikap adil kepada saya. *[Disampuk]*

Ini aturan saya punya gaji ditambah, dipotong daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini RM10 kerana dipaksa menjawab ini secara spontan. *[Tepuk]* *[Disampuk]* Memang pun buat kerja tetapi kita buat kerja, Tuan Pengerusi, kita buat kerja – kita menjawab, dia tidak menerima jawapan langsung. Ini masalahnya. Bukan sahaja fikiran mereka ini sempit tetapi hati mereka tertutup sama sekali. Hati buta ini tidak menerima hakikat. Umpamanya tadi, sudah pun mereka tahu bahawa dalam belah bahagian pun mereka kalah, mahu juga minta belah bahagian.

Hakikatnya dia tidak menerima. Dia sudah tahu bahawa kita majoriti, minta juga belah bahagian. Pasal apa? Kerana supaya orang sana dengar. Kerana pilihan raya kecil akan datang. Itu yang dia mahu, bukan semata-mata apa. *[Tepuk]* Itu bukan sebab dia.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya akan teruskan, Tuan Pengerusi. Saya akan teruskan. Tetapi walaupun minta penjelasan, berdirilah. Jangan waktu duduk, lepas itu buat komen kerana kita pun di kerajaan. Setiap kamu nanti yang bercakap, kita pun berdiri buat komen. Apa jadinya nanti kepada persidangan kita? *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak kasi laluan. Juga ikut undang-undang..... *[Disampuk]* Macam mana saya kasi laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baliklah, pintu belakang dia mai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Itu lagi satu Pokok Sena. Kalau beginilah tabiat mahu jadi barisan pemimpin alternatif untuk mengganti kerajaan di sini, minta maaf. Saya rasa lebih jauh lagilah. *[Disampuk]* Belum boleh jadilah.

Tuan Pengerusi: Sila, sila teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Belum pun saya, baru mukadimah, sudah mereka tidak tahan dengar apa saya punya alasan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tetapi kita duduk sini dengan sabar, kita dengar apa semua yang mereka bangkitkan kerana kita mahu jawab. Kita baru mahu jawab, dia tidak tahan telinga. Pasanglah telinga dulu. *[Disampuk]* Dengar. Kalau tidak mahu dengar...

Beberapa Ahli: Keluar.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Keluar! Kerana ini semua pun masuk *Hansard* juga. Yang Ahli-ahli Yang Berhormat timbulkan semua masuk *Hansard*, keluarlah kalau tidak mahu dengar.

Tuan Pengerusi: Sudah, sila teruskan Yang Berhormat. Ya, ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih.

Mengenai dengan soal perpindahan yang dibangkitkan oleh Bagan. Mengenai dengan soal selepas 6 bulan mesti dibakar – itu kertas undi, diperhatikan semua. Mengenai dengan soal kenapa lambat. Saya sudah terangkan di sesi lalu bahawa semua tindak-tanduk SPR ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Pilihan Raya dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya. Semua itu mengikut landasan yang tertentu.

Umpamanya, kalau saya sudah jawab secara terperinci kepada Bagan, apa faedahnya selepas 6 bulan, lepas itu semua orang di bawah, dengan ada TV krew sekali, lepas itu untuk menyaksikan kertas-kertas undi ini dibakar, untuk kasi puas hati siapa? Tetapi yang dia tidak sedar ataupun sengaja tidak sedar ini, mulai kita membubarkan Dewan sehingga penamaan calon, wakil-wakil daripada parti pembangkang ada. Sewaktu pengundian dibuat sekalipun, ada *polling agent* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat punya parti sendiri. *[Tepuk]* Kalau ada kesalahan sana, kenapa *polling-polling agent* ini tidak buat bantahan? *[Disampuk]* Apa sebab? Oleh kerana mereka ini tidak tahu.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ini jawapan. Nanti dulu. Ini jawapan kerana kau minta. Ahli Yang Berhormat minta supaya dibakar. Jadi, sekarang ini saya akan sentuh secara terperinci. Umpamanya, okay, waktu kita juga mengira undi, bukannya setiap parti diwakili oleh *counting agent*. Dan sewaktu kira undi itu, semua *counting agent* juga sewaktu dikira, disimpan itu undi di bakul masing-masing, parti masing-masing dikasi tengok.

Seorang Ahli: Tidak kira, tidak kira itu.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak kira pasal dia tidak mahu dengar. Ini memang hakikat yang sebenar menurut peruntukan-peruntukan pilihan raya. Tidak ada. *[Disampuk]* Dengar sekarang ini musim menteri menjawab. Kalau musim menteri

menjawab, dengarlah. Tadi waktu you cakap, saya dengar, saya tidak ganggu pun. *[Disampuk]* Saya tahu kalau tidak dibangkitkan itu pasal tetapi yang punya tujuan soalan itu. Kalau begini okay, saya akan pergi terperinci lagi. Itu daripada mula.

Jadi, umpamanya selepas 6 bulan dibakar supaya rakyat puas hati. Sedarkah Yang Berhormat, bukan semua orang yang mengundi itu - yang pengundi ini bukan semua mahu supaya undi mereka diketahui. Itulah makanya undi rahsia. Ada orang yang mahu mengundi pembangkang tetapi mahu sembunyikan itu. Mahukah Yang Berhormat segala undi itu diketahui oleh orang juga? Ini Yang Berhormat punya fikiran sendiri. Jangan libatkan masyarakat berpuluh juta. *[Disampuk]* Ini bukan pusing punya. Ini betul punya.

Seorang Ahli: Pusing belakang mari.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Dalam 6 bulan itu, maka kita tidak sentuh itu kertas undi dalam peti undi seandainya ada pihak-pihak yang tidak puas hati. Kalau ada pihak yang tidak puas hati, maka dia boleh bawa petisyen pilihan raya dan kalau tidak ada sememangnya menurut undang-undang juga bahawa kita akan bakar selepas 6 bulan dan sekali lagi wakil-wakil parti dipanggil. Tetapi selepas pilihan raya, setelah Suruhanjaya Pilihan Raya ini hantar surat, Tuan Pengerusi, kepada mereka yang berkenaan tidak lagi orang datang kerana bagi mereka itu sudah akademik, kerana dia sudah kalah. Kerana tidak ada juga alasan-alasan tertentu untuk membawa SPR kepada mahkamah. Tidak ada *election petition*.

Satu lagi mengenai dengan soal kenapa lambat. Sudah saya dengar ini dalam sisi ini sampai telinga saya gatal untuk dengar dan kita jawab kenapa lambat. Kita bilang dia lambat oleh kerana ada juga peraturan yang diikuti. Pertama, waktu orang mendaftar, kita harus selidik siapakah yang mendaftar ini. New Zealand bukan ada pendatang tanpa izin Yang Berhormat. Kita harus tahu adakah orang itu yang mendaftar itu I/C dia adalah wargenegara Malaysia? Ada perkara yang dibuat, selepas kita ambil tahu ini, nama-nama tersebut kita hantar kepada pendaftaran mengesahkan sama ada itu orang Malaysia atau tidak?

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ha, ini mahu berdiri lagi. Dia tidak tahan dengar. Sekarang kita menjawab supaya mereka ini faham supaya jangan bangkit lagi Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu kasi laluan.

Tuan Pengerusi: Ya, dia tidak beri jalan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya tidak mahu kasi jalan....

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia:kerana saya dalam mood untuk memberi penerangan kepada mereka yang tidak faham ini, yang tidak mahu menerima hakikat ini. Setelah begitu, setelah nama-nama ini pula didaftar ada lagi prosedur yang bermacam diikuti terpaksa dipamerkan nama-nama itu sama ada ada bantahan atau tiada dan ini mengambil masa 21 hari lagi dibantah. Kalau Yang Berhormat ada bantahan di waktu itu oleh kerana ada orang beratus-ratus dipindah daripada satu kawasan ke satu kawasan, kenapa Yang Berhormat tidak bantah waktu itu? Kenapa Yang Berhormat tidak datang di tempat-tempat yang tertentu? *[Tepuk]* Tapi ini Tuan Pengerusi, biasanya di sebelah sana ini cuma buat tuduhan-tuduhan yang liar. Mereka sendiri tidak faham dan telah pun diberitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa 700,000 lebih pengundi yang mendaftar secara mendadak. Ini pula ditafsirkan bahawa seperti apa Kinabatangan cakap seolah-olah 700,000 lebih ini semua pengundi Barisan Alternatif, belum tahu. *[Tepuk]*

Bagi hemat saya, kalau semua itu terdaftar mungkin bukan banyak begini bilangan yang datang di sini di waktu ini, tidak, saya yakin dan percaya. Tidak, jangan buat

tanggapan bahawa itu semua adalah pengundi, maka tidak kerana kita pun Tuan Pengerusi, rasa terkilan juga mengapa tidak dapat didaftar cepat kerana saya sendiri mahu didaftar cepat kerana saya tahu sebilangan banyak pengundi itu adalah mengundi di kawasan-kawasan di mana Barisan Nasional yang saya nampak di Sabah boleh menang. Tetapi oleh kerana kita akur dengan Suruhanjaya Pilihan Raya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak mahu kasi laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bertandingkah?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ini tidak mahu dengar sebab kita cakap kita tidak mahu kasi laluan, *[Disampuk]* tidak faham lah ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ya sila teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:masuk pintu belakang...

Tuan Chong Eng: Ya Tuan Pengerusi, saya kesal bahawa saya *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tak beri jalan..*[Disampuk oleh beberapa orang ahli]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat....sila duduk, kita kena sabar sikitlah Yang Berhormat. Tolong, tolonglah.

Beberapa orang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini merapu kuat sangat Tun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini macam pendekar bujang lapuk sahaja.

Tuan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah, cukuplah.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, kalau kita kena tuduh, kita bilang pembangkang bukan profesional, mereka ketawa. Kita menjawab pula dengan cara baik, apa yang mereka mahu dengar lepas itu kita pula bukan unprofessional.

Seorang Ahli: Menteri jawab kata protes.

Tuan Mohamad bin Sabu: Menteri boleh jawab, bagus.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Pendekar bujang lapuk.

Datuk Pandikar Amin Haji Milia: Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat anggap jawapan saya ini tidak betul, keluarlah kerana *Hansard* itu akan ditulis juga segala persoalan yang kamu timbulkan sama ada kamu berdirikah, sama ada kamu batukkah....*[Semua ahli pembangkang bangun]* Ya, sila. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Pintu belakang punya masuk!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Mohamad bin Sabu: ...ini tak reti langsung menjawab soalan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Saya akan tetap jawab itu soalan sama ada Yang Berhormat ada atau tiada.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bodoh!

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ai, janganlah cakap begitu.

[Semua ahli pembangkang keluar meninggalkan Dewan]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kuala Kedah ni,...minta tarik balik.

Tuan Pengerusi: Dia keluar dah, biarlah. Hendak tarik balik pun dia keluar dah ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order 36 (6), Kuala Kedah tarik balik ayat 'bodoh'. *[Disampuk]* tak kira bila pun. Masuk saja balik esok, tarik balik ayat 'bodoh'.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup Yang Berhormat, ya, ya. Yang Berhormat boleh pendekkanlah ucapan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Apa macam boleh pendekkan, Tuan Pengerusi, semua ini memerlukan jawapan yang terperinci daripada mereka. Jadi, saya menjawab perkara yang terperinci. Dia orang tidak mahu dengar apa yang saya mahu cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah Yang Berhormat Menteri dapat menjawab kemusykilan saya bahawa inilah sikap parti pembangkang. Apabila mereka diberikan peluang untuk memperkatakan sesuatu, mereka akan memperkatakan sesuatu mengikut kepentingan politik mereka untuk meraih sokongan daripada rakyat yang mungkin tidak faham asal usul sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh mereka. Tetapi apabila pihak kerajaan ingin menjawab pertanyaan-pertanyaan dan soalan-soalan yang samar, yang boleh mengelirukan rakyat, mereka mengambil sikap tidak mahu menerima kenyataan itu kerana mereka rasa jawapan yang akan diberikan oleh pihak kerajaan akan merugikan kepada parti mereka. Jadi, saya ingin sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Terima kasih daripada Ahli Yang Berhormat, dari mana kawasan tadi? Sri Gading. Memang pendapat itu adalah pendapat yang betul-betul saya setuju. *[Tepuk]* Kita bukan tidak menjawab, kita menjawab dan persoalan yang ditimbulkan oleh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang ini persoalan yang bukan saja mengkehendaki jawapan apa yang mereka tanya tetapi ada yang harus kita jawab juga maksud pertanyaan itu yang sebenar. Umpamanya, kenapa harus selepas berapa hari dan dibakar semula, dia mahu semua itu krew datang. Saya jawab, dia tak boleh tahan, dia keluar.

Jadi, ini dia orang pagi tadi Tuan Pengerusi mahu juga wira dunia ketiga berdepan dengan mereka ini. Sudah saya katakan, baru pendekar kampungpun, semua sudah terbang. Cuma baru pendekar kampung didatangkan dari Sabah yang selalu disebut oleh Pokok Sena ini yang dia kata ini masuk pintu belakang, saya tidak tahu apa istilah yang saya gunakan. Mahu saja saya panggil 'K.A'. Mahu saja saya panggil begitu tetapi beginilah sikap yang Barisan Alternatif mahu lawan dengan kerajaan ini. Baru saja saya secara spontan menjawab, dia tidak mahu dengar.

Jadi, kalau saya mahu pendekkan, boleh saya pendekkan dalam dua tiga perkataan. Tetapi kita tidak mahu pendekkan oleh kerana itu hakikat yang sebenar mereka mahu juga. Umpamanya, dipersoalkan mengenai dengan BPR punya kuasa, mengenai dengan pendakwaraya punya kuasa telah juga diterangkan di sini berkali-kali iaitu segala siasatan yang dibuat oleh BPR adalah rahsia, yang boleh saja mengatakan bahawa pendakwaan dibuat atau tidak ialah Peguam Negara tetapi mereka tidak mahu menerima

hakikat yang sebenar kerana setiap tindakan kerajaan kalau lambat penyiasatan, cover up. Kalau tidak didakwa, cover up, kalau tidak buat itu, cover up. Ini semua hati mereka ini Tuan Pengerusi ditutup oleh syaitan. Menamakan nama mereka pemimpin Islam tetapi ditutup tidak sama sekali mempunyai fikiran terbuka. Tidak mendengar, tidak sama sekali mendengar penerangan kita. Tetapi kalau pula daripada Tambun tadi dia membuat saranan-saranan apa yang harus dibuat mengenai dengan JAKIM ini, sistem informasi dan sedemikianya.

Yang Berhormat bagi Bagan Datoh juga dia buat saranan-saranan, jawapan saya singkat. Saranan-saranan itu kita akan ambil perhatian yang serius dan kita akan masukkan sebagai dasar kerajaan [*Tepuk*]

Begitu juga saranan daripada Serdang. Kita akan terima juga saranan-saranan ini. Begitu juga saranan daripada Kepong tadi dia katakan bahawa *air-cond*, segala *facility* di Parlimen ini tidak *working*, kita juga bersetuju dengan itu kerana kita mahu kerja dengan selesa, itu cadangan baik. Tetapi ada cadangan-cadangan yang perlu kita jawab. Cadangan yang remeh saya anggap, cadangan kalau boleh saya pinjam tadi itu perkataan 'bodoh' itu, sebelum dia tarik saya pakai [*Ketawa*] Jadi kalau soal tarik, sama-sama tariklah. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat-Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat. [*Ketawa*] Minta tenang fikiran sedikit.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam sepuluh pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang